Cagamas Holdings

GALAKAN PEMILIKAN RUMAH NEGARA

BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT

LAPORAN TAHUNAN 2019

Galakan Pemilikan Rumah Negara:

Berkhidmat kepada Masyarakat

Pasaran perumahan merupakan daya penggerak dalam ekonomi kita dan sebagai aset jangka panjang, pemilikan rumah memainkan peranan yang penting bagi membina masyarakat yang kukuh dan stabil. Sebagai perbadanan gadai janji negara, kami berada di kedudukan yang terbaik untuk memberikan bantuan bagi pencapaian pemilikan rumah dengan penyelesaian pembiayaan rumah yang berpatutan dan berdaya saing. Dengan pengalaman dan kepakaran kami, kami tetap komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dengan menyokong aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat dan memenuhi peranan kami dalam Galakan Pemilikan Rumah Negara.

ISI KANDUNGAN

Struktur Korporat Kumpulan	04
Maklumat Korporat	05
Notis Mesyuarat Agung Tahunan	06
Profil Lembaga Pengarah	10
Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Lembaga Pengarah	19
Pemegang Syer	20
Kemuncak Korporat	22
Anugerah & Pengiktirafan	37
Cagamas Dalam Akhbar	38

Kemuncak Kewangan Kumpulan	**40**
Tinjauan Perniagaan	**42**
Laporan Kemampanan	**51**
Penyata Pengerusi	**72**
Penyata Tadbir Urus Korporat	**78**
Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan	**84**
Penyata Kawalan Dalaman	**88**
Pengurusan Risiko	**90**
Maklumat Perangkaan	**95**
Cagamas Berhad	**104**
Profil Lembaga Pengarah	**106**
Kumpulan Pengurusan	**116**
Struktur Organisasi	**118**
Anak-anak Syarikat Lain	**120**
Penyata Kewangan	**121**
Pendedahan Tunggak 3	**271**
Borang Proksi	•

VISI

Untuk menggalakkan pemilikan rumah dan menyumbang kepada pembangunan negara

MISI

- Menyokong inisiatif Kerajaan bagi pemilikan rumah
- Menyediakan kecairan kepada sektor kewangan sebagai perbadanan gadai janji sekunder
- Menyumbang kepada pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam dan lain-lain sektor keutamaan melalui penerbitan instrumen inovatif
- Menawarkan penyelesaian pengurusan risiko dan modal yang disesuaikan sejajar dengan objektif Syarikat
- Menerapkan budaya yang menggerakkan inisiatif yang mampan
- Menggalakkan profesionalisme, integriti dan tadbir urus korporat yang baik

STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN

[1] *Satu Syer Keutamaan Boleh Tebus (RPS) bersamaan dengan 100% pemegangan RPS di dalam Cagamas MBS Berhad, dipegang oleh Cagamas SRP Berhad secara amanah untuk Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam telah ditebus sepenuhnya pada 16 Disember 2019.*

MAKLUMAT KORPORAT

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 32, The Gardens North Tower
Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Tel : +603-2262 1800
Faks : +603-2282 9125

SETIAUSAHA SYARIKAT

Malathi Gopalakrishna Menon (LS 0010458)
No. Perakuan Amalan SSM 202008001689

JURUAUDIT

Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT
Aras 10, 1 Sentral, Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

JURUBANK

Malayan Banking Berhad

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang Ketigabelas (ke-13) Cagamas Holdings Berhad (Syarikat) akan diadakan di Bilik Lembaga Pengarah, Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, pada hari Rabu, 3 Jun 2020 pada jam 11.00 pagi untuk melaksanakan urusan berikut:

SEBAGAI URUSAN BIASA		
1	Untuk menerima penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit yang terkandung.	
2	Untuk meluluskan pembayaran Yuran Pengarah dari AGM yang ke-13 hingga AGM yang ke-14 seperti yang dinyatakan di bawah, dibayar sebagaimana yang Pengarah akan tentukan: (i) RM100,000 setiap tahun kepada Pengerusi Lembaga Pengarah; (ii) RM70,000 setiap tahun kepada Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan (iii) RM70,000 setiap tahun kepada Ahli Lembaga Pengarah.	**(Resolusi Biasa 1)**
3	Untuk meluluskan manfaat Pengarah terdiri daripada elaun mesyuarat perlu bayar kepada Pengarah dari AGM yang ke-13 hingga AGM yang ke-14 seperti berikut: (i) RM5,000 setiap mesyuarat kepada Pengerusi Lembaga Pengarah/Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan (ii) RM3,500 setiap mesyuarat kepada setiap Ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Lembaga Pengarah.	**(Resolusi Biasa 2)**
4	Untuk melantik semula Wan Hanisah binti Wan Ibrahim yang akan bersara mengikut giliran menurut Artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat dan, oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dilantik semula. Datuk George Ratilal yang juga akan bersara mengikut giliran menurut Artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat, telah menyatakan hasrat beliau untuk tidak menawarkan diri beliau untuk dilantik semula. Oleh yang demikian, beliau akan kekal sebagai Pengarah sehingga tamat AGM yang ke-13.	**(Resolusi Biasa 3)**
5	Untuk melantik semula Datuk Siti Zauyah binti Md Desa yang akan bersara menurut Artikel 23.2 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dilantik semula.	**(Resolusi Biasa 4)**
6	Untuk melantik semula Chong Kin Leong yang akan bersara menurut Artikel 23.2 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dilantik semula.	**(Resolusi Biasa 5)**
7	Melantik Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka.	**(Resolusi Biasa 6)**
8	Melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat, 2016 dan Perlembagaan Syarikat.	

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
(SAMBUNGAN)

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

Malathi Gopalakrishna Menon (LS 0010458)
No. Perakuan Amalan SSM 202008001689
Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
4 Mei 2020

Nota-nota

1. Seorang ahli yang berhak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat adalah berhak untuk melantik sehingga dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak beliau. Seorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.

2. Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada satu (1) orang proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah kecuali beliau menyatakan nisbah pemegangan syer beliau yang dipegang yang akan diwakili oleh setiap proksi.

3. Suratcara pelantikan proksi tersebut hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil beliau yang telah diberi kuasa secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah badan korporat, sama ada di bawah meterai atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang telah diberi kuasa.

4. Kesemua Borang Proksi mestilah sempurna diisi dan diserahkan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat berkenaan atau mesyuarat yang ditangguhkan mengikut keadaan yang berkenaan.

GALAKAN PEMILIKAN RUMAH NEGARA

BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT

Dengan Menyokong Program Pemilikan Rumah Mampu Milik Kerajaan

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

DATO'
BAKARUDIN BIN ISHAK
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Umur **59 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Januari 2019**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **4/4**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa
- Pengerusi, Cagamas Berhad
- Pengerusi, Cagamas SRP Berhad
- Pengarah, Affin Islamic Bank Berhad

Dahulu
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia (BNM)
  - Ahli, Jawatankuasa Dasar Monetari BNM
  - Pengarah, Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing
  - Pengarah, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
- Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear)
- Ahli Majlis Tadbir, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Panel Pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan (Meletak Jawatan berkuatkuasa 20 September 2019)

Kelayakan

- Ahli Felo, CPA Australia
- Ijazah dalam Perniagaan, Curtin University of Technology, Perth

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Tabung Haji
- Pengarah, Bank Islam Malaysia Berhad
- Pengarah, BIMB Holdings Berhad
- Pengarah, TH Plantations Berhad

Dahulu

- Pengasas, Inovastra Capital Sdn. Bhd.
- Pengarah, BIMB Investment Management Berhad
- Pengarah Berkepentingan Awam, Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)
- Ahli Lembaga, Universiti Utara Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia)
- Pengarah, Al Hijrah Media Corporation
- Pengarah Eksekutif, Pengawasan Pasaran dan Korporat/ Pengerusi Eksekutif, Lembaga Pemantauan Audit Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Pengarah Eksekutif, Pengawasan Pasaran dan Korporat
- Pengerusi Eksekutif, Lembaga Pemantauan Audit Suruhanjaya
- Ahli, Jawatankuasa Penyenaraian, Bursa Malaysia
- Ahli, Panel Kajian Operasi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Presiden, Institut Akauntan Malaysia
- Naib Presiden, Persekutuan Akauntan ASEAN
- Ahli, Eksekutif dan Jawatankuasa Strategi, Confederation of Asian and Pacific Accountants
- Pengerusi, Jawatankuasa untuk Mengukuhkan Profesion Perakaunan

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATUK
NIK MOHD HASYUDEEN BIN YUSOFF
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif
(Meletak Jawatan sebagai Pengarah/Pengerusi berkuatkuasa 20 September 2019)

Umur **55 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Januari 2017**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **3/3**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

TAN SRI DATO' SRI
TAY AH LEK
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Umur **77 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **12 Ogos 2011**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **4/4**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
Ahli, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan
- Felo Emeritus, Institut Pengurusan Malaysia
- Ahli Felo, Perbankan Bertauliah bagi Asian Institute of Chartered Banker
- Ahli Felo, CPA Australia
- Ahli Felo, Financial Services Institute of Australasia
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Henley, United Kingdom

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain
Semasa
- Pengarah Urusan dan CEO, Public Bank Berhad
- Pengarah, Kumpulan Syarikat Public Bank
- Pengarah, Ombudsman for Financial Services (sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)
- Ahli, Majlis Tindakan Ekonomi
- Pengerusi, Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia
- Ahli Majlis, Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Perunding Pembekal Perkhidmatan bagi Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan

Dahulu
- Pengarah, Cagamas Berhad
- Naib Presiden Eksekutif, Public Finance
- Naib Presiden Eksekutif, Public Bank

Perakuan
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Pengerusi, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

Kelayakan

- MBA, Aston University, United Kingdom
- BA (Hons) Accountancy, Birmingham City University

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah, Genting Berhad

Dahulu

- Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)
- Pengarah, PETRONAS
- Pengarah, PETRONAS Chemicals Group Berhad
- Pengarah, PETRONAS Gas Berhad
- Pengarah, PETRONAS Dagangan Berhad
- Pengarah, MISC Berhad
- Pengarah, APA Group
- Pengarah, RHB Investment Bank Berhad
- Pengarah, KLCC Property Holdings Berhad
- Berkhidmat di PETRONAS sebagai Naib Presiden dan Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Kewangan Kumpulan selama 15 tahun. Sebelum itu, bekerja di bank pelaburan selama 18 tahun, memberi tumpuan kepada kewangan korporat di mana beliau terlibat dalam khidmat nasihat dalam penggabungan dan pengambilalihan dan pasaran modal

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATUK
GEORGE RATILAL
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **60 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **12 Ogos 2011**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **4/4**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

DATUK
ABDUL FARID BIN ALIAS
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Umur **52 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **6 Jun 2013**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **4/4**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
Tiada

Kelayakan
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Denver, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan, Pennsylvania State University, Amerika Syarikat
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat
- Ahli Perbankan Bertauliah bagi Asian Institute of Chartered Bankers

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain
Semasa
- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Malayan Banking Berhad
  - Pengarah, Kumpulan Syarikat Maybank

Dahulu
- Timbalan Presiden & Ketua, Perbankan Global, Maybank
  - Ketua, Antarabangsa, Maybank
- Khazanah Nasional Berhad
- JP Morgan Securities
- Malaysian International Merchant Bankers
- Schroders (L) Limited

Perakuan
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Simon Fraser University di Kanada
- Ijazah Kepujian BBA Bersama (Kelas Pertama), Simon Fraser University di Kanada

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah, CIMB Group Holdings
- Pengarah, CIMB Bank
- Pengerusi, BIX Malaysia (Bond & Sukuk Information Platform Sdn. Bhd.)
- Lembaga Pemegang Amanah, Dana Pembangunan Pasaran Modal
- Penasihat, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Dahulu

- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, CIMB
- President, Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia
- Pengurus Portfolio Perbendaharaan dengan sebuah bank terkemuka di Kanada dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan Aset-Liabiliti bank tersebut

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATO'
LEE KOK KWAN
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Umur **54 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **12 Jun 2015**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **2/4**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

WAN HANISAH BINTI WAN IBRAHIM
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **63 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **26 Mei 2016**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **4/4**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah, Cagamas MBS Berhad
- Pengarah, Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn. Bhd.

Dahulu

- Pengarah, Jabatan LINK & Regional Offices, Bank Negara Malaysia (BNM)
- Pengarah, Jabatan Pertukaran Asing, BNM
- Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, BNM
- Pengarah, Jabatan Antarabangsa, BNM
- Ketua Perwakilan, Pejabat Perwakilan BNM di London

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Pengerusi, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Undang-undang, the School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London
- Diploma Lepasan Ijazah dalam Undang-undang dan Amalan Syariah (dengan Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- LL.M, Queen Mary College, University of London
- Barrister at Law, Lincoln's Inn.
- LL.B (Hons), University of Buckingham

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengerusi dan Rakan Kongsi Kanan, Zaid Ibrahim & Co. (ZICO)/Peguambela & Peguamcara
- Pengerusi, Chin Hin Group Berhad
- Pengerusi, T7 Global Berhad
- Pengerusi, Pengurusan Aset Air Berhad
- Pengarah, Amanah Saham Nasional Berhad
- Pengarah, MUFG Bank Malaysia Berhad
- Pengerusi, Perbadanan Tabung Pampasan Pasaran Modal (ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia)
- Pengerusi, Majlis Perniagaan Malaysia – Singapura
- Pengerusi, IIUM Holdings Sdn Bhd
- Ahli Pengamal, Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF)
- Ahli, Chartered Institute of Marketing (United Kingdom)
- Ahli Felo, Financial Services Institute of Australasia (FINSIA)
- Felo Pelawat Kanan, Melbourne Law School, University of Melbourne, Australia
- Notari Awam Berdaftar

Dahulu

- Ahli Scholar Pelawat Fulbright, Harvard Law School (1996 – 1997)
- Felo Pelawat Chevening, the Oxford Centre of Islamic Studies, Oxford University (2004-2005)
- Timbalan Dekan Fakulti Perundangan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Perunding Perundangan, Dana Rizab Am Negara (SGRF), dana kekayaan bagi Kesultanan Oman
- Pengarah, Lembaga Tabung Haji
- Ahli, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Malaysia (MAIWP) (Dilantik oleh Kebawah Duli Yang Di Pertuan Agong Malaysia)
- Pengerusi dan Pengarah, Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
- Pengerusi dan Pengarah, Perodua Sales Sdn. Bhd. dan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd.
- Pengerusi, UMW Manufacturing & Engineering
- Pengarah, Manulife Holdings Berhad
- Pengarah, Manulife Insurance Berhad
- Pengarah, UMW Holdings Berhad
- Pengarah, Fraser & Neave Holdings Berhad
- Pengarah, MSIG Insurance (Malaysia) Berhad
- Pengarah, Ranhill Holdings Berhad
- Pengarah, The Asian Institute of Finance (AIF) (sebuah entiti latihan dan pendidikan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia)

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATUK SERI DR.
NIK NORZRUL THANI BIN N. HASSAN THANI
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **60 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Januari 2019**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **4/4**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

DATUK
SITI ZAUYAH BINTI MD DESA
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **61 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Disember 2019**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **1/1**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Tiada

Kelayakan

- The Oxford High Performance Leadership Programme, Said Business School, University of Oxford, United Kingdom (UK)
- MBA (Perbankan Antarabangsa) (Senarai Lembaga Pengarah), University of Manchester, UK
- Diploma dalam Pentadbiran Awam (Cemerlang), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia
- BSc (Hons) in Quantity Surveying (Kelas Kedua Atas), University of Reading, UK

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

–

Dahulu

- Pengarah untuk Perbadanan Perdagangan Kewangan, Islamic Development Bank
- Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Social Security Fund of Malaysia)
- Pengarah, Export-Import Bank of Malaysia
- Pengarah, Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Pengarah, UDA Holdings Berhad
- Pengarah, Syarikat Prasarana Malaysia Berhad
- Pengarah, Bank Simpanan Nasional
- Pengarah, DanaInfra Nasional Berhad
- Pengarah, Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.
- Pengarah, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Pengerusi bagi Tabung Infrastruktur ASEAN
- Pengarah/Timbalan Pengerusi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Pengerusi Bersama bagi Jawatankuasa Pelaburan Nasional II
- Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
  - Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
  - Pengarah Belanjawan Negara, Pejabat Belanjawan Negara
  - Timbalan Setiausaha, Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan
  - Timbalan Setiausaha, Pengurusan Pinjaman, Bahagian Pasaran Kewangan & Aktuari
  - Timbalan Setiausaha (Infrastruktur), Pelaburan, MOF (Inc) & Bahagian Penswastaan
  - Pengarah Penasihat bagi Bank Pembangunan Asia (ADB) kepada kawasan milik Malaysia, Burma, Nepal, Singapura dan Thailand

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

LEMBAGA PENGARAH & JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah), yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan/ wakil-wakil dan ketua-ketua eksekutif bagi pemegang-pemegang syer utama terpilih serta ahli-ahli profesional berpengalaman yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah, adalah bertanggungjawab untuk merumus dasar am bagi Syarikat.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan menilai perancangan dan skop audit yang dibuat oleh juruaudit luar ke atas Kumpulan Syarikat Cagamas (Kumpulan) di samping keberkesanan tatacara-tatacara kewangan dan kawalan dalaman.

Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan menilai praktis urus tadbir korporat bagi Kumpulan agar selari dengan amalan terbaik, menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu, dan mencadangkan pelantikan-pelantikan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi Lembaga Pengarah

Dato' Bakarudin bin Ishak
(Ditukar jawatan sebagai Pengerusi berkuatkuasa 20 September 2019)

Pengarah

- Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
- Datuk George Ratilal
- Datuk Abdul Farid bin Alias
- Dato' Lee Kok Kwan
- Wan Hanisah binti Wan Ibrahim
- Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani
- Datuk Siti Zauyah binti Md Desa (Dilantik berkuatkuasa 1 Disember 2019)
- Datuk Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff (Meletak jawatan sebagai Pengarah/Pengerusi berkuatkuasa 20 September 2019)

Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

- Datuk George Ratilal (Pengerusi)
- Dato' Lee Kok Kwan
- Wan Hanisah binti Wan Ibrahim

Ahli Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

- Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani (Dilantik sebagai Pengerusi berkuatkuasa 20 September 2019)
- Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
- Dato' Bakarudin bin Ishak (Sebagai Pengerusi dari 1 Januari 2019 hingga 19 September 2019 dan ditukar jawatan sebagai ahli berkuatkuasa 20 September 2019)
- Datuk Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff (Meletak jawatan sebagai ahli berkuatkuasa 20 September 2019)

PEMEGANG SYER

STRUKTUR MODAL SYER CAGAMAS HOLDINGS BERHAD PADA 29 APRIL 2020

Modal diterbitkan dan berbayar: 150 juta syer biasa RM1 setiap satu

STRUKTUR PEMEGANGAN SYER PADA 29 APRIL 2020

Jenis Pemegang Syer	% Pemegangan Syer	Bilangan Pemegang Syer	Julat % Pemegangan Syer
Bank Negara Malaysia	20.0	1	20.0
Bank Perdagangan	76.7	18	0.2 – 16.5
Bank Pelaburan	3.3	4	0.4 – 1.6
Jumlah	100.0	23	

ANALISIS PEMEGANGAN SYER PADA 29 APRIL 2020

Saiz Pemegangan Syer	Bilangan Pemegang Syer	% Pemegang Syer	Bilangan Syer Dipegang	% Modal Diterbitkan
300,001 ke kurang dari 7,500,000 (kurang daripada 5%)	16	70	31,395,000	20.9
7,500,000 (5%) dan lebih	7	30	118,605,000	79.1

PEMEGANG SYER
(SAMBUNGAN)

PEMEGANG SYER CAGAMAS HOLDINGS BERHAD PADA 29 APRIL 2020

Pemegang Syer	Bilangan Syer	% Pemegang Syer
Bank Negara Malaysia	**30,000,000**	20.0
CIMB Bank Berhad	**24,684,000**	16.5
Malayan Banking Berhad	**21,279,000**	14.2
Kumpulan RHB Bank	**12,932,400**	8.6
RHB Bank Berhad	11,732,400	7.8
RHB Investment Bank Berhad	1,200,000	0.8
AmBank (M) Berhad	**12,066,000**	8.0
Kumpulan Public Bank	**10,485,600**	7.0
Public Bank Berhad	9,885,600	6.6
Public Investment Bank Berhad	600,000	0.4
Hong Leong Bank Berhad	**8,958,000**	6.0
HSBC Bank Malaysia Berhad	**6,201,000**	4.1
Kumpulan Alliance Bank	**5,583,000**	3.7
Alliance Bank Malaysia Berhad	3,183,000	2.1
Alliance Investment Bank Berhad	2,400,000	1.6
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad	**4,590,000**	3.1
Kumpulan Affin Bank	**4,410,000**	2.9
Affin Bank Berhad	3,660,000	2.4
Affin Hwang Investment Bank Berhad	750,000	0.5
United Overseas Bank (Malaysia) Berhad	**3,330,000**	2.2
OCBC Bank (Malaysia) Berhad	**2,997,000**	2.0
MUFG Bank Malaysia Berhad	**738,000**	0.5
SIBB Berhad	**450,000**	0.3
Bangkok Bank Berhad	**369,000**	0.3
The Bank of Nova Scotia Berhad	**327,000**	0.2
Deutsche Bank (Malaysia) Berhad	**300,000**	0.2
Bank of China (Malaysia) Berhad	**300,000**	0.2
Jumlah	**150,000,000**	**100.0**

KEMUNCAK KORPORAT

Januari

Mesyuarat Perniagaan di Hong Kong

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas bagi satu siri mesyuarat perniagaan di Hong Kong. Datuk Chung bertemu dengan beberapa pelabur termasuk firma sekuriti dan pengurusan dana, syarikat-syarikat pengurusan aset serta institusi-institusi kewangan sepanjang tempoh dua hari.

Golf Persahabatan Cagamas 2019

Golf Persahabatan Cagamas 2019 diadakan di Glenmarie Golf & Country Club yang menyaksikan penyertaan oleh wakil-wakil kanan daripada pihak berkuasa pengawalselia kewangan serta syarikat kumpulan Cagamas. Kesemua peserta seronok mengasah bakat golf masing-masing, memperbaharui kenalan serta berkongsi nilai-nilai dan kepercayaan yang baru.

Lawatan Rasmi oleh Bank Dunia

Cagamas mengalu-alukan lawatan rasmi daripada Kumpulan Bank Dunia, yang diketuai oleh Pengurus Latihan Asia Timur dan Pasifik, Irina Astrakhan, bagi menyentuh pelbagai projek oleh Bank Dunia serta perbincangan mengenai Persidangan Membina dan Membiayai Perumahan Mampu Milik di seluruh Asia (Constructing and Financing Affordable Housing Across Asia Conference) pada April 2019.

Temuramah Bersama Radio BFM – Stesen Perniagaan di *The Breakfast Grille*

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong ke udara di Stesen Radio Perniagaan BFM, dalam satu rancangan temuramah, *The Breakfast Grille*. Datuk Chung dijemput bagi berkongsi pendapat beliau mengenai lanskap hartanah dan juga trend serta isu-isu semasa yang mempengaruhi sektor perumahan di Malaysia.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Februari

Temuramah Bersama The Business Year

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong ditemuramah oleh The Business Year untuk berkongsi pendapat beliau mengenai sumbangan Cagamas bagi galakan pemilikan rumah di Malaysia serta langkah Cagamas yang seterusnya.

Lawatan Akademik daripada Politeknik Nilai

Cagamas mengalu-alukan kedatangan para pelajar diploma daripada Fakulti Perniagaan Islam dan Kewangan, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Pelajar-pelajar tahun kedua itu diberi taklimat mengenai perniagaan Islam Cagamas.

Mesyuarat-Mesyuarat Perniagaan di Bangkok, Thailand

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas ke Bangkok, Thailand. Datuk Chung bertemu dengan para pelabur sedia ada dan berpotensi termasuk syarikat-syarikat pengurusan aset dan institusi-institusi kewangan dalam satu siri mesyuarat perniagaan.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Mac

Ceramah Skim Rumah Pertamaku di MAPEX 2019

Naib Presiden Kanan, Operasi & Perkhidmatan, S. Shanmuganathan dan Naib Presiden, Perniagaan Teras & Berstruktur, Zulieka Zulkipli, mewakili Cagamas pada Kempen Pemilikan Rumah 2019 yang dianjurkan oleh Ekspo Hartanah Malaysia (Malaysia Property Expo, MAPEX) yang diadakan di Kuala Lumpur. Mereka memberi penjelasan mengenai Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan diikuti dengan satu sesi soal jawab bersama para pengunjung ekspo.

Ekspo Perumahan Mampu Milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2019

Cagamas mengambil bahagian dalam Ekspo Perumahan Mampu Milik Pulau Pinang 2019 yang telah dianjurkan oleh Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ekspo ini dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow dan Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa. Cagamas diwakili oleh Azizi Ali, Naib Presiden Kanan, Perniagaan & Pembangunan Produk mengalu-alukan kedatangan Ketua Menteri di tapak reruai Cagamas dan memberi penjelasan mengenai Skim Rumah Pertamaku (SRP).

Forum Bon Dilindungi Asia Euromoney/ECBC 2019 (The Euromoney/ECBC Asian Covered Bond Forum 2019)

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong adalah salah seorang ahli panel bagi sesi mengenai *Pengsekuritian di Asia Pasifik: Peluang dan Ancaman* semasa di Forum Bon Dilindungi Asia Euromoney/ECBC 2019 (The Euromoney/ECBC Asian Covered Bond Forum 2019) yang diadakan di Singapura. Datuk Chung memberikan pandangan beliau mengenai *Pensekuritian dan Prospek bagi Pertumbuhan Pasaran di Asia.*

Syarikat Kumpulan Cagamas: Mesyuarat Agung Tahunan Anak-Anak Syarikat

Kumpulan Cagamas Berhad bersama anak-anak syarikat Cagamas Holdings Berhad yang lain – Cagamas SRP Berhad, Cagamas MBS Berhad, BNM Sukuk Berhad, Cagamas SME Berhad dan Cagamas MGP Berhad telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

April

Mesyuarat Sulung Pasaran Gadai Janji Sekunder Antarabangsa 2019

Mesyuarat sulung Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Antarabangsa (ISMMA) yang diadakan di Sasana Kijang, Kuala Lumpur, adalah untuk menyediakan peluang bagi sesi berdialog serta saling bertukar pendapat di kalangan ahli-ahli ISMMA. Mesyuarat yang menyaksikan penyertaan dari 13 buah negara termasuk Kanada, Perancis, Indonesia, Jepun, Kenya, Korea, Mongolia, Nigeria, Pakistan, Filipina, Tanzania dan Thailand.

Persidangan Membina dan Membiayai Perumahan Mampu Milik di seluruh Asia 2019 (Constructing and Financing Affordable Housing across Asia Conference 2019)

Membina dan Membiayai Perumahan Mampu Milik di seluruh Asia 2019 (Constructing and Financing Affordable Housing across Asia 2019) (Persidangan), yang dianjurkan oleh Cagamas Berhad dan Kumpulan Bank Dunia (World Bank Group) telah membawa lebih daripada 450 penyertaan dari lebih 30 buah negara di seluruh dunia serta disokong oleh 40 jurucakap yang berkaliber tinggi daripada sektor awam dan swasta, akademia dan organisasi bukan kerajaan. Persidangan ini dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, dengan matlamat utama termasuk penggunaan data yang besar bagi memperuntukkan sumber secara berkesan di dalam pasaran perumahan, penyelesaian pembiayaan inovatif diperkenalkan secara global bagi penyesuaian tempatan dan kemunculan bukan bank untuk mengisi jurang dalam pembiayaan program perumahan mampu milik.

Tandatangan Memorandum Persefahaman di antara Cagamas Berhad dan Korean Housing Finance Company

Cagamas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Korean Housing Finance Corporation (KHFC) untuk bersama-sama meneroka kaedah-kaedah pembiayaan rumah bagi menggalakkan pemilikan rumah di negara masing-masing. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif, Jung Hwan Lee masing-masing mewakili Cagamas dan KHFC di majlis yang disaksikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Naib Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Abdul Rasheed Ghaffour, Pengarah Kumpulan Bank Dunia (World Bank Group), Zoubida Allaoua, Pengerusi Cagamas Holdings Berhad, Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Pengerusi Cagamas Berhad, Dato' Bakarudin Ishak dan pegawai-pegawai kanan daripada kedua-dua Cagamas dan KHFC serta para peserta Persidangan Membina dan Membiayai Perumahan Mampu Milik di seluruh Asia 2019 (Constructing and Financing Affordable Housing across Asia Conference 2019).

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Lawatan oleh Pakistan Mortgage Refinance Company dan Tanzania Mortgage Refinance Company Limited

Cagamas menerima kunjungan delegasi masing-masing daripada Pakistan Mortgage Refinance Company (PMRC) dan Tanzania Mortgage Refinance Company Limited (TMRC) yang diketuai oleh Mudassir Khan, Ketua Pengawai Eksekutif PMRC dan Oscar P. Mgaya, Ketua Pegawai Eksekutif TMRC. Para perwakilan daripada kedua-dua buah organisasi tersebut telah diberi taklimat mengenai pembiayaan gadai janji sekunder di Malaysia dan khususnya, operasi serta perkembangan Cagamas.

Projek Perumahan Mampu Milik Tahunan Ke-10 (10th Annual Affordable Housing Projects)

Naib Presiden Kanan, Strategi Korporat & Komunikasi, Leong See Meng mewakili Cagamas sebagai penceramah pada Projek Perumahan Mampu Milik Tahunan Ke-10 (10th Annual Affordable Housing Projects) dianjurkan oleh Marcus Evans yang berlangsung di Kuala Lumpur. Beliau memberi pembentangan mengenai *Perumahan 2.0 – Memeriksa Pembangunan Pasaran Kewangan Perumahan di Malaysia.*

Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur Ke-15 2019 (15th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2019)

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong adalah ahli panel pada Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur Ke-15 2019 (15th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2019). Datuk Chung bercakap tentang perkembangan terkini sukuk termasuk pandangan beliau tentang *Pelaburan Bertanggungjawab Sosial (SRI), Pembiayaan Hijau dan Halal.*

Pelancaran Tajaan Bersama Penerbitan Cagamas, *Ekonomi Islam: Prinsip-Prinsip & Analisis (Islamic Economics: Principles & Analysis)*

Cagamas adalah penaja bersama buku teks terkini International Shari'ah Research Academy (ISRA) yang bertajuk *Ekonomi Islam: Prinsip-Prinsip & Analisis (Islamic Economics: Principles & Analysis)* yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur Ke-15 (15th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2019). Ini adalah projek kerjasama dengan Pusat Ekonomi Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Buku teks ini menawarkan faedah yang penting kepada industri kewangan Islam sebagai sumber rujukan untuk ahli-ahli akademi, para pengamal, pembuat-pembuat dasar serta para pelajar.

Menandatangani Memorandum Kerjasama di antara Cagamas Berhad dan National Home Mortgage Finance Corporation, Filipina

Cagamas menandatangani Memorandum Kerjasama bersama National Home Mortgage Finance Corporation (NHMFC), Filipina, untuk bersama-sama meneroka kaedah-kaedah pembiayaan rumah bagi menggalakkan pemilikan rumah di negara masing-masing dan bantuan teknikal bersama dalam bidang Pasaran Modal Islam dan Pengsekuritian. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Presiden, Dr. Felixberto U. Bustos Jr. masing-masing mewakili Cagamas dan NHMFC pada majlis yang disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan daripada kedua-dua buah organisasi.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Mesyuarat Perniagaan dengan Saudi Real Estate Refinance Company

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas bagi satu mesyuarat perniagaan bersama Fabrice Susini, Ketua Pegawai Eksekutif, Saudi Real Estate Refinance Company di Riyadh.

Persidangan Sektor Pembiayaan 2019 (Financial Sector Conference 2019)

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Persidangan Sektor Pembiayaan 2019 (Financial Sector Conference 2019) yang dianjurkan serta dihoskan bersama Kementerian Kewangan Arab Saudi, Saudi Arabian Monetary Authority and Saudi Capital Market Authority di Riyadh. Beliau bercakap pada sesi perbincangan panel mengenai topik *Gadai Janji: Membentuk Selera Industri.* Beliau juga mengambil bahagian dalam *Inovasi Berkelompok Kementerian Perumahan mengenai Pembentukkan Pemilikan Rumah* yang dihoskan oleh H.E. Majed Abdullah Al-Hogail, Menteri di Kementerian Perumahan Arab Saudi.

Forum Pelabur & Penerbit 2019 (Issuers & Investors Forum 2019)

Naib Presiden Kanan, Perniagaan & Pembangunan Produk, Azizi Ali mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Forum Pelabur & Penerbit 2019 (Issuers & Investors Forum 2019) yang berlangsung di Riyadh, Arab Saudi. Beliau bercakap pada perbincangan panel mengenai topik *Pertumbuhan Gadai janji Kewangan dan Pemilikan Rumah di Arab Saudi serta Meneroka Peranan Kewangan Islam.*

Forum Asia IFN 2019 (IFN Asia Forum 2019)

Naib Presiden Kanan, Perbendaharaan & Pasaran Modal, Delvin Chong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Forum Asia IFN 2019 (IFN Asia Forum 2019) di Kuala Lumpur. Beliau bercakap di perbincangan panel mengenai topik *Daulat, Pelbagai Hala, Penerbit Supranasional dan Pasaran Islam.*

Mesyuarat Perniagaan di Dubai, Sharjah dan Abu Dhabi

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas bagi satu siri mesyuarat perniagaan bersama para pelabur yang berpotensi di Dubai, Sharjah dan Abu Dhabi.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Mei

Mesyuarat Agung Tahunan Kedua belas Cagamas Holdings Berhad

Cagamas Holdings Berhad (Syarikat) mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya yang Kedua belas di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Syarikat ini mencapai keuntungan sebanyak RM416.5 juta pada tahun 2018 berbanding dengan RM414.3 juta pada 2017.

Mesyuarat Perniagaan di Geneva, Zurich dan London

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas bagi satu siri mesyuarat perniagaan bersama para pelabur yang berpotensi di Geneva, Zurich dan London.

Sidang Kemuncak Pasaran Asia Bon Edisi Eropah (Asia Bond Market Summit European Edition)

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai penceramah pada Sidang Kemuncak Pasaran Asia Bon Edisi Eropah The Asset (The Asset's Asia Bond Market Summit European Edition) di London, United Kingdom. Datuk Chung bercakap pada panel sesi mengenai *Pendekatan Penerbit dan Pelabur terhadap Pasaran Modal.*

Mesyuarat bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas bagi satu mesyuarat perniagaan bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Mesyuarat tersebut membincangkan inisiatif Cagamas bagi galakan pemilikan rumah yang mampan untuk kumpulan B40 dan M40.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Jun

Forum Pelabur Bon & Peminjam Global 2019 (The Global Borrowers & Bond Investors Forum 2019)

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Forum Pelabur Bon & Peminjam Global 2019 (The Global Borrowers & Bond Investors Forum 2019) yang dianjurkan oleh Euromoney dan Global Capital di London, United Kingdom. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Pasaran Modal Asia 2019: Kepelbagaian Baru* yang membincangkan peluang-peluang dan bahaya kepada para pelabur dan penerbit dalam pasaran ini.

Mesyuarat Perniagaan di London

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas bagi satu siri mesyuarat perniagaan bersama para pelabur yang berpotensi di London, United Kingdom.

Lawatan oleh Delegasi daripada National Housing Development Corporation Limited of Bhutan

Cagamas menerima kunjungan delegasi daripada National Housing Development Corporation Limited, Bhutan. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti dan pengalaman Cagamas mengenai sokongan serta penggalakan pemilikan rumah.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Julai

Dialog Ketua-Ketua Pelabur & Penerbit Ke-2 Malaysia The Asset (The Asset 2nd Malaysia Issuers & Investors Leaders Dialogue)

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Dialog Ketua-Ketua Pelabur & Penerbit Malaysia Ke-2 The Asset (The Asset 2nd Malaysia Issuers & Investors Leaders Dialogue) yang dianjurkan oleh The Asset Publishing & Research Limited di Kuala Lumpur.

Anugerah Kewangan Islam Triple A Asset 2019 (The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2019)

Cagamas telah dianugerahkan Penerbit Islam Tahun 2019-Quasi-Berdaulat dan Sukuk Mata Wang Tempatan Terbaik pada Anugerah Kewangan Islam Asset Triple A (The Asset Triple A Islamic Finance Awards) bagi 1.5 bilion Ringgit Komoditi Murabahahnya. Datuk Chung Chee Leong, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif menerima anugerah tersebut bagi pihak Cagamas pada majlis yang telah berlangsung di Kuala Lumpur.

Cabaran Golf Jemputan Cagamas 2018

Cagamas mengadakan Cabaran Golf Jemputan Cagamas 2019 di Kota Seriemas Golf & Country Club, Nilai, Negeri Sembilan, yang memperlihatkan penyertaan pemain-pemain golf yang terdiri daripada pihak-pihak berkepentingan dari badan pengawalselia, institusi-institusi kewangan dan korporat dari Malaysia.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Mesyuarat bersama Jabatan Perumahan Negara

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan wakil-wakil Cagamas menghadiri satu mesyuarat perniagaan bersama Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara, Jeyaselan K. Navaratnam. Pertemuan ini membincangkan kerjasama strategik antara Jabatan Perumahan Negara dan Cagamas bagi galakan pemilikan rumah.

Persidangan Bon RAM-SIDC 2019 (RAM-SIDC Bond Conference 2019)

Naib Presiden Kanan, Perbendaharaan & Pasaran Modal, Delvin Chong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Persidangan Bon RAM-SIDC 2019 (RAM-SIDC Bond Conference 2019) yang dianjurkan oleh RAM Holdings Berhad dan Securities Industry Development Corporation (SIDC). Beliau bercakap pada sesi panel mengenai *Sempadan Baru bagi Pasaran Mendalam: Risiko, Tempoh & Pelabur*.

Persidangan Hartanah Hi Home 2019 (Hi Home Property Conference 2019)

Cagamas mengambil bahagian pada Persidangan Hartanah Hi Home 2019 (Hi Home Property Conference 2019) yang dianjurkan oleh Hartabumi.com. Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Yang Berhormat Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan di Kuala Lumpur. Cagamas yang diwakili oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong, bercakap pada sesi mengenai *Pembiayaan Rumah: Jadikannya Mampu dan Mudah Akses*. Pasukan Cagamas juga mengalu-alukan kunjungan kedua-dua menteri tersebut ke tapak reruai Cagamas dan memberi penjelasan tentang Skim Rumah Pertamaku (SRP).

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Ogos

Mesyuarat Perniagaan bersama Para Pelabur di Bangkok, Thailand

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong, mengetuai pasukan Cagamas bagi satu siri mesyuarat perniagaan di Bangkok, Thailand. Mereka bertemu dengan para pelabur termasuk dana pencen Kerajaan serta syarikat pengurusan aset sepanjang dua hari.

September

Sidang Kemuncak Pendapatan Tetap Asia 2019 (Asian Fixed Income Summit 2019)

Cagamas Berhad yang diketuai oleh Pengerusinya, Dato' Bakarudin Ishak dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong, mengambil bahagian dalam Sidang Kemuncak Pendapatan Tetap Asia ke-6 (6th Asian Fixed Income Summit) yang dihoskan oleh Korea Housing Finance Corporation di Busan, Korea.

Mesyuarat Perniagaan bersama Para Pelabur di Seoul, Korea

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas bagi satu siri mesyuarat perniagaan di Seoul, Korea. Mereka bertemu dengan para pelabur yang berpotensi termasuk syarikat pengurusan aset.

Mesyuarat Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia 2019 (Asian Secondary Mortgage Market Meeting 2019)

Mesyuarat Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia (Asian Secondary Mortgage Market Meeting) mengadakan mesyuarat tahunannya yang keenam di Busan, Korea. Mesyuarat yang menyaksikan ketua-ketua institusi gadai janji sekunder dari negara-negara ahli termasuk Indonesia, Jepun, Kazakhstan, Korea, Malaysia, Mongolia, Pakistan, Filipina dan Thailand berkumpul bagi berkongsi pengetahuan, kepakaran serta mengemaskini inovasi produk. Cagamas diwakili oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Mesyuarat Strategi Luar Kawasan 2019

Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan menghadiri Mesyuarat Strategi Luar Kawasan Cagamas di Langkawi, Kedah.

Anugerah Kewangan Islam Global 2019 (Global Islamic Finance Awards 2019)

Cagamas telah dinobatkan Anugerah Sokongan Kewangan Islam (Pasaran Modal) tahun 2019 pada Anugerah Kewangan Islam Global ke-9 (9th Global Islamic Finance Awards). Azizi Ali, Naib Presiden Kanan, Perniagaan & Pembangunan Produk menerima anugerah tersebut bagi pihak Cagamas pada majlis yang berlangsung di Cape Town, Selatan Afrika.

Majlis Makan Malam Tahunan Kumpulan Syarikat Cagamas 2019

Seminar Peringkat Tertinggi Gabungan IOSCO, IFSB-AMERC (IFSB-AMERC of IOSCO Joint High-Level Seminar)

Naib Presiden Kanan, Strategi Korporat & Komunikasi, Leong See Meng mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Seminar Peringkat Tertinggi Gabungan IOSCO, IFSB-AMERC (IFSB-AMERC of IOSCO Joint High-Level Seminar) mengenai *Perkembangan Pasaran Sukuk di Timur Tengah dan Afrika: Potensi Pertumbuhan dan Pertimbangan Polisi* anjuran bersama oleh Islamic Financial Services Board dan IOCV-IOSCO di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu. Beliau bercakap pada sesi panel mengenai *Sukuk dalam Menangani Matlamat Pembangunan: Prospek dan Cabaran.*

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Oktober

Pameran Kempen Pemilikan Rumah: Rumah Mampu Milik

Cagamas mengambil bahagian dalam pameran Kempen Pemilikan Rumah: Rumah Mampu Milik yang telah dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha, Dato' Sri Haji Mohammad Mentek. Para pegawai Cagamas mengalu-alukan kunjungan Ketua Setiausaha di tapak reruai Cagamas di mana beliau telah diberi taklimat mengenai Skim Rumah Pertamaku (SRP).

Mesyuarat Perniagaan dengan Labuan FSA di Labuan

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas bagi satu mesyuarat perniagaan untuk mengemaskini aktiviti-aktiviti Cagamas kepada Labuan FSA.

Menandatangani Memorandum Kerjasama di antara Cagamas Berhad dan Japan Housing Finance Agency

Cagamas menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) bersama Japan Housing Finance Agency (JHF) dengan matlamat mengukuhkan hubungan kerjasama bagi pembangunan pembiayaan perumahan di negara masing-masing. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Presiden, Toshio Kato masing-masing mewakili Cagamas dan JHF, pada majlis yang berlangsung sempena dengan Persidangan Bandar Pintar Asia ke-8 (8th Asia Smart City Conference) di Yokohama, Jepun. MoC tersebut disaksikan oleh Naib Menteri, Tanah, Pembangunan Hokkaido dan Kementerian Hal Ehwal Antarabangsa, Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Takuya Kurita, Timbalan Menteri Projek Antarabangsa Kementerian Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan Dr. Hideki Hirai, Setiausaha Tetap untuk Kementerian Pengangkutan Thailand, Chaiwat Thongkamkoon serta pegawai-pegawai kanan daripada Cagamas dan JHF.

Mesyuarat Perniagaan di Tokyo, Jepun

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai pasukan Cagamas bagi satu siri mesyuarat perniagaan di Tokyo, Jepun. Datuk Chung bertemu dengan beberapa pelabur termasuk syarikat pengurusan aset, institusi kewangan dan syarikat insurans.

Kempen Pemilikan Rumah – Pameran Hartanah Malaysia 2019

Naib Presiden, Perniagaan Teras & Berstruktur, Zulieka Zulkipli mewakili Cagamas pada Kempen Pemilikan Rumah – Pameran Hartanah Malaysia (HOC-MAPEX) tahun 2019, dianjurkan oleh Real Estate & Housing Developers' Association Malaysia (REHDA) yang diadakan di Kuala Lumpur. Beliau memberi penjelasan mengenai Skim Rumah Pertamaku (SRP) diikuti dengan sesi pertanyaan dan jawapan bersama para pengunjung.

KEMUNCAK KORPORAT
(SAMBUNGAN)

November

Mesyuarat Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Antarabangsa

Mesyuarat Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Antarabangsa (ISMMA) yang diadakan di Cape Town, Afrika Selatan telah menyediakan peluang kepada ahli-ahlinya untuk memberi huraian yang berkaitan dengan pembangunan dan cabaran dalam pasaran gadai janji sekunder. Mesyuarat dipengerusikan oleh Datuk Chung Chee Leong selaku Pengerusi ISMMA semasa.

Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan Asia 2019 (Leadership Energy Summit Asia 2019)

Sejak pelancaran SRP dan SPB pada tahun 2011 dan 2015 masing-masing, CSRP telah berjaya menyediakan jaminan untuk pinjaman perumahan dan pembiayaan berjumlah RM6.9 bilion, membolehkan 33,236 individu/isi rumah memiliki rumah pertama mereka, di mana 33% daripada mereka adalah dari segmen B40.

Jadual 3: **Skim Rumah Pertamaku dan Skim Perumahan Belia**

	2011 – 2018	2011 – 2019	Pertumbuhan
(RM'juta)			
Pendedahan Jaminan	361.1	**706.5**	**+96%**
SRP	251.4	563.1	+124%
SPB	109.7	143.4	+31%
(RM'juta)			
Nilai Pinjaman dan Pembiayaan	3,695.6	**6,880.1**	**+86%**
SRP	2,547.7	5,368.1	+110%
SPB	1,147.9	1,512.0	+32%
Bilangan Pinjaman dan Pembiayaan yang Diluluskan	17,743	**33,236**	**+87%**
SRP	12,478	26,213	+110%
SPB	5,265	7,023	+33%

Nota: Angka terkini mungkin berbeza dengan laporan sebelumnya disebabkan oleh semakan yang diminta oleh rakan niaga

TINJAUAN PERNIAGAAN
(SAMBUNGAN)

Carta 7
SRP & SPB: Lingkungan Gaji Mengikut Bilangan Pinjaman

Data sehingga 31 Disember 2019

Carta 8
SRP & SPB: Lingkungan Umur Mengikut Bilangan Pinjaman

Data sehingga 31 Disember 2019

Carta 9
SRP & SPB: Lingkungan Umur Mengikut Bilangan Pinjaman

TINJAUAN PERNIAGAAN
(SAMBUNGAN)

PENSEKURITIAN

Pada akhir tahun 2019, jumlah bon dan sukuk CMBS yang belum ditebus adalah RM2.0 bilion dan terdiri daripada RM1.0 bilion RMBS dan IRMBS masing-masing, daripada jumlah terbitan sebanyak RM10.2 bilion. Bon dan sukuk CMBS yang belum ditebus dijangka akan matang secara berperingkat dan akan ditebus sepenuhnya pada bulan Ogos 2027. Tiada transaksi pensekuritian yang baru dilaksanakan pada tahun ini.

PERKEMBANGAN PERNIAGAAN SYARIKAT MASA HADAPAN

Cagamas akan sentiasa berusaha untuk membuat pembaharuan dan mengenal pasti peluang-peluang perniagaan baru untuk meningkatkan kedudukannya dalam menyediakan kecairan dan sokongan kepada institusi kewangan tempatan, Kerajaan dan inisiatif pemilikan rumah melalui penyelesaian yang kompetitif. Cagamas berhasrat untuk meneruskan misi teras dan objektifnya untuk menggalakkan pemilikan rumah, peranannya sebagai penyedia penyelesaian kecairan dan pengurusan modal serta menyediakan perlindungan kerugian pertama melalui program jaminan gadai janji. Melihat kepada peranannya sebagai Perbadanan Gadai Janji Nasional, Cagamas sentiasa menjadi peserta aktif dalam perbincangan dengan Kerajaan mengenai skim-skim pembiayaan rumah mampu milik. Sebagai langkah ke hadapan, nilai yang Cagamas harap dapat tawarkan pastinya akan diselaraskan dengan aspirasi Kerajaan untuk menjayakan pemilikan rumah mampu milik.

Cagamas juga bercadang untuk meneroka pembelian pinjaman dan pembiayaan berkaitan dengan projek-projek yang bersifat persekitaran dan berimpak sosial melalui terbitan bon dan sukuk kelestarian, sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk beralih kepada ekonomi yang lebih mesra alam. Ini akan menarik minat para pelabur hijau dan bertanggungjawab sosial kepada kumpulan para pelabur yang sedia ada dalam usaha Cagamas untuk menggalakkan pemilikan rumah.

Cagamas juga bercadang untuk merangka dan terlibat dalam skim-skim inovatif seperti Equiti Rumah, Sewa-Untuk-Memiliki, Perkongsian Awam-Swasta dan lain-lain mekanisme pendanaan alternatif untuk memenuhi permintaan dan keperluan para pelanggan tertentu untuk membeli rumah pertama mereka, di samping terlibat dalam ruang persaraan dengan meneroka kebolehlaksanaan pengenalan program gadai janji songsang untuk masyarakat yang berumur. Cagamas juga berhasrat untuk mengembang dan mempelbagaikan profil para pelaburnya dengan mensasarkan para pelabur luar sempadan untuk melanggan kepada terbitan utama dan awam Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang kami serta memberi tumpuan untuk menyediakan sokongan kecairan kepada pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana melalui penyelesaian pasaran modal.

Akhir sekali, sebagai sebahagian daripada usaha Cagamas untuk meningkatkan pembangunan serantau bagi pasaran gadai janji sekunder, Cagamas telah menandatangani pada tahun 2019 Memoranda Persefahaman (“MoU”) untuk bekerjasama dengan *Korea Housing Finance Corporation, Japan Housing Finance Agency* dan *National Home Mortgage Finance Corporation* dari Filipina, dengan matlamat untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran bagi pembangunan positif pasaran gadai janji masing-masing. Setakat ini Cagamas telah melaksanakan enam MoU dengan rakan-rakan serantau yang lain termasuk *PT Sarana Multigriya Finansial (Persero)* dari Indonesia, *Mongolian Mortgage Corporation* dan *Secondary Mortgage Corporation* dari Thailand. Cagamas juga akan terus memainkan peranan kepimpinannya dalam *International Secondary Mortgage Market Association* dan *Asian Secondary Mortgage Market Association* untuk mengalakkan kerjasama di antara institusi-institusi pasaran gadai janji sekunder dengan tumpuan untuk memberi bantuan berkaitan dengan isu-isu pengawalseliaan, perkongsian maklumat dan khidmat sokongan kepada institusi-institusi yang baru ditubuhkan dalam bidang ini.

LAPORAN KEMAMPANAN

Dokumen ini menggariskan komitmen berterusan Cagamas Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan) untuk menjalankan perniagaannya secara beretika dan bertanggungjawab. Laporan ini menyoroti metodologi kemampanan Kumpulan, inisiatif-inisiatif utama yang dilaksanakan dan pencapaian pada tahun 2019.

MENERAP KEMAMPANAN

Pendekatan kepada Kemampanan

Sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu *(United Nations Sustainability Development Goals; UNSDG)*, Kumpulan telah mengenal pasti 3 matlamat pembangunan kemampanan yang amat penting. Matlamat ini bersesuaian dengan mandat Kumpulan untuk mempromosikan pemilikan rumah dan menyumbang kepada pembangunan negara dan keupayaan Kumpulan untuk menyokong kesejahteraan ekonomi kepada pihak berkepentingannya.

Tadbir urus Kemampanan

Lembaga Pengarah (Lembaga) Cagamas Holdings Berhad (Syarikat) komited sepenuhnya untuk memastikan bahawa Kumpulan mengekalkan piawaian tertinggi dalam tadbir urus korporat, dengan tujuan untuk meningkatkan nilai pemegang saham dan melindungi semua pihak berkepentingan. Lembaga memahami bahawa tadbir urus korporat yang mantap dapat mempromosikan integriti peribadi dan korporat dan amat penting untuk pertumbuhan mampan jangka panjang Kumpulan.

Penubuhan Jawatankuasa Kerja Kemampanan *(Sustainability Working Group; SWC)* pada bulan Jun 2018 menandakan peristiwa penting dalam asas tadbir urus korporat Kumpulan. Dengan kelulusan daripada Lembaga Struktur Tadbir Urus Kemampanan pada 17 Mei 2019, Lembaga akan bekerjasama dengan SWC melalui Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif untuk memberi pengawasan formal terhadap strategi kemampanan korporat Kumpulan. Kejayaan pelaksanaan strategi ini memerlukan Lembaga untuk membangun dan menanamkan amalan terbaik tadbir urus korporat di samping memenuhi objektif korporatnya. Pendekatan tadbir urus Lembaga mengenai kemampanan akan memperkukuhkan lagi identiti, nilai dan budaya Kumpulan.

Struktur Tadbir Urus Kemampanan Kumpulan

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat

Lembaga komited sepenuhnya untuk mengekalkan piawaian tertinggi tadbir urus korporat bagi Kumpulan dengan tujuan meningkatkan nilai dan melindungi semua pemegang kepentingannya. Bagi memastikan tadbir urus korporat yang berkesan, Lembaga telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

Keberkesanan Lembaga

a. Syarikat dan dua anak syarikat, iaitu entiti operasi utama Kumpulan, Cagamas Berhad (Cagamas) dan Cagamas SRP Berhad (CSRP), mengguna pakai Piagam Lembaga Pengarah 2017 dan 2018, berdasarkan peruntukan dokumen dasar Tadbir Urus Korporat 2016 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk institusi kewangan sebagai garis panduan.

b. Kehadiran para Pengarah Syarikat dalam mesyuarat lembaga pengarah dimaklumkan dalam laporan tahunan.

   Syarikat memaklumkan semua tajaan latihan yang dihadiri oleh para Pengarah dalam laporan tahunan.

c. Penilaian keberkesanan lembaga untuk Syarikat dan Cagamas, dilakukan secara tahunan oleh Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus Kumpulan.

Kebebasan Lembaga

a. Syarikat dan Cagamas mempunyai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif.

b. Cagamas sebagai entiti operasi utama dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif *(Chief Executive Officer; CEO)*. Tanggungjawab Pengerusi dan CEO adalah jelas dan dinyatakan dalam laporan tahunan.

c. Tempoh maksimum para Pengarah Bebas ialah 9 tahun, tertakluk kepada pengecualian yang ditentukan oleh Lembaga.

d. Majoriti Lembaga Pengarah kepada Syarikat dan Cagamas mempunyai Pengarah Pengarah Bebas.

e. Penilaian tahunan bagi Jawatankuasa Kumpulan Tadbir Urus ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan Cagamas adalah termasuk penilaian kebebasan.

f. Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Kumpulan Audit diterajui oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang berbeza dari Pengerusi Syarikat.

Kepelbagaian Lembaga

a. Para Pengarah Kumpulan adalah dari pelbagai etnik.

b. Terdapat kepelbagaian umur yang mencukupi di Lembaga Syarikat dan Cagamas. Ahli lembaga Syarikat adalah berusia di antara 52 dan 77 tahun manakala ahli lembaga Cagamas berusia antara 59 dan 71 tahun.

c. Dari segi kepelbagaian jantina, kedua-dua Lembaga Syarikat dan Cagamas masing-masing mempunyai dua pengarah wanita bebas.

Saraan Lembaga

a. Piagam Lembaga Pengarah Syarikat menghendaki kaji selidik pasaran mengenai saraan para Pengarah dijalankan setiap 3 tahun berdasarkan institusi-institusi yang berkaitan untuk memastikan bahawa rangka kerja saraan adalah memadai untuk menarik, mengekal dan membayar para Pengarah atas sumbangan mereka.

b. Para Pengarah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif membentuk 3 majoriti Jawatankuasa Lembaga Kumpulan Urus Tadbir yang bertanggungjawab untuk mengkaji semula saraan para Pengarah Pengarah Bukan Eksekutif.

c. Jumlah saraan setiap Pengarah Syarikat dinyatakan beserta dengan nama dalam laporan tahunan.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

Pengurusan Risiko

a. Lembaga Jawatankuasa Pengurusan Risiko, yang bertanggungjawab memberi pemerhatian pengurusan risiko bagi Kumpulan, terdiri daripada 3 Pengarah Bebas.

b. Kumpulan mengamalkan Rangka Kerja Perusahaan Pengurusan Risiko yang menggabungkan amalan terbaik pengurusan risiko dan memperincikan peranan dan tanggungjawab melalui tiga garis pertahanan dalam menguruskan risiko.

Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi

a. Kumpulan mengamalkan Dasar Tanpa Hadiah yang melarang semua kakitangan daripada menerima atau meminta sebarang hadiah dari bakal pelanggan, pembekal atau rakan niaga.

b. Prosedur pengisytiharan kepentingan peribadi memerlukan semua kakitangan baru membuat deklarasi secara bertulis bahawa mereka tidak mempunyai hubungan kewangan atau peribadi yang rapat dengan pihak pengurusan. Di samping itu, penilaian wajar dan tepat dilakukan sebelum pelantikan dan juga setiap tahun kepada kakitangan utama, untuk memastikan kakitangan tersebut diantaranya tidak pernah disabitkan atau terlibat dengan apa-apa sogokan atau rasuah di dalam negara atau antarabangsa.

c. Tatakelakuan Pembekal memerlukan kemasukan fasal anti-rasuah dalam kontrak perolehan atau tender bagi mencerminkan pendekatan toleransi sifar rasuah dan korupsi oleh Kumpulan.

d. Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram menetapkan peranan dan tanggungjawab kakitangan dalam memastikan pematuhan ke atas Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Anti-Keganasan dan Akta Hasil Aktiviti Menyalahi Undang-Undang 2001 dan memberi panduan mengenai prosedur yang diperlukan untuk mencegah, mengesan dan melaporkan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

e. Dasar Anti Rasuah dan Anti Korupsi (yang akan dilaksanakan pada bulan Mei 2020) sejajar dengan undang-undang dan garis panduan berikut:

   (i) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;
   (ii) Akta Rasuah UK 2010;
   (iii) Akta Amalan Rasuah Asing AS 1977; dan
   (iv) Garis Panduan Prosedur Adil yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Dasar Pemberitahuan Maklumat

a. Kumpulan mempunyai Dasar Pemberitahuan Maklumat yang membolehkan kedua-dua pihak berkepentingan dalaman dan luaran memaklumkan sebarang bentuk perbuatan yang tidak wajar. Dasar tersebut diterbitkan di laman sesawang Cagamas.

b. Pemberi maklumat yang membuat laporan secara berhemah dalam skop dasar dilindungi daripada layanan yang tidak adil akibat secara langsung daripada laporan tersebut.

Juruaudit Bebas

a. Jawatankuasa Lembaga Kumpulan Audit bertanggungjawab untuk menilai kesesuaian juruaudit luar mengenai prestasi, objektif dan kebebasan berdasarkan Dasar dan Garis Panduan Juruaudit Luar Kumpulan.

b. Dasar dan Garis Panduan Juruaudit Luar Kumpulan menghendaki rakan kongsi yang bertanggungjawab untuk audit luaran ditukar secara bergilir setiap 5 tahun kewangan.

c. Kadar yuran bukan audit bagi Disember 2019 adalah 13.6% daripada jumlah yuran audit, masih di dalam nisbah amalan terbaik industri iaitu kurang daripada 50%.

Transparensi Pelaporan Kewangan dan Pendedahan Kualiti

a. Juruaudit luar telah menyatakan bahawa penyata kewangan adalah gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan. Juruaudit luar tidak membuat sebarang kelayakan atau ulasan buruk sepanjang 3 tahun yang lalu.

b. Penyata kewangan diterbitkan di laman sesawang Cagamas. Dasar Komunikasi Korporat Kumpulan memastikan penyebaran maklumat yang tepat, bertepatan pada masanya dan relevan sebagai tindak balas kepada keperluan pihak berkepentingan.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

Taksiran Materialiti Dalaman

Dengan menggunakan pendekatan taksiran materialiti dalaman, 3 kategori kemampanan bagi Kumpulan adalah seperti berikut:

PRINSIP	RASIONAL	USAHA-USAHA
Prinsip 1 **MEMPROMOSIKAN PEMILIKAN PERUMAHAN YANG MAMPAN**	Kami komited terhadap memudahkan pemilikan perumahan mampan bagi semua rakyat Malaysia	• Pengganda Gadai Janji • Aset dan Bon/Sukuk Mampan • Perumahan Mampu Milik • Skim M40 dan B40 • Inisiatif-inisiatif baru – Skim Perumahan Ekuiti, Sewa-Milik
Prinsip 2 **MAJIKAN PILIHAN**	Kami percaya dalam menyediakan persekitaran kerja yang terangkum dan menyeluruh bagi meningkatkan kecemerlangan tenaga kerja kami	• Keterlibatan Tenaga Kerja • Budaya dan Transformasi • Keselamatan dan Kesihatan • Pembelajaran dan Pembangunan • Dasar-dasar Kondusif
Prinsip 3 **IMPAK KEMASYARAKATAN POSITIF**	Kami menyumbang kepada usaha-usaha kemampanan menerusi impak alam sekitar yang positif	• Tanggungjawab Sosial Korporat dan Zakat • Biasiswa • Penerbitan berasaskan Pendidikan • Keterlibatan dan Persidangan Awam • Inisiatif berimpak alam sekitar

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

PRINSIP 1: MEMPROMOSIKAN PEMILIKAN PERUMAHAN YANG MAMPAN

1.1 Mempromosikan Pemilikan Perumahan:

Pengganda pinjaman/pembiayaan perumahan melalui pasaran gadai janji sekunder

Sejak penubuhannya pada tahun 1986, Cagamas telah membeli pinjaman/pembiayaan perumahan di pasaran sekunder dari institusi kewangan dan institusi bukan kewangan (Peminjam Utama) berjumlah RM158 bilion, bersamaan dengan 2 juta rumah.

Dengan menyediakan kecairan kepada Peminjam Utama, Cagamas berhasrat untuk terus mempromosikan pemilikan perumahan yang mampan di kalangan rakyat Malaysia.

Memberi pinjaman/pembiayaan perumahan kepada Peminjam Utama yang dengan harga yang berpatutan

Cagamas mengakses pasaran modal melalui terbitan bon dan sukuknya untuk mendapatkan kos pembiayaan yang kompetitif untuk membiayai pembelian pinjaman/pembiayaan perumahan bagi yang layak daripada Peminjam Utama. Ini membolehkan Peminjam Utama mengembangkan portfolio pinjaman/pembiayaan perumahan mereka dengan kos yang berpatutan, seterusnya meningkatkan pemilikan rumah bagi rakyat Malaysia.

Sejak penubuhannya, Cagamas telah menerbitkan kertas penarafan tinggi sebanyak MYR338 bilion dengan MYR300 bilion telah berjaya ditebus, tanpa sebarang kegagalan teknikal setakat 31 Disember 2019.

Penarafan kredit Cagamas adalah setaraf dengan penarafan kerajaan Malaysia iaitu penarafan global A3 yang diberi oleh Moody's Investors Services. Sementara itu, kedua-dua agensi penarafan tempatan, iaitu RAM Rating Services Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad telah memberikan penarafan domestik tertinggi AAA. Cagamas komited untuk mengekalkan penarafan bagi mengekalkan keupayaannya untuk menarik pembiayaan yang kompetitif.

Kapasiti pendanaan yang mencukupi untuk menyediakan kecairan kepada Peminjam Utama pinjaman/pembiayaan perumahan

Cagamas telah menubuhkan kemudahan terbitan berjumlah kira-kira RM100 bilion yang terdiri daripada program Pelbagai Mata Wang Bon/Sukuk *(Multicurrency EMTN Programme, EMTN)* bernilai USD5 bilion, program Nota Jangka Sederhana Konvensional/Islam *(Medium Term Note; MTN/Islamic Medium Term Note; IMTN)* bernilai RM60 bilion dan Kertas Perdagangan Konvensional/Islam *(Commercial Paper, CP/ Islamic Commercial Paper, ICP)* bagi memastikan peruntukan kecairan untuk pinjaman/pembiayaan perumahan kepada Peminjam Utama.

Dasar pelabur yang kukuh bagi membiayai aktiviti pasaran gadai janji sekunder

Adalah penting untuk mempunyai kumpulan pelabur yang berminat dengan terbitan Cagamas.

Oleh itu, Cagamas menggunakan platform interaksi pelabur yang proaktif melalui jerayawara tanpa urus niaga dan mesyuarat pelabur secara tetap untuk memastikan pelabur tempatan dan asing mendapat maklumat mengenai prestasi kewangan dan perkembangan Cagamas. Usaha-usaha ini memastikan bahawa terbitan Cagamas berada dalam kriteria pelaburan yang diperlukan dan bagi mengekalkan penilaian dalam masa yang singkat. Cagamas juga bekerjasama dengan beberapa institusi kewangan untuk membawa pelabur ke Malaysia untuk memperkenalkan Cagamas bagi meningkatkan daya tarikan terbitan bon dan sukuknya.

Kepantasan memperolehi pembiayaan adalah intipati

Cagamas perlu memastikan bahawa ia dapat memperolehi pembiayaan untuk membeli pinjaman/pembiayaan perumahan daripada Peminjam Utama dalam jangka masa yang singkat. Status 'Individu Berdaftar' yang diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 membolehkan Cagamas memasar dan mengagihkan sekuriti hutangnya sendiri secara langsung kepada pelabur akhir tanpa melalui institusi berlesen. Ini membolehkan Cagamas memperolehi pembiayaan dengan cepat apabila diperlukan.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

Ekuiti jenama dan terbitan pasaran modal Cagamas yang memberangsangkan

Cagamas telah membina pengiktirafan jenama yang memberangsangkan terhadap bon dan sukuknya sebagai instrumen gred pelaburan yang kukuh dalam pelaburan dan pengurusan dana sekitarnya

Cagamas telah mencapai banyak "permulaan" untuk urus niaga pasaran modal di Malaysia dan seterusnya, merangkul pelbagai anugerah penghargaan tempatan dan antarabangsa yang mengagumkan sejak penubuhannya pada tahun 1986. Beberapa anugerah yang diterima pada tahun 2019, mencerminkan ekuiti jenama Cagamas di pasaran modal, termasuk:

(i) *Top Issuance* dan *Top Traded Amount* (Kategori Konvensional) oleh Bond Pricing Agency Malaysia;
(ii) *Islamic Issuer of the Year-Quasi-Sovereign* dan *Best Local Currency* Sukuk untuk RM1.5 bilion Komoditi Murabahah oleh The Aset Triple A Islamic Finance; dan
(iii) *Islamic Finance Advocacy Award (Capital Market)* 2019 oleh Islamic Finance Awards.

1.2 Mempromosikan Kebolehcapaian Perumahan:

Penyelesaian untuk merapatkan peluang pembiayaan perumahan untuk segmen B40 dan M40

Kumpulan berhasrat untuk meluaskan peluang pembiayaan perumahan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya segmen B40 dan M40.

CSRP menawarkan jaminan gadai janji "kerugian pertama" ke atas gadai janji kediaman portfolio dari institusi kewangan yang mengambil bahagian melalui Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Perumahan Belia (SPB).

2019 merupakan tahun yang cemerlang untuk CSRP dengan jaminan yang diluluskan meningkat kepada 15,493 berbanding dengan 7,881 pada tahun 2018 hasil daripada kesedaran awam mengenai skim ini, melalui pembangunan jenama yang dilaksanakan oleh CSRP. Sejak penubuhan skim SRP dan SPB, CSRP telah menyediakan jaminan berjumlah RM6.9 bilion yang membolehkan 33,236 individu memiliki rumah pertama mereka, di mana 11,078 (33%) adalah dari segmen B40.

Skim perumahan yang inovatif

Kumpulan berhasrat untuk menyediakan skim pembiayaan perumahan mampu milik yang inovatif untuk melengkapkan produk pinjaman/pembiayaan perumahan Peminjam Utama yang sedia ada.

Cagamas terus meneroka cara untuk membantu segmen B40 dan M40 supaya golongan ini dapat membeli rumah pertama mereka. Pada masa ini, Skim Perumahan Ekuiti dan produk pembiayaan untuk memudahkan skim Sewa-Milik yang ditawarkan oleh Peminjam Utama, pemaju swasta atau Kerajaan sedang dibincangkan dan ditapis melalui penglibatan dengan pihak berkepentingan.

1.3 Kerjasama Strategik

Kumpulan percaya akan penyebaran pengetahuan dan pengalaman di kalangan rakan sejawat asing mengenai pembiayaan perumahan, perumahan mampu milik, akses kepada pembiayaan perumahan, pasaran modal dan industri perumahan sekunder dengan tujuan berkongsi kepakaran dan pembelajaran amalan terbaik yang boleh digunakan di Malaysia.

Cagamas memainkan peranan penting dalam penubuhan Asian Secondary Mortgage Market Association pada tahun 2014, di mana Cagamas adalah Pengerusi pengasas dan International Secondary Mortgage Market Association pada tahun 2018, di mana Cagamas adalah Pengerusi semasa. Kedua-dua organisasi menggalakkan pertukaran pengetahuan dan pengalaman di kalangan anggotanya.

Cagamas juga telah memeterai perjanjian kerjasama dengan beberapa rakan Asianya. Memorandum Persefahaman telah ditandatangani dengan PT Sarana Multigriya Finansial (Indonesia), Secondary Mortgage Corporation (Thailand), Mongolian Mortgage Corporation (Mongolia), National Home Mortgage Finance Corporation (Filipina), Korea Housing Finance Corporation (Korea) dan Japan Housing Finance Agency (Jepun). Usaha sama ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang, termasuk penyelidikan dan pengetahuan yang berkaitan dengan pembiayaan perumahan, di samping menyediakan platform untuk Cagamas meneroka peluang perniagaan dengan rakan-rakan sejawat.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

1.4 Pembiayaan Yang Bertanggungjawab

Kumpulan berhasrat untuk mewujudkan impak yang lebih luas dalam ekosistem Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus *(Environment Social and Governance, ESG)* dengan memberi Pinjaman Utama atau Kerajaan akses ke modal yang diperlukan untuk membiayai aset patuh ESG seperti perumahan mampu milik rakyat Malaysia yang layak.

Cagamas telah berjaya menubuhkan Rangka Kerja Kemampanan Bon/Sukuk ke dalam program yang sedia ada iaitu RM60 bilion MTN/IMTN bagi membolehkan terbitan kemampanan bon atau sukuk. Ini akan membolehkan ruang pelabur sosial yang bertanggungjawab untuk melabur dalam kelas aset yang patuh ESG melalui terbitan Cagamas dan juga mempengaruhi pelabur Cagamas untuk melaksanakan lebih banyak projek-projek yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial untuk menggalakkan pemilikan rumah dan membangunkan negara yang mampan.

PRINSIP 2: MAJIKAN PILIHAN

Cagamas menawarkan Saranan Nilai Pekerja (Employee Value Proposition, EVP) yang menyeluruh kepada semua kumpulan kakitangan yang menyokong strategi dan objektif perniagaan. Selain imbuhan yang kompetitif, EVP termasuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan budaya, kerja bermakna dan mencabar, kemajuan kerjaya dan peluang perkembangan peribadi. EVP adalah pemboleh utama dalam mempunyai bakat yang tepat, budaya organisasi dan persekitaran bagi Kumpulan untuk menyampai, berkembang dan kekal relevan.

2.1 Saraan dan Faedah Kompetitif

Cagamas menyediakan pakej saraan dan faedah yang kompetitif. Ini termasuk gaji yang kompetitif dan bonus berkaitan prestasi, faedah perubatan yang komprehensif, dan faedah yang terselindung seperti peluang pembangunan kerjaya dan pengiktirafan peribadi. Secara keseluruhannya, pakej saraan dan faedah dirangka supaya Cagamas menjadi kompetitif dalam industri perkhidmatan kewangan dan dapat menarik, mendorong dan mengekalkan bakat yang tepat bersama-sama dengan aspek EVP yang lain.

2.2 Pembelajaran dan Perkembangan Berterusan

Pembelajaran dan perkembangan bagi kemahiran dan kecekapan profesional yang berterusan amat penting untuk memupuk tenaga kerja yang terlibat, dilengkapi dengan pemikiran, tingkah laku dan alat yang betul untuk menjadi berkesan, tangkas dan bertanggungjawab. Cadangan ini selaras dengan salah satu nilai teras Cagamas, iaitu profesionalisme.

Setakat ini, sasaran latihan korporat yang wajib adalah 16 jam (bersamaan dengan dua (2) hari latihan penuh) setahun yang dicapai melalui penyertaan dalam aktiviti pembelajaran formal dan tidak formal. Sehingga Disember 2019, semua pekerja menyelesaikan purata 48 jam (bersamaan dengan enam (6) hari latihan penuh), melebihi sasaran mandatori.

Pelan pembelajaran dan perkembangan Cagamas berkait rapat dengan perancangan penggantian dan inisiatif perkembangan kerjaya Cagamas. Sejak 2012, pekerja berpotensi tinggi telah mendaftar dalam Program Perkembangan Kepimpinan seperti *Cambridge Summer School Programme* oleh *Asian Banking School* dan *Leading Leaders and Emerging Leaders* oleh *ICLIF Leadership and Governance Centre*. Di samping itu, pekerja digalakkan untuk meneruskan pensijilan profesional untuk meningkatkan lagi kecekapan dan perkembangan profesional mereka. Setakat ini, 67% pekerja dalam jawatan penting mempunyai pelbagai pensijilan profesional seperti *Chartered Banker,* Juruaudit Dalaman Bertauliah, Pensijilan Juruaudit Bank dan Pensijilan Kredit Profesional.

2.3 Amalan Pengurusan Bakat yang Mantap

Cagamas berhasrat untuk menarik, mendorong dan mengekalkan bakat yang tepat dengan kemahiran yang sesuai untuk semua peranan yang ada dalam organisasi untuk memastikan kejayaan jangka panjang.

Dari merekrut bakat untuk mengisi kekosongan, Cagamas telah berkembang kepada pemerolehan bakat, yang merupakan strategi berterusan untuk mencari bakat teratas, bakat yang berpotensi tinggi dan pemimpin masa depan yang dapat menyelaraskan nilai dan budaya organisasi.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

Rangka Kerja Perancangan Penggantian yang mantap selari dengan perkembangan bakat semasa yang memerlukan kepimpinan masa depan, hala tuju dan matlamat perniagaan. Pengganti telah dikenalpasti untuk semua pengurusan dan kedudukan kritikal. Walau bagaimanapun, Cagamas percaya pendekatan pengurusan penggantian yang benar-benar berkesan bukan sahaja mengenal pasti pengganti, tetapi juga menilai, membangun dan merubah pengganti berpotensi untuk kedudukan yang lebih tinggi dan berpeluang untuk memegang peranan yang lebih kritikal.

Keupayaan dan jurang kakitangan dinilai secara menyeluruh melalui alat dan metodologi penilaian sumber manusia terkini serta melalui faktor bakat kualitatif kritikal seperti prestasi kakitangan dan penilaian penyeliaan kesediaan para kakitangan untuk peranan yang lebih besar. Pelan pembangunan individu juga dibuat untuk kakitangan yang berpotensi tinggi supaya mereka dapat mencatat pergerakan dalaman dan perkembangan mereka, bertujuan untuk menjadi pemimpin masa depan.

2.4 Persekitaran dan Budaya Kerja yang Kondusif

Cagamas berhasrat untuk mewujudkan tempat kerja yang menawarkan lebih daripada sekadar kerjaya dan memupuk rasa kepunyaan melalui keterangkuman sambungan tenaga kerja.

Pada bulan Mei 2019, Cagamas melancarkan Masa Kerja Fleksibel yang baru, untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih terjaga dengan memberi kuasa kepada kakitangan untuk mengurus tuntutan kerja dan kehidupan mereka dengan lebih baik.

Organisasi ini juga memupuk kerja berpasukan dan komunikasi terbuka menerusi dialog awam dan Sesi Kumpulan Fokus CEO yang menyediakan platform yang bukan sahaja menyebarkan mesej penting tetapi juga memudahkan komunikasi terbuka antara pengurusan dan pekerja lain.

Kelab Sukan dan Rekreasi Cagamas *(Cagamas Sports and Recreational Club, CSRC);* menyediakan peluang pekerja untuk mengamalkan keseimbangan kerja-hidup melalui aktiviti luar yang melibatkan ahli keluarga seperti hari keluarga dan menonton filem. CSRC juga menggalakkan gaya hidup sihat dengan mengatur pertandingan futsal, badminton dan tenis dengan rakan perniagaan setiap tahun.

Cagamas berusaha untuk memastikan keselamatan dan kesihatan semua pekerja. Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar *(Safety, Health and Environment, SHE);* yang ditubuhkan pada bulan Jun 2000, melaksanakan dasar, garis panduan dan amalan Pekerjaan, Keselamatan dan Kesihatan *(Occupational, Safety and Health, OSH);* serta memastikan pematuhan dengan peraturan OSH kebangsaan. Peranan utama SHE adalah memupuk persekitaran kerja yang selamat dan budaya operasi organisasi ke arah kemalangan sifar di tempat kerja dan amalan yang sihat untuk kakitangan. Sejak 2010, tiada insiden tempat kerja telah dilaporkan.

Sejak tahun 2013, ceramah keterlibatan meliputi pelbagai tema, seperti Program Kesedaran Kesihatan dan Keselamatan, telah dijalankan setiap tahun. Aktiviti dan ceramah keterlibatan yang dijalankan sepanjang 2019 termasuk:

(i) Bantuan Pernafasan dan Kelas Pertolongan Cemas berkenaan Luka, Pendarahan, Patah, Tercekik dan Kebakaran

(ii) Ceramah tentang Keselamatan, Pengurusan dan Ergonomik Pejabat

(iii) Ceramah dan Perundingan Diet Sihat oleh Pakar Pemakanan

(iv) Ceramah dan Perundingan mengenai Postur Tubuh dan Lega Tegasan oleh Pakar Yoga

(v) Ujian Mata dan Perundingan Penjagaan Mata

2.5 Organisasi Komprehensif dan Dasar dan Amalan Pekerja

Cagamas komited sepenuhnya untuk meningkat dan melindungi kepentingan para pekerja. Persekitaran kerja yang kondusif disediakan untuk pekerja melalui satu set dasar dan amalan pekerja yang komprehensif bagi memupuk kepercayaan, rasa hormat dan kepastian.

Nilai Teras dan Tatakelakuan Cagamas menghendaki kakitangan masing-masing mengamalkan integriti, kepercayaan, berpegang sesama sendiri dan bertanggungjawab. Komunikasi terbuka dan jujur digalakkan, dan kakitangan bebas melaporkan sebarang pelanggaran.

Menyedari kepentingan untuk terus meningkatkan amalan baik dasar dan polisi organisasi dan pekerja ke arah prestasi yang mampan, pelbagai dasar yang berkaitan dikaji secara kerap untuk memastikan ia mencerminkan perubahan dalam pembangunan perundangan dan pengawalseliaan negara, termasuk seperti berikut:

a. Garis Panduan mengenai Gangguan Seksual Tempat Kerja

   Cagamas sepenuhnya komited untuk menyedia dan menjadikan persekitaran kerja bebas gangguan di mana kakitangan terlibat, bermotivasi dan dapat menyumbang sepenuhnya kepada potensi mereka. Garis Panduan mengenai Gangguan Seksual Tempat Kerja disediakan untuk mencegah dan melindungi kakitangan daripada gangguan seksual.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

b. Garis Panduan Keluhan dan Aduan

Garis panduan ini memberi peluang kepada kakitangan untuk menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap isu-isu yang berkaitan dengan pekerjaan dan memastikan penyelesaian terhadap isu-isu tersebut adalah secara adil dan menyeluruh.

c. Garis Panduan mengenai Salah Laku dan Tatatertib Kakitangan

Untuk mengekalkan perangai dan tingkah laku normal yang memuaskan, garis panduan ini menyediakan piawai tingkah laku dan prestasi kerja secara konsisten dan saksama untuk menangani pelanggaran.

d. Perlindungan Data Peribadi

Maklumat adalah aset dan oleh itu kakitangan dikehendaki memastikan keselamatan data peribadi (termasuk data sensitif) yang diperolehi daripada pelanggan dan kakitangan. Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Cagamas komited untuk menguruskan data peribadi yang diamanahkan dengan betul dan menggunakan data tersebut hanya untuk tujuan perniagaan yang berkaitan dan sesuai.

2.6 Kepelbagaian, Kemasukan dan Bukan Diskriminasi

Cagamas sangat percaya pada peluang yang sama rata di tempat kerja, merangkumi kepelbagaian dan menentang semua bentuk diskriminasi dalam usahanya untuk merekrut, membangun dan mengekalkan tenaga kerja secara meluas dengan pelbagai kecekapan dan tahap kemahiran. Cagamas mengakui bahawa pelbagai latar belakang, kemahiran dan pengalaman dapat membantu menggalakkan idea baru dan menyokong organisasi dengan lebih berdaya saing.

Untuk mencapai matlamat ini, hak untuk bekerja dan maju atas dasar merit, keupayaan, potensi dan pengalaman, yang bebas daripada prasangka, diamalkan tanpa diskriminasi oleh mana-mana orang berdasarkan umur, jantina, bangsa, agama dan ketakupayaan. Kesaksamaan jantina adalah teras prinsip ini, dan pada tahun 2019, 47% pekerja dalam posisi kepemimpinan (peringkat pengurusan pertengahan dan ke atas) di Cagamas, adalah perempuan.

Setakat 31 Disember 2019, organisasi ini terdiri daripada 103 orang kakitangan dengan campuran jantina dan umur, seperti yang dinyatakan di bawah:

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

PRINSIP 3: KESAN POSITIF KEMASYARAKATAN

3.1 Tenaga dan Pengurusan Sisa

Pada 2019, Cagamas komited untuk meminimumkan impak alam sekitar melalui aktiviti-aktiviti berikut:

a. Mengurangkan penggunaan elektrik dengan:
   (i) Mengganti mentol halogen dengan lampu penjimatan tenaga LED.
   (ii) Menggantikan beberapa pencetak dengan pencetak tenaga efisien pelbagai fungsi.
   (iii) Menutup lampu pejabat dan komputer semasa waktu makan tengah hari.

b. Pengurusan Sisa yang lebih baik:
   (i) Menyediakan peranti digital kepada ahli Lembaga dan pengurusan dalam menghantar kertas lembaga, memorandum kelulusan dan dokumen lain untuk mengurangkan penggunaan kertas.
   (ii) Memperkenalkan konsep *3Rs Reuse, Reduce and Recycle* kepada semua pekerja. Tong kitar semula juga telah diletakkan di lokasi strategik.
   (iii) Melaksanakan proses pengurusan penggunaan material untuk mengawal penggunaan bahan input seperti kertas percetakan.

3.2 Sumbangan Sosial dan Pembangunan

Cagamas menyokong Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility; CSR) untuk mewujudkan kesan positif kepada masyarakat tempatan, melalui cara-cara berikut supaya menjadi lebih inklusif dan penyayang:

a. Pendidikan dan Latihan – Meningkatkan pendidikan yang saksama untuk sekolah-sekolah dan masyarakat yang sangat memerlukan melalui program biasiswa dan pengajaran.
b. Sivik dan Komuniti – Menyediakan kemudahan asas yang mampan untuk komuniti yang kurang bernasib baik dan memperkasakan ibu tunggal dengan keupayaan untuk menjana pendapatan mampan untuk keluarga.
c. Kesihatan dan Perkhidmatan Manusia – Sokongan pembiayaan untuk kumpulan yang lemah melalui belas ihsan dan pertubuhan kebajikan bukan kerajaan.

Meningkatkan ekuiti pendidikan untuk sekolah dan komuniti yang lebih memerlukan: Teach for Malaysia (TFM)

Menurut Pelan Pendidikan Malaysia 2013-2025, lebih daripada dua pertiga pelajar di sekolah-sekolah yang paling kurang berprestasi di Malaysia berasal dari latar belakang sosioekonomi yang mencabar di mana 1 dari 5 pelajar Malaysia gagal tamat sekolah menengah.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

Cagamas telah bekerjasama dengan TFM untuk menaja satu daripada kalangan graduan teratas dan profesional muda yang kemudian dilatih untuk mengajar di sekolah-sekolah B40 yang memerlukan selama 2 tahun dengan hasrat untuk memacu perubahan sistematik jangka panjang.

Sejak 2017, perkongsian Cagamas dengan TFM telah membolehkan pengambilan, latihan dan sokongan untuk 3 guru (Felow TFM) yang memberi kesan kepada 450 pelajar yang terletak di lokasi luar bandar di seluruh Malaysia. Semasa Minggu TFM pada tahun 2019, seorang kakitangan telah sukarela untuk mengajar celik kewangan bersama dengan Felow TFM di sekolah menengah luar bandar di Semporna, Sabah.

Mempengaruhi kehidupan bersama masyarakat kurang bernasib baik

Dalam program sukarela sulungnya, Cagamas bekerjasama dengan Incitement Malaysia, organisasi global bab tempatan iaitu Liter of Light, dengan menyediakan lampu solar kepada kawasan terpencil di seluruh dunia. Seramai 20 kakitangan mengambil bahagian dalam program dua hari untuk membina dan memasang 30 lampu jalan solar untuk penempatan Orang Asli yang menempatkan lebih 150 penduduk di 25 rumah di Kampung Sungai Sekin, Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur.

Program Biasiswa Cagamas

Untuk membangunkan tenaga kerja untuk masa depan negara, khususnya dalam industri perkhidmatan kewangan, dan membina saluran bakat yang mampan, Cagamas telah menubuhkan dana biasiswa sejak 2016 untuk membantu pelajar bagi mengurangkan bebanan mereka dalam pembelajaran.

Sejak 2016, Cagamas telah membelanjakan sebanyak RM494,000 jumlah biasiswa untuk 15 sarjana dari isi rumah berpendapatan rendah dalam pembelajaran pelbagai disiplin di universiti awam tempatan. Program mentor bersama pengurusan Cagamas membolehkan para sarjana ini memanfaatkan pengalaman mentor masing-masing untuk bimbingan dan pengetahuan kerjaya.

3.3 Sumbangan Zakat

Cagamas terus berkhidmat untuk pelbagai komuniti melalui sumbangan zakat perniagaannya dan telah menubuhkan Program Zakat Wakalah (PZW). Pada tahun 2019, PZW memperuntukkan dana zakat berjumlah RM249,009 kepada penerima yang layak termasuk persatuan dan rumah amal di seluruh Malaysia mengikut tiga kategori asnaf iaitu Fakir[1], Miskin[2], dan Fisabilillah[3].

[1] Seseorang yang tidak mempunyai harta atau pekerjaan dan menerima pendapatan daripada sumber yang tidak melebihi 50% daripada keperluan hariannya dan kurang daripada 50% dari perbelanjaan hidup dan tanggungannya.

[2] Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau pendapatan yang hanya memenuhi sebahagian daripada keperluan asasnya tetapi tidak mencukupi untuk menyokong keperluan dan tanggungan hariannya.

[3] Mana-mana orang atau organisasi yang terlibat dalam aktiviti atau aktiviti untuk menegakkan, memelihara dan memberitakan agama Islam dan kesejahteraannya.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

3.4 Menyokong Perkongsian Pengetahuan

Kumpulan menyokong perkongsian pengetahuan di dalam bidang pemilikan rumah, pasaran modal konvensional dan Islam dan pembangunan modal insan. Ini dilakukan melalui persidangan dan kerjasama penerbitan.

Perkongsian pengetahuan melalui penglibatan bual bicara, penajaan dan kerjasama pihak berkepentingan

Cagamas kerap bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk berkongsi pengalaman Cagamas dalam bidang pembiayaan pemilikan rumah, pasaran modal konvensional dan Islam, kewangan Islam dan bidang lain yang berkaitan dengan pasaran gadai janji sekunder. Pada tahun 2019, Cagamas bersama-sama menganjur, mengambil bahagian dan menaja pelbagai persidangan industri dan perbincangan meja bulat yang dianjurkan oleh pihak berkepentingannya, di dalam dan di luar negara.

a. Bersama-sama menganjurkan persidangan *Financing Affordable Housing across Asia*

Pada tahun 2019, Cagamas dan Bank Dunia telah menganjurkan persidangan *Financing Affordable Housing across Asia* yang diadakan pada 2 dan 3 April 2019 di Kuala Lumpur. Bertujuan mewujudkan satu platform bagi bertukar pandangan, sesi itu menawarkan peluang kepada pakar-pakar industri untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan perumahan yang mampu dimiliki, baik di dalam dan di luar negara. Persidangan ini disertai lebih 450 peserta daripada lebih 30 buah negara di seluruh dunia dan disokong oleh 40 penceramah berkaliber tinggi. Cagamas telah mengambil bahagian dalam dua sesi panel iaitu *Connecting Capital Markets and Affordable Housing Delivery* dan *Ask Me Anything* – Sesi Penutupan.

b. Penglibatan bersama pemain industri, pengawal selia dan pembuat dasar

Persidangan Pembiayaan Perumahan

(i) 35th Annual African Union of Housing Finance (AUHF) Conference dan *31st International Union for Housing Finance (IUHF) World Congress (Cape Town, South Africa)*

Cagamas mengambil bahagian sebagai panel perbincangan dalam Persidangan *35th Annual AUHF Conference* dan *31st IUHF World Congress,* yang dianjurkan bersama oleh AUHF dan IUHF, yang diadakan di Cape Town, Afrika Selatan. Tajuk perbincangan adalah mengenai *Targeting Liquidity: Connecting the Capital Market with Affordable Housing.*

(ii) Kempen Pemilikan Rumah – Pameran Hartanah Malaysia 2019

Wakil dari Cagamas bercakap mengenai Skim Rumah Pertamaku di persidangan ini, yang dianjurkan oleh Persatuan Harta Tanah dan Pemaju Perumahan Malaysia.

Persidangan Pasaran Modal dan Kewangan Islam

(i) Persidangan Sektor Kewangan (Riyadh, Arab Saudi)

Wakil Cagamas mengambil bahagian sebagai panelis di dalam topik *Mortgages: Bolstering Industry Appetite* dan *Innovation Huddle on Bolstering Home Ownership*, di mana persidangan ini dianjurkan oleh Kementerian Kewangan Arab Saudi, Lembaga Penguasa Monetari Arab Saudi dan Pihak Berkuasa Pasaran Modal Saudi.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

(ii) Persidangan RAM-SIDC Bond Conference 2019

Wakil Cagamas bercakap pada sesi panel *New Frontiers to Deepen Market: Risk, Tenure & Investors,* pada persidangan ini, yang dianjurkan oleh RAM Holdings Berhad dan Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti.

(iii) IFSB-AMERC of IOSCO Joint High-Level Seminar (Abu Dhabi, United Arab Emirates)

Wakil Cagamas bercakap pada sesi panel mengenai *Sukuk in Addressing Developmental Goals: Prospects and Challenge,* pada seminar ini, yang dianjurkan bersama oleh Islamic Financial Services Board dan IOCV-IOSCO di Abu Dhabi, Emirate Arab Bersatu

(iv) Persidangan Bon & Sukuk Malaysia: Capital Markets for a Sustainable Future

Wakil Cagamas mengambil bahagian sebagai panel pada sidang *Malaysian Bond and Sukuk Markets: Where Are We Now?,* di persidangan dua hari ini, yang dianjurkan oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, Amanie Academy dan Amanie Media.

Wakil-wakil Cagamas turut mengambil bahagian sebagai penceramah/ahli panel dalam pelbagai persidangan lain mengenai tajuk pembiayaan perumahan, pasaran modal dan kewangan Islam, yang dianjurkan oleh organisasi terkenal di dalam dan di luar negara.

c. Menyokong Agensi-agensi Berbilang Pihak dan Pengawalseliaan melalui tajaan persidangan industri dan kepimpinan

(i) 10th Islamic Financial Services Board Summit yang dianjurkan oleh Islamic Financial Services Board

Persidangan ini membahaskan topik mengenai pembaharuan pengawalseliaan kewangan global, pembangunan pasaran kewangan Islam dan inovasi serta pertumbuhan inklusif dalam sistem kewangan Islam.

(ii) Leadership Summit Asia dianjurkan oleh The ICLIF Leadership & Governance Centre

Persidangan ini membincangkan topik mengenai tenaga kepimpinan dan pengalaman hidup pemimpin terkemuka dari seluruh dunia. Penceramah karismatik seperti Aron Ralston, Stefan Olander dan Datuk Nicol David hadir pada persidangan itu.

Cagamas juga menaja pelbagai persidangan lain mengenai topik pembiayaan perumahan, pasaran modal dan kewangan Islam, yang dianjurkan oleh organisasi terkemuka di dalam dan luar negara.

3.5 Penerbitan Pendidikan dan Industri

Syarikat amat menyokong usaha untuk mempromosikan pemahaman dan pengetahuan yang lebih luas mengenai pemilikan rumah dan pasaran modal, baik konvensional dan Islam, untuk memberi manfaat kepada industri dan masyarakat. Syarikat telah bekerjasama dengan pelbagai institusi pengajian tinggi dan kumpulan pemikir untuk menghasilkan penerbitan yang berkaitan dengan industri yang memaparkan analisis yang menarik mengenai perkembangan semasa dan kajian kes.

Housing the Nation: A Definitive Study, yang diterbitkan pada tahun 1997 bersempena dengan ulang tahun ke-10 Cagamas, merupakan buku pertama yang menyusun tulisan mengenai pelbagai aspek perumahan di Malaysia dalam satu naskah komprehensif. Penerbitan ini menyediakan perspektif pasaran perumahan, pembiayaan pembangunan perumahan dan pemilikan rumah, pasaran gadai janji sekunder, dasar perumahan Kerajaan dan cabaran yang dihadapi oleh segmen masyarakat.

Untuk memperingati ulang tahun ke-25 Cagamas, *Housing the Nation: Policies, Issues and Prospects* diterbitkan pada tahun 2014, mendokumenkan realiti baru sektor perumahan dan pandangan dasar perumahan. Sumbangan Cagamas memenuhi keperluan untuk pemilikan perumahan, mempromosikan gadai janji sekunder dan pasaran modal hutang, dan juga inisiatifnya untuk memacu kewangan Islam telah dihuraikan dalam penerbitan ini, dengan mengambil kira perspektif mengenai keadaan pasaran perumahan,

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

dasar Kerajaan, cabaran, trend dan arah masa depan. Kedua-dua penerbitan *Housing the Nation* dihasilkan dengan kerjasama Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia.

Selain daripada penerbitan sendiri, Cagamas sebagai penyokong kewangan Islam, terlibat dalam 9 penerbitan yang merangkumi topik yang terdiri daripada sistem kewangan Islam, prinsip kewangan Islam dan pertumbuhan dan perkembangan kewangan Islam di Malaysia. Penerbitan ini telah diedarkan secara percuma kepada lebih dari 2,000 sasaran pemegang berkepentingan termasuk perpustakaan dan akademik tempatan dan universiti di institusi pengajian tinggi tempatan dan universiti luar negeri yang terkenal di peringkat antarabangsa. Cagamas percaya penerbitan-penerbitan ini akan membantu menyediakan perancangan ilmu pengetahuan yang mampan bagi generasi akan datang.

Bank Dunia menyatakan dalam penerbitannya pada tahun 2009 yang bertajuk *Housing Finance Policy in Emerging Market* bahawa Cagamas adalah penyedia kemudahan kecairan terbesar dan paling berjaya. Oleh itu, Asian Institute of Finance telah bekerjasama dengan Cagamas untuk menghasilkan kajian kes mengenai perjalanan Cagamas untuk membina model perniagaan yang mampan yang membawa perubahan pesat dalam keadaan pasaran. Kajian kes ini memberi wawasan yang tidak ternilai bagi negara-negara yang bercita-cita ingin memodelkan syarikat gadai janji sekunder masing-masing seperti model perniagaan Cagamas.

MEMBINA MASA DEPAN YANG MAMPAN

Kumpulan mengiktiraf keperluan untuk mewujudkan nilai jangka panjang bersama dan menanamkan kemampanan ke dalam perniagaannya untuk menjamin masa depan yang mampan bagi Kumpulan dan pihak berkepentingannya.

Kemampanan adalah satu perjalanan dan Kumpulan akan berusaha untuk terus meningkatkan agenda dan keupayaannya untuk memastikan penggunaan sumber yang cekap, untuk membolehkan perniagaannya dijalankan dengan cara yang bertanggungjawab dan mencapai kesan masyarakat yang positif di seluruh negara.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) & PROGRAM ZAKAT WAKALAH (PZW) 2019

Januari

PZW – *Back to School*

Cagamas, di bawah PZW *Back To School*, menyumbangkan peralatan sekolah yang terdiri daripada beg dan pakaian seragam sekolah termasuk stokin dan kasut untuk 167 pelajar kurang bernasib baik di bawah kategori 'Fisabilillah' dari Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Tembak sempena sesi persekolahan yang baru.

Mac

Sumbangan Zakat kepada Pelajar Asnaf dari Sekolah Kebangsaan Paloh Pintu Gang, Kota Bharu, Kelantan

Cagamas, di bawah PZW, menyediakan bantuan kewangan kepada 30 pelajar miskin di bawah kategori 'Asnaf' dari Sekolah Kebangsaan Paloh Pintu Gang, Kota Bharu, Kelantan, sebagai pertolongan untuk membeli barang keperluan sekolah mereka.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

Julai

Minggu *Teach for Malaysia* (TFM) – Impak Kehidupan: Mengajar Bersama dengan TFM di Semporna, Sabah

Cagamas telah menugaskan seorang ahli pengurusannya untuk mengajar bersama pelajaran Bahasa Inggeris semasa Minggu TFM di Semporna, Sabah. Minggu TFM adalah salah satu acara TFM yang paling penting di mana para penggiat utama, termasuk tokoh korporat, selebriti dan anggota perkhidmatan awam meluangkan masa sebagai "guru" selama sehari, bersama mengajar pelajaran di sekolah dengan seorang guru Felow TFM. Cagamas telah bekerjasama dengan TFM semenjak 3 tahun yang lalu sebagai sebahagian daripada program CSR Cagamas, dan ini adalah kali kedua Cagamas telah mengambil bahagian dalam Minggu TFM.

Ogos

PZW – Sumbangan kepada Ibu Tunggal

Cagamas, di bawah PZW, dengan kerjasama Persatuan Nadi Inspirasi Wanita, memberi sumbangan untuk pembelian peralatan perniagaan bagi membantu 80 orang ibu tunggal dalam perniagaan mikro mereka. Ibu tunggal di bawah program ini akan menggunakan peralatan baru untuk menjana dan meningkatkan hasil pengeluaran mereka bagi mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi. Cagamas telah menyampaikan sumbangan pada majlis yang berlangsung di Kampung Gajah, Perak Darul Ridzuan.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

November

Penajaan Felow TFM

Cagamas meneruskan kolaborasi bersama TFM bagi tahun ketiga. Ini membolehkan TFM merekrut dan membiayai Felow TFM untuk dilatih sebagai guru serta memberi sokongan kepada Felow lain supaya boleh mengajar di sekolah-sekolah B40 yang amat diperlukan di Malaysia. Program TFM bertujuan untuk memacu perubahan sistemik jangka panjang untuk meningkatkan kualiti Pendidikan untuk segmen B40. Meningkatkan ekuiti pendidikan di sekolah-sekolah ini adalah sejajar dengan agenda CSR Cagamas yang mampan dan Matlamat Pembangunan Bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Matlamat ke-11 iaitu Komuniti dan Bandar yang Mampan.

Incitement Malaysia: Program *Liter of Light*

Sebagai sebahagian daripada agenda CSRnya yang mampan, Cagamas dengan kerjasama dengan Incitement Malaysia telah menganjurkan program sukarelawan pertamanya menerusi projek sosial *Liter of Light,* yang menyediakan lampu berkuasa solar dengan kadar kos efektif kepada komuniti kurang bernasib baik yang tidak mempunyai akses kepada elektrik di Malaysia. Sejumlah 20 sukarelawan dari Cagamas mengambil bahagian dalam program dua hari untuk membina dan memasang 30 lampu jalan berkuasa solar untuk komuniti orang asli di Kampung Sungai Sekin, Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

Bursa Bull Charge 2019

Cagamas mengambil bahagian dalam *Bursa Bull Charge 2019* yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia Berhad sebagai sebahagian daripada usaha CSRnya. Dana yang terkumpul disalurkan kepada rumah-rumah kebajikan dan persatuan-persatuan terpilih di bawah Yayasan Bursa Malaysia.

LAPORAN KEMAMPANAN
(SAMBUNGAN)

Disember

Larian *Mighty* Danajamin 2019

Cagamas mengambil bahagian dalam Larian *Mighty* Danajamin 2019 sebagai sebahagian dari aktiviti CSRnya yang dianjurkan oleh Danajamin Nasional Berhad. Dana yang terkumpul disalurkan kepada Persatuan Autisme Kebangsaan Malaysia.

Kerjasama CSR Bersama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

Cagamas di bawah inisiatif CSRnya telah bekerjasama dengan AIM dengan membantu usahawan-usahawan ibu tunggal dari golongan B40 melalui bantuan modal perniagaan kepada golongan tersebut. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasakan ibu tunggal dari golongan berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah melalui perniagaan. Sebanyak 20 orang ibu tunggal dari Kelantan menerima barangan seperti mesin jahit, peti sejuk komersial dan mesin pemerah tebu yang akan digunakan untuk menjana pendapatan bagi menyokong keluarga mereka.

GALAKAN PEMILIKAN RUMAH NEGARA

BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT

Dengan Menggalakkan Profesionalisme dan Tadbir Urus Korporat yang Baik

PENYATA PENGERUSI

> Cagamas berhasrat untuk membangunkan pelbagai produk dan perkhidmatan seperti penyertaan risiko, skim ekuiti rumah serta gadai janji terbalik bagi para pesara dan jaminan pinjaman perumahan untuk pekerja ekonomi gig, supaya dapat memenuhi keperluan rakyat Malaysia di pelbagai peringkat kitaran pemilikan perumahan mereka.

SALAM MESRA KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM SEKALIAN,

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah (Lembaga) dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Cagamas Holdings Berhad (Syarikat) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

INISIATIF-INISIATIF STRATEGIK

Sepanjang tiga dekad yang lalu, Cagamas Berhad (Cagamas) telah mengalami pertumbuhan yang pesat sejak penubuhannya pada tahun 1986. Berpegangkan mandatnya, Cagamas sebagai entiti operasi utama, telah menggalakkan penyebaran pemilikan rumah serta mempelopori pasaran gadai janji sekunder negara. Pencapaian industri ini diiktiraf secara meluas di dalam dan luar negara.

Bagi dekad yang akan datang, Cagamas akan terus mengukuhkan nilai-nilai asasnya dan memantapkan lagi budaya inovasinya supaya mendahului pasaran dan tertumpu terhadap perintisan peluang di dalam persekitaran yang kian berubah dan mencabar.

Pada tahun 2019, Cagamas telah melaksanakan kajian semula strategik ke atas mandatnya berkait dengan persekitaran pasaran semasa, produk-produk tawarannya serta keupayaan industrinya. Kajian ini merangkumi pemahaman arah aliran pasaran kewangan dan keperluan perumahan rakyat Malaysia yang kian berubah. Hasil kajian ini akan membolehkan Syarikat mengatur langkah bagi menyuntik modal dan sumber ke segmen baru yang telah dikenalpasti sebagai langkah kesiapsiagaan bagi menghadapi perubahan mendadak di dalam ekosistem pembiayaan perumahan.

Peranan tradisional Cagamas sebagai penyedia kecairan dan jaminan gadai janji akan berkembang termasuk menjadi pemudah cara pemilikan rumah mampu milik. Dalam tempoh tiga tahun, Cagamas bermatlamat untuk mengembangkan cabang pendapatannya secara berperingkat merangkumi bidang strategik baru serta memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong program pemilikan rumah mampu milik Kerajaan.

Cagamas berhasrat untuk membangunkan pelbagai produk dan perkhidmatan seperti penyertaan risiko, skim ekuiti rumah serta gadai janji terbalik bagi para pesara dan jaminan pinjaman perumahan untuk pekerja ekonomi gig, supaya dapat memenuhi keperluan rakyat Malaysia di pelbagai peringkat kitaran pemilikan perumahan mereka.

MELANGKAUI PENCAIRAN DAN JAMINAN

Salah satu daripada inisiatif strategik baru adalah dalam bidang penyertaan risiko. Inisiatif ini khususnya akan memudahkan Institusi Kewangan Islam untuk mengusahakan pertumbuhan aset serta penggunaan modal yang lebih berkesan, di samping mempunyai keupayaan untuk menguruskan pendedahan risiko.

Pada masa ini, Cagamas sedang menyelaraskan penawaran produknya seiring dengan aspek-aspek pemilikan rumah dalam Belanjawan 2020 dengan memperuntukkan sumber bagi mewujudkan kerjasama dengan Kerajaan, Institusi Kewangan (FI) dan pemaju swasta di bawah Perkongsian Awam Swasta (PPP) yang berkait dengan skim pemilikan rumah seumpama program Sewa-Untuk-Dimiliki. Ini adalah salah satu daripada inisiatif yang akan dilaksanakan untuk membantu menangani isu harga rumah yang semakin meningkat menjangkaui keupayaan mampu milik kebanyakan isi rumah B40 dan M40.

Memandangkan impian para millenial untuk memiliki rumah semakin malap, Cagamas berhasrat untuk membantu golongan muda Malaysia mencapai aspirasi pemilikan rumah mereka, terutamanya mereka yang mempunyai pendapatan yang stabil tetapi menghadapi cabaran kos sara hidup yang semakin tinggi. Skim Perkongsian Ekuiti Perumahan ('HES") akan memberikan pendekatan yang lebih mampu milik bagi pembeli rumah pertama kali yang layak bagi sekurang-kurangnya 80% margin pembiayaan bank. Skim ini memberi sumber alternatif untuk membantu merapatkan jurang pembiayaan, dan memberikan pembeli rumah masa yang mencukupi bagi memperolehi pinjaman rumah konvensional.

MENGUBAH IMEJ PEMBIAYAAN PERUMAHAN

Ekonomi gig kini berkembang pesat di Malaysia, terutamanya di kalangan generasi muda yang tertawan dengan peluang dan budaya kerja dalam segmen baru ini. Setakat kini, dianggarkan bahawa 26% daripada tenaga kerja Malaysia adalah jenis *freelancer* dan jumlah ini semakin meningkat. Cagamas merancang untuk menyediakan akses pemilikan perumahan kepada segmen rakyat ini dengan menawarkan pilihan pembiayaan perumahan inovatif di samping penawaran perbankan konvensional seperti mekanisme jaminan gadai janji dan penyertaan risiko dengan institusi kewangan.

PENYATA PENGERUSI
(SAMBUNGAN)

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah pesara dan warga emas negara semakin meningkat, dan dijangkakan kadar rakyat Malaysia yang berumur 65 tahun ke atas akan mewakili 7.2% daripada penduduk negara menjelang tahun 2020. Memandangkan peningkatan dalam segmen ini serta peningkatan kos sara hidup, kebolehlaksanaan program gadai janji terbalik bagi warga emas sedang ditinjaui. Hasrat program gadai janji terbalik ini adalah untuk membolehkan pesara negara mencairkan ekuiti daripada aset tetap seperti hartanah dan menjadikannya sebagai aliran pendapatan hayat yang stabil yang akan membantu dan meningkatkan kualiti kehidupan persaraan mereka di samping terus menduduki kediaman mereka.

MENGUTAMAKAN KEMAMPANAN

Sebagai perbadanan gadai janji negara, Cagamas peka kepada peranan dan kebolehannya untuk membantu Malaysia mencapai matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menjelang tahun 2030 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Berikutnya langkah-langkah telah dikenalpasti bagi membantu menyokong komitmen negara, terutamanya dalam bidang pembangunan dan pengurusan bandar dan masyarakat yang mampan dengan menyediakan perumahan yang mampu dimiliki dan inklusif.

Cagamas berusaha untuk mewujudkan impak yang lebih luas dalam ekosistem Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") dengan memberikan pelanggan kami akses kepada modal yang diperlukan untuk membiayai aset mampu milik dan patuh ESG bagi rakyat Malaysia yang layak. Objektif Cagamas adalah untuk memperolehi dan menggunakan modal daripada para pelabur yang bertanggungjawab sosial untuk membiayai atau membiayai semula projek-projek yang mampan dan kelas aset yang layak. Langkah pertama telahpun berjaya dilaksanakan dengan pendaftaran Bon Kemampanan Cagamas/Rangkakerja Sukuk kepada badan kawalselia, berserta dengan program Terbitan Nota Jangka Tengah RM60 bilion. Terbitan kemampanan sulung kami disasarkan bagi tahun 2020.

Baru-baru ini, Cagamas telah mengutarakan konvensyen penamaan yang jelas dan konsisten merentasi industri bagi produk ESG supaya keputusan berasas boleh dibuat bagi pelaburan dana yang dilabel sebagai "mampan". Sehala dengan tujuan ini, Cagamas akan bekerjasama dengan badan kawal selia untuk menyediakan untuk menyokong Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip yang boleh digunakan sebagai penanda aras industri kewangan Malaysia. Diharapkan taksonomi ini akan menyediakan definisi yang serata kepada para pelabur dan penerbit berprospek berkaitan Pinjaman Hijau atau Pinjaman Perumahan Hijau, termasuk prasyarat untuk kelayakan Hijau atau Pendanaan ESG.

Manakala Cagamas SRP Berhad ("CSRP"), sebuah syarikat subsidiari Cagamas, lanjur mengutuhkan matlamat Kerajaan bagi menggalakkan perumahan mampu milik kepada rakyat Malaysia melalui Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Perumahan Belia (SPB). Setakat Disember 2019, CSRP mendapati jumlah pinjaman/pembiayaan yang diluluskan meningkat secara mendadak, iaitu 15,493 berbanding 7,881 pada tahun 2018. Peningkatan ini seiring dengan peningkatan dalam kesedaran awam mengenai kedua-dua skim tersebut. CSRP menyediakan jaminan pinjaman/pembiayaan perumahan berjumlah RM6.9 bilion, ini membolehkan seramai 33,236 individu/isi rumah memiliki rumah pertama mereka, di mana 33% mewakili segmen B40. CSRP, dalam tahun 2020, akan memperluaskan lagi capaian pembiayaan Rumah bagi segmen B40 melalui kerjasama dengan dengan syarikat-syarikat teknologi hartanah untuk mempromosikan SRP secara digital. CSRP menjangkakan kerjasama ini akan membawakan hasil tambahan bagi jumlah pinjaman/pembiayaan yang diluluskan SRP dan SPB pada tahun 2020.

Menerusi Program Tanggungjawab Sosial Korporatnya ("CSR"), Cagamas, dengan kerjasama badan amal dan pertubuhan bukan kerajaan terpilih seperti Teach for Malaysia, Incitement Malaysia dan Amanah Ikhtiar Malaysia, telah menyumbang sebanyak RM144,100 pada tahun 2019 untuk meningkatkan kesaksamaan pendidikan untuk sekolah dan komuniti yang paling memerlukannya, menyediakan kemudahan asas yang mampan untuk masyarakat terpinggir dan memperkasakan ibu tunggal untuk meningkatkan pendapatan keluarga mereka. Dari segi pendidikan, tahun 2019 menyaksikan Program Biasiswa Cagamas memberi bantuan sebanyak RM4800,000 kepada 15 pelajar kurang bernasib baik. Manakala di bawah program Cagamas Zakat Wakalah, sebanyak RM249,000 telah diagihkan pada tahun 2019 kepada mereka yang layak asnaf.

MENGUTUHKAN STANDARD

Cagamas tekal mengutuhkan standardnya sebagai sebuah organisasi yang berprestasi tinggi dengan sentiasa meningkatkan budaya kerja dan tahap keterlibatan kami, memperkukuhkan kebertanggungjawaban kepimpinan dan menderaskan perkembangan profesional para pekerja kami. Pada bulan Mei 2019, inisiatif Penambahbaikan Waktu Kerja Fleksibel telah dilancarkan untuk menggalakkan persekitaran yang lebih kondusif dengan fleksibiliti pengurusan masa kerja pekerja yang diunjurkan akan meningkatkan prestasi serta produktiviti. Bagi memastikan ketangkasan organisasi untuk memanfaatkan peluang-peluang baru muncul dan mencapai kejayaan dalam bidang-bidang strategik baru, penekanan diberikan kepada pembangunan kepakaran teknikal dan kemahiran kepimpinan untuk meningkatkan budaya, persekitaran dan prestasi organisasi secara keseluruhan. Setakat ini, sebanyak 67% daripada para pekerja yang menjawat kedudukan kritikal memiliki pelbagai pensijilan profesional. Di samping itu, pekerja berpotensi tinggi selanjar dikenal pasti bagi menyertai program pembangunan kepimpinan. Usaha-usaha tersebut merupakan sebahagian daripada strategi modal insan Cagamas untuk terus menerajui industri.

PENYATA PENGERUSI
(SAMBUNGAN)

Dalam tahun 2019, dari perspektif tadbir urus, kedua-dua Syarikat dan entiti operasi utamanya, Cagamas, berjaya menerapkan perlembagaan baru yang sejajar dengan Akta Syarikat 2016. Pelaksanaan bagi menyelaraskan rangka kerja organisasi Syarikat, yang merangkumi hak dan kewajipan setiap syarikat, para pengarah dan pemegang sahamnya dengan piawaian pengawalseliaan yang progresif, secara terus dilaksanakan bagi syarikat-syarikat subsidiari terpilih di dalam Kumpulan Syarikat Cagamas ("Kumpulan"). Dalam mempraktikkan standard tertinggi tadbir urus korporat dan amalan terbaik, Syarikat, Cagamas dan CSRP telah menerima-pakai dokumen polisi Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia sebagai prinsip panduan di dalam Piagam Pengarah masing-masing. Walaupun pematuhan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 bukanlah wajib bagi tahun 2019, Cagamas tetap telah mengemaskinikan Piagam Lembaganya untuk meningkatkan piawaian dan amalan tadbir urus syarikat supaya sejajar dengan Kod terkini. Di samping itu, memandangkan komposisi lembaga memainkan peranan penting dalam keupayaan Lembaga untuk memenuhi tanggungjawab pemantauannya, kaedah penilaian kendiri kemahiran pengarah telah digunapakai untuk tujuan perancangan penggantian. Langkah ini akan memudahkan pemantauan tepat ke atas penilaian keutuhan serta kekurangan Lembaga Pengarah dan pemilihan para pengarah yang sesuai bagi memastikan komposisi Lembaga kekal dinamik dan relevan sejajar dengan hala tuju strategik Kumpulan.

PENCAPAIAN DAN PENGANUGERAHAN

Dalam usaha untuk menggalakkan kerjasama serantau dan meningkatkan pembangunan bersama dengan institusi-institusi pasaran gadai janji sekunder, Memorandum Persefahaman ("MOU") telah ditandatangani dengan institusi-institusi serantau seperti Perbadanan Kewangan Perumahan Korea, Perbadanan Perumahan Jepun dan Perbadanan Pembiayaan Gadai Janji Perumahan Nasional Filipina. MOU ini mencerminkan ciri-ciri kepimpinan Cagamas dalam menyokong institusi-institusi serantau yang seumpama dalam pasaran gadai janji sekunder serta komitmennya untuk menuntut ilmu dan berkembang dengan rakan sejawat industri.

Keutuhan bon dan Sukuk kami terus menarik minat para pelabur tempatan dan asing, dan disokong oleh penarafan kredit yang kukuh, rekod prestasi cemerlang, permodalan yang teguh, kualiti aset yang mantap dan keuntungan yang stabil. Faktor-faktor ini ditampilkan menerusi keupayaan Cagamas untuk mengekalkan penarafan kredit antarabangsa A3 oleh Moody's Investors Service dan penarafan tempatan AAA oleh kedua-dua Malaysian Rating Corporation Berhad dan RAM Rating Services Berhad.

Dalam tahun 2019, Cagamas telah dianugerahkan sebagai Penerbit Terutama dan Jumlah Dagangan Terutama secara keseluruhan dalam kategori konvensional bagi pencapaian prestasinya dalam tahun 2018 daripada Agensi Penetapan Harga Bon Malaysia (BPAM). Penganugerahan lain termasuk Penerbit Islam Terutama 2019 – Quasi-Berdaulat dan Sukuk Tempatan Terbaik bagi Sukuk Murabahah Komoditi RM1.5 bilion di Majlis Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple A dan Anugerah Advokasi Kewangan Islam (Pasaran Modal) di Majlis Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA).

TAHUN DALAM TINJAUAN

Pada masa ini, ekonomi global berkembang pada kadar paling perlahan sejak krisis kewangan global sedekad yang lalu. Tahun 2019 dipengaruhi oleh ketegangan perdagangan yang semakin meningkat dan ketidakpastian yang dibawanya menjejaskan keyakinan dalam perniagaan dan pelaburan secara global.

Meskipun pasaran kewangan diselubungi ketidaktentuan, dan diburukkan lagi oleh persekitaran ekonomi global yang mencabar, namun hasil Kumpulan bagi 2019, yang merangkumi hasil Cagamas, Cagamas MBS Berhad ("CMBS") dan CSRP, kekal stabil pada RM2,313.7 juta berbanding dengan RM2,351.9 juta pada 2018. Cagamas dan CMBS kekal sebagai penyumbang utama kepada keputusan hasil Kumpulan.

Cagamas telah memperolehi aset berjumlah RM5.0 bilion di bawah Skim Pembelian Rekursa ("PWR") dan telah menerbitkan sejumlah RM10.2 bilion bon dan sukuk setakat 31 Disember 2019, kesemuanya dalam mata wang tempatan. Pada tahun 2019, tiada terbitan mata wang asing dilaksanakan, ini disebabkan oleh kelebihan kos kompetitif yang diperolehi dalam pasaran bon dan sukuk tempatan. Ini jelas terbukti dengan pengurangan ketara dalam hasil sekuriti kerajaan seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia ("MGII"), yang seterusnya menjejaskan pasaran bon korporat dan sukuk. Ini mengakibatkan kos pembiayaan yang lebih rendah bagi memenuhi keperluan kos para penjual aset.

PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan penghargaan kepada para pemegang saham atas sokongan mereka yang berterusan, dan kepada badan-badan kawal selia serta kementerian kerajaan dan agensi kerajaan yang berkenaan, di atas segala panduan bagi memudahkan Cagamas mengusahakan mandatnya secara berkesan.

Akhir sekali, saya mewakili pihak Lembaga ingin meluahkan penghargaan setinggi-tingginya kepada pihak pengurusan dan kakitangan Cagamas atas dedikasi, komitmen dan sumbangan berharga mereka sepanjang tahun ini.

Dato' Bakarudin Ishak
Pengerusi

GALAKAN PEMILIKAN RUMAH NEGARA

BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT

Dengan Mempelbagaikan Sumber Pendanaan Kami

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah (Lembaga Pengarah) bagi Cagamas Holdings Berhad (Syarikat) adalah komited untuk memastikan bahawa Syarikat dan anak-anak Syarikatnya (Kumpulan), mengamalkan piawaian tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya hal ehwal bagi Kumpulan dilaksanakan dengan integriti dan profesionalisme untuk melindungi prestasi kewangan Kumpulan ini dan meningkatkan nilai jangka panjang para pemegang syer. Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah telah menggunapakai sebahagian besar dokumen dasar Urus Tadbir Korporat Bank Negara Malaysia 2016 (BNMCG) untuk institusi kewangan sebagai prinsip panduan untuk memastikan bahawa piawaian tertinggi urus tadbir korporat diamalkan dalam Kumpulan ini.

RANGKA KERJA URUS TADBIR KORPORAT

Pentadbir/Pentadbir Urus Niaga

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
(SAMBUNGAN)

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah dianggotai oleh lapan Pengarah Bukan Eksekutif, terdiri daripada pegawai-pegawai kanan/wakil-wakil dan ketua-ketua eksekutif daripada pemegang syer utama yang terpilih serta ahli profesional berpengalaman yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah. Secara kolektif, para Pengarah tersebut membawa kepada Lembaga Pengarah pengetahuan mereka yang meluas dan pelbagai dalam bidang perbankan dan kewangan, pasaran modal, perakaunan, perundangan, ekonomi dan pengurusan risiko.

Berdasarkan kepada kriteria BNMCG, majoriti daripada para Pengarah Syarikat adalah dianggap bebas kerana mereka adalah bebas secara perwatakan dan pertimbangan, dan bebas daripada perkaitan-perkaitan atau keadaan-keadaan yang boleh mengganggu pelaksanaan pertimbangan bebas mereka. Para Pengarah menyediakan pandangan-pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah dan tidak menyertai di dalam urusan harian perniagaan Syarikat.

Lembaga Pengarah mengamalkan piawaian BNMCG ke atas had tempoh pelantikan Pengarah Bebas agar secara amnya tidak melangkaui sembilan (9) tahun, kecuali dalam keadaan luar jangka yang boleh ditentukan oleh Lembaga Pengarah setelah dicadangkan oleh Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan (GBGC). Dalam keadaan jumlah had tempoh bagi seseorang Pengarah Bebas dilanjutkan melangkaui 9 tahun, kelulusan pemegang syer akan diperolehi pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM).

Pada masa ini, seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang telah melangkaui jumlah tempoh kumulatif sembilan (9) tahun, akan bersara mengikut giliran menurut Artikel Perlembagaan Syarikat dan tidak menawarkan diri untuk pelantikan semula. Oleh itu, beliau akan memegang jawatan sehingga tamat AGM yang ke-13.

Tugas dan Tanggungjawab Jelas

Cagamas Holdings Berhad

Lembaga Pengarah telah menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah yang menggariskan kuasa-kuasa, peranan-peranan, fungsi-fungsi, komposisi dan tanggungjawab-tanggungjawab bagi Lembaga Pengarah untuk membantu para Pengarah agar sedar tentang peranan-peranan, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab dan melaksanakan secara berkesan tugas-tugas fidusiari dalam menguruskan hal ehwal Syarikat. Piagam Lembaga Pengarah adalah tertakluk kepada penilaian secara berkala untuk memastikan ianya konsisten dengan hasrat strategik Lembaga Pengarah dan piawaian-piawaian yang berkaitan dengan tadbir urus korporat.

Halatuju dan kawalan bagi Kumpulan terletak di bawah Lembaga Pengarah, dan Lembaga Pengarah memegang tanggungjawab keseluruhan bagi urus tadbir korporat, halatuju strategik, selera risiko, formulasi dasar-dasar dan memantau operasi-operasi bagi Kumpulan. Lembaga Pengarah memastikan bahawa satu sistem yang sesuai disediakan untuk mengenalpasti risiko-risiko ketara Kumpulan dan bahawa kawalan dalaman dan langkah-langkah pencegahan yang sesuai dilaksanakan untuk menguruskan risiko-risiko tersebut. Lembaga Pengarah juga dipertanggungjawabkan untuk memastikan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem-sistem pengurusan maklumat Kumpulan, termasuk pematuhan kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan, perintah-perintah dan garis panduan yang berkaitan. Lembaga Pengarah sentiasa dikemaskini dan dimaklumkan oleh Ketua Pegawai Pematuhan (yang pada masa ini ialah Naib Presiden Kanan bagi Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan [RMD]) mengenai undang-undang dan perintah-perintah terbaru yang berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia dan implikasi-implikasi yang terhasil kepada Kumpulan dan para Pengarah yang berkaitan dengan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka.

Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko secara keseluruhan bagi perniagaan Kumpulan. Urusan penyeliaan bagi pengurusan risiko dalam Kumpulan ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) bagi Cagamas Berhad. BRC menyelia pembangunan strategi-strategi pengurusan risiko, dasar-dasar, dan proses-proses dalaman yang kritikal dan sistem-sistem untuk menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan-pendedahan risiko dalam Kumpulan. BRC melapor terus kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya, akan memaklumkan dan jika perlu, mendapatkan maklum balas daripada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad tentang keputusan-keputusan yang diambil berkaitan penilaian-penilaian risiko dan hal-hal berkaitan risiko yang lain. BRC disokong oleh RMD yang bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian-kajian semula risiko dan penilaian-penilaian ke atas operasi-operasi Cagamas Berhad dan anak-anak Syarikat yang lain. Naib Presiden Kanan bagi RMD Ketua Pegawai Risiko melapor terus kepada BRC. RMD juga menyerahkan penilaian-penilaian risiko kepada setiap Lembaga Pengarah bagi anak-anak Syarikat masing-masing.

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi perniagaan Kumpulan ini dengan menyemak rancangan perniagaan strategik dan bajet tahunan Kumpulan ini. Kemaskini berkenaan operasi-operasi utama Kumpulan ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan pada setiap mesyuarat Lembaga

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Pengarah. Selain itu, hal-hal penting yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat ini juga dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman atau sokongan.

Pengerusi bagi Syarikat mengetuai Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa ianya berjalan dan berfungsi secara berkesan dalam memenuhi kewajipan dan tanggungjawab. Sebagai syarikat pemegangan pelaburan, Cagamas Holdings Berhad tidak mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif ataupun kakitangan lain.

Cagamas Berhad

Operasi harian bagi Kumpulan dilaksanakan oleh entiti operasi utama, Cagamas Berhad yang telah dilantik sebagai pemberi khidmat untuk Cagamas Holdings Berhad. Cagamas Berhad juga bertindak sama ada sebagai pentadbir/pentadbir urusniaga atau pemberi khidmat kepada syarikat berkaitan iaitu Cagamas SME Berhad, Cagamas MBS Berhad, Cagamas SRP Berhad, Cagamas MGP Berhad dan BNM Sukuk Berhad, dan kepada dua (2) anak syarikatnya iaitu antaranya adalah Cagamas Global P.L.C. dan Cagamas Global Sukuk Berhad.

Cagamas Berhad telah menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah yang menggariskan kuasa, peranan, fungsi, komposisi dan tanggungjawab bagi Lembaga Pengarah untuk membantu para Pengarah agar sedar tentang peranan, tugas dan tanggungjawab dan melaksanakan secara berkesan tugas fidusiari dalam menguruskan hal ehwal syarikat. Tersedia suatu pemisahan yang jelas bagi peranan dan tanggungjawab di antara Pengerusi dan CEO. Pengerusi menyediakan peranan kepimpinan kepada Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa Lembaga Pengarah berfungsi secara berkesan; beliau mengetuai perbincangan mengenai strategi keseluruhan, dasar, selera risiko dan pengawasan pengendalian perniagaan bagi Cagamas Berhad. CEO bagi Cagamas Berhad mengetuai pihak pengurusan Cagamas Berhad dan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar serta pengendalian urusan-urusan harian perniagaan Cagamas Berhad. Kesemua Pengarah adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif kecuali CEO yang merupakan seorang Pengarah Eksekutif.

Petunjuk Prestasi Utama Tahunan bagi CEO dan pengurusan syarikat ini dikaji dan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Cagamas SRP Berhad

Cagamas SRP Berhad telah diperbadankan untuk menjalankan jaminan gadai janji kediaman di bawah Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Perumahan Belia (SPB) yang diumumkan oleh Kerajaan pada tahun 2011 dan 2015. SRP dan SPB adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat.

Cagamas SRP Berhad telah menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah yang menggariskan kuasa, peranan, fungsi, komposisi dan tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk membantu para Pengarah sedar tentang peranan, tugas dan tanggungjawab mereka dan melaksanakan tugas fidusiari mereka dengan berkesan dalam menguruskan hal ehwal syarikat. Pada masa ini, Cagamas SRP Berhad tidak mempunyai CEO atau kakitangan tetapi Cagamas Berhad, entiti operasi utama dan syarikat berkaitan bagi Cagamas SRP Berhad, merupakan penyedia khidmat yang telah dilantik.

Pengerusi memimpin Lembaga Pengarah dan memastikan agar Lembaga Pengarah berfungsi dengan berkesan manakala pengurusan Cagamas Berhad bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar serta pentadbiran harian bagi perniagaan Cagamas SRP Berhad.

Setiausaha Syarikat

Para Pengarah mempunyai akses tersedia dan tidak terbatas kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan. Setiausaha Syarikat menghadiri dan memastikan bahawa semua mesyuarat Lembaga Pengarah berlangsung secara teratur, dan rekod prosiding yang tepat dan betul serta resolusi yang diluluskan diambil dan direkodkan dalam pendaftaran berkanun di pejabat berdaftar Syarikat. Setiausaha Syarikat memudahkan komunikasi yang tepat pada masanya terhadap keputusan yang dibuat dan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan GBGC kepada pihak pengurusan untuk tindakan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat kali untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan Syarikat, profil risiko, rancangan perniagaan dan isu-isu strategik yang memberi kesan kepada perniagaan Kumpulan. Laporan untuk Lembaga Pengarah yang memberikan maklumat kemaskini tentang operasi, kewangan, profil risiko, isu-isu kawal selia dan perkembangan korporat dihantar kepada para Pengarah terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat.

Kesemua Pengarah boleh mendapat nasihat terus daripada pengurusan Cagamas Berhad. Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah berhak untuk mendapat nasihat daripada ahli profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat, sekira dan ketika dianggap perlu.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Kehadiran Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

Pengarah	Jawatan/Tahap Kebebasan	Kehadiran Mesyuarat
Dato' Bakarudin bin Ishak (Ditukar jawatan sebagai Pengerusi berkuatkuasa 20 September 2019)	Pengerusi, Bebas	4/4
Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek	Bukan Bebas	4/4
Datuk George Ratilal	Bebas	4/4
Datuk Abdul Farid bin Alias	Bukan Bebas	4/4
Dato' Lee Kok Kwan	Bukan Bebas	2/4
Wan Hanisah binti Wan Ibrahim	Bebas	4/4
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas	3/4
Datuk Siti Zauyah binti Md Desa (Dilantik berkuatkuasa 1 Disember 2019)	Bebas	1/1
Datuk Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff (Meletak jawatan sebagai Pengarah/Pengerusi berkuatkuasa 20 September 2019)	Pengerusi, Bebas	3/3

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah dibantu oleh GBGC dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (GBAC), yang beroperasi mengikut terma rujukan spesifik seperti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

GBGC terdiri daripada tiga Pengarah Bukan Eksekutif, iaitu:

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani
(Dilantik sebagai Pengerusi berkuatkuasa 20 September 2019)
Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
Dato' Bakarudin bin Ishak
(Pengerusi dari 1 Januari 2019 hingga 19 September 2019 dan ditukar jawatan sebagai ahli berkuatkuasa 20 September 2019)

GBGC bertanggungjawab untuk penilaian dan keselarasan urus tadbir korporat bagi Kumpulan adalah dipraktiskan dengan amalan terbaik. GBGC juga bertanggungjawab menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu, dan untuk mencadangkan pelantikan ke Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Perincian tentang GBAC diterangkan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan di dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa-jawatankuasa lain, seperti Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah kekal di Cagamas Berhad.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Para Pengarah dicalonkan oleh para pemegang syer atau ahli-ahli Lembaga Pengarah. Pencalonan ini disemakkaji semula oleh GBGC yang kemudiannya mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

Menurut Perlembagaan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada para Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap AGM Syarikat dan sekiranya layak, mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Perlembagaan juga menyatakan bahawa para Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun akan memegang jawatan sehingga AGM yang seterusnya dan kemudiannya akan layak untuk dilantik semula.

Ganjaran Pengarah

Dasar Syarikat dalam pembayaran ganjaran para Pengarah adalah usaha untuk menarik para Pengarah yang berkaliber dan berpengalaman yang diperlukan untuk memberikan pandangan yang kukuh dan berkesan terhadap aktiviti-aktiviti Kumpulan. GBGC menilai ganjaran kepada Pengarah Bukan Eksekutif setiap tiga tahun untuk memastikan bahawa Pengarah diganjarkan selayaknya sepadan dengan komitmen masa dan kepakaran para Pengarah, serta risiko dan tahap kerumitan perniagaan bagi setiap syarikat yang berkenaan dan tanggungjawab yang dipegang.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Ganjaran yang dibayar kepada para Pengarah seperti dinyatakan di dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

Pengarah Bukan Eksekutif	Yuran Pengarah (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Jumlah (RM)
Dato' Bakarudin bin Ishak (Ditukar jawatan sebagai Pengerusi berkuatkuasa 20 September 2019)	78,466	27,500	105,966
Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek	70,000	24,500	94,500
Datuk George Ratilal	70,000	39,000	109,000
Datuk Abdul Farid bin Alias	70,000	14,000	84,000
Dato' Lee Kok Kwan	70,000	21,000	91,000
Wan Hanisah binti Wan Ibrahim	70,000	31,500	101,500
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	70,000	24,000	94,000
Datuk Siti Zauyah binti Md Desa (Dilantik berkuatkuasa 1 Disember 2019)	5,945	3,500	9,445
Datuk Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff (Meletak jawatan sebagai Pengarah/Pengerusi berkuatkuasa 20 September 2019)	71,781	18,500	90,281

Latihan Pengarah

Kesemua Pengarah Cagamas Berhad dikehendaki menghadiri Program Teras Financial Institutions Directors' Education (FIDE). Program latihan tahunan pengarah yang memfokuskan kepada perkembangan berterusan set kemahiran para Pengarah dan kemaskini berkaitan perkembangan terkini dalam sektor perkhidmatan kewangan termasuk perundangan dan peraturan-peraturan baru yang berkaitan. Sebilangan para Pengarah terdiri daripada Pengarah syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti Program Latihan Akreditasi Mandatori seperti yang disyaratkan di bawah Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Bagi tahun 2019, program latihan yang dianjurkan dan ditaja oleh syarikat dan dihadiri oleh para Pengarah diperincikan seperti di bawah.

Program Latihan yang dihadiri oleh Para Pengarah

Senarai Program	Kaedah Latihan	Tempoh Dalam Bilangan Hari
2nd Islamic FINTECH Dialogue 2019	Dialog	2
Latihan Dalaman: 1. Cagamas Islamic Products 2. Awareness Session on Anti-Corruption – Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Seksyen 17A	Latihan dalaman	1
Leadership Energy Summit Asia (LESA) 2019	Sidang Kemuncak	2
Cagamas & World Bank Group "Constructing and Financing Affordable Housing Across Asia" Conference	Seminar	2
6th Asian Fixed Income Summit (AFIS)	Sidang Kemuncak	1
Induksi Pengarah (untuk para Pengarah yang baru dilantik)	Induksi	2

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
(SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pengurusan

Di peringkat entiti operasi, jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan telah ditubuhkan untuk menyokong Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dalam menguruskan pelbagai aktiviti dan operasi Kumpulan. Jawatankuasa pengurusan tersebut termasuklah:

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
Jawatankuasa Aset Liabiliti
Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat
Jawatankuasa Pengurusan Krisis
Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan

Hubungan Dengan Pelabur Dan Komunikasi Dengan Pemegang Syer

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan bertepatan masa dengan para pemegang syer dan pemegang berkepentingan. Kumpulan ini menghebahkan strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk baru kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, serta melalui saluran maklumat kewangan yang lain seperti Bloomberg, Refinitiv, Bursa Malaysia Berhad, Labuan International Financial Exchange dan Singapore Exchange Limited. Forum utama untuk berdialog dengan para pemegang syer adalah di AGM. Di AGM, Pengerusi menerangkan tentang prestasi Kumpulan ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk mengajukan soalan dan mendapatkan penjelasan tentang perniagaan dan prestasi Kumpulan ini.

Cagamas Berhad, mengendalikan sebuah laman sesawang, www.cagamas.com.my yang menyediakan maklumat terkini dan menyeluruh mengenai produk, kadaran dan maklumat kewangan Kumpulan ini.

AUDIT

Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat ini diterangkan pada muka surat 88 hingga 89 di dalam Laporan Tahunan ini.

Hubungan Dengan Juruaudit

Peranan dan tanggungjawab GBAC berhubung dengan juruaudit dalaman dan luar diterangkan pada muka surat 84 hingga 87 di dalam Laporan Tahunan ini. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, juruaudit luar telah menghadiri dua mesyuarat yang diadakan dengan GBAC. Mesyuarat pertama pada bulan Februari 2019 adalah untuk melaporkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, dan mesyuarat kedua pada bulan Ogos 2019 adalah untuk membentangkan penemuan penilaian terhad mereka bagi Cagamas Berhad, rancangan audit dan skop audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Pada salah satu mesyuarat tersebut, satu sesi telah diadakan di antara GBAC dan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan. Juruaudit luar hadir pada AGM Syarikat dan bersedia untuk menjawab soalan pemegang syer mengenai pengendalian audit berkanun dan penyediaan dan kandungan laporan audit mereka.

Ganjaran juruaudit dan juga pembayaran yuran bukan audit dinyatakan pada muka surat 204 di dalam Laporan Tahunan ini.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN

1. KEAHLIAN

Bagi tahun 2019, ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (Jawatankuasa) ini terdiri daripada:-

(a) Datuk George Ratilal (Pengerusi)
(b) Dato' Lee Kok Kwan
(c) Wan Hanisah Binti Wan Ibrahim

Majoriti ahli Jawatankuasa terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif berdasarkan Piagam Lembaga Cagamas Holdings Berhad. Kesemua Pengarah tidak terbabit dalam urusan harian Kumpulan ini serta bebas daripada pihak pengurusan. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Kumpulan ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai atau mempengaruhi Jawatankuasa ini dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah memberi pandangan bebas mereka untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

2. KEHADIRAN DALAM MESYUARAT

Jawatankuasa ini telah mengadakan lima mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 yang turut dihadiri oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Presiden Kanan, Audit Dalaman. Beberapa pegawai kanan Cagamas Berhad juga turut hadir pada mesyuarat tertentu atas jemputan Jawatankuasa. Kehadiran ahli Jawatankuasa ini dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

Nama Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Datuk George Ratilal	5/5
Dato' Lee Kok Kwan	4/5
Wan Hanisah Binti Wan Ibrahim	5/5

Juruaudit Luaran Kumpulan ini, Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT telah menghadiri dua mesyuarat Jawatankuasa ini sepanjang tahun berkenaan untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan membentangkan pelan audit dan skop kerja Kumpulan ini untuk tahun kewangan 2019.

3. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Bidang Kuasa

(a) Jawatankuasa ini tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktivitinya, dan mereka bebas bertemu dengan Juruaudit Dalaman dan Luaran, dan pihak pengurusan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini.

(b) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli profesional luar serta menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya diperlukan.

(c) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti di dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa berhak mengarahkan kesemua kakitangan untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

Saiz dan Komposisi

(a) Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah Bukan Eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah Bebas.

(b) Sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga orang dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga bulan.

(c) Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah melantik seorang Pengerusi, iaitu seorang Pengarah Bebas dari kalangan mereka sendiri.

(d) Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa ini:-

(i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants – MIA); atau
(ii) jika beliau bukan merupakan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:-

- beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
- beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN
(SAMBUNGAN)

(iii) beliau mestilah memegang ijazah sarjana muda/ sarjana/doktor falsafah dalam bidang perakaunan atau kewangan dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau

(iv) beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan bagi sebuah syarikat korporat atau mempunyai fungsi yang terutamanya bertanggungjawab di dalam pengurusan hal ehwal kewangan sebuah syarikat korporat.

(e) Kesemua ahli Jawatankuasa ini hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pandangan Lembaga Pengarah akan mempengaruhi Jawatankuasa di dalam memberikan penilaian yang bebas ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli Jawatankuasa ini.

Mesyuarat

(a) Mesyuarat Jawatankuasa diadakan sekali pada setiap suku tahun atau mengikut kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi atau Jawatankuasa. Jemputan akan diberikan kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif untuk menghadiri mesyuarat. Jawatankuasa juga boleh menjemput mana-mana pihak untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangan.

Kuorum

(a) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.

Setiausaha

(a) Naib Presiden Kanan, Audit Dalaman merupakan Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

Tugas dan Tanggungjawab

Pelaporan Kewangan

(a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan ini yang disatukan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasan yang dicadangkan oleh Juruaudit Luaran. Ini termasuk:-

- Menyemak laporan juruaudit dan syarat pembatasan (jika ada) yang mesti dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani keraguan juruaudit bagi audit yang akan datang;
- Perubahan dan penyelarasan dalam pembentangan penyata kewangan;
- Perubahan ketara dalam dasar dan prinsip perakaunan;
- Pematuhan piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
- Keadaan turun naik yang nyata dalam penyata baki;
- Perubahan ketara dalam skop audit; dan
- Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.

(b) Menyemak Penyata Kewangan Interim Diringkaskan setengah tahun bagi Cagamas Berhad dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan Syarikat) untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan pendedahan.

Juruaudit Dalaman

(a) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalaman, termasuk:-

- Pematuhan piawaian audit dalaman, kawalan dalaman Kumpulan, dasar dan keperluan undang-undang yang lain;
- Kecukupan polisi dan tatacara serta kawalan dalaman yang telah diwujudkan;
- Penyelarasan antara Juruaudit Dalaman dan Luaran;
- Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme di dalam menjalankan tugasan Audit Dalaman;
- Melaporkan segala keputusan audit yang telah dilaksanakan;
- Mencadangkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
- Mencadangkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan serta pembetulan yang sesuai secara tetap.

(b) Bertanggungjawab terhadap penentuan fungsi Audit Dalaman, termasuk:-

- Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
- Meluluskan Pelan Audit Dalaman;
- Menilai prestasi dan menetapkan pakej imbuhan Naib Presiden Kanan, Audit Dalaman selaras dengan polisi ganjaran syarikat;

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN
(SAMBUNGAN)

- Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber Jabatan Audit Dalaman atau sebarang sekatan yang dihadapi semasa melaksanakan kerja-kerja pengauditan;
- Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Naib Presiden Kanan, Audit Dalaman;
- Pemberitahuan tentang perletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan mengemukakan alasan perletakan jawatan;
- Memastikan fungsi Audit Dalaman mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam Kumpulan ini;
- Menyelaraskan matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalaman dengan matlamat keseluruhan Kumpulan ini; dan
- Meletakkan Audit Dalaman di bawah bidang kuasa dan penyeliaan langsung Jawatankuasa ini.

(c) Menyemak laporan Audit Dalaman sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkenaan di bawah Kumpulan ini dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad untuk makluman atau pengesahan.

(d) Memastikan tindakan yang wajar dan segera diambil oleh pihak pengurusan ke atas kelemahan-kelemahan ketara yang dikenalpasti.

Juruaudit Luaran

(a) Menilai objektiviti, prestasi dan kebebasan Juruaudit Luaran.

(b) Membincangkan dan menilai pelan audit luaran, penemuan-penemuan terhadap sistem kawalan dalaman (termasuk tindakan pihak pengurusan dan laporan audit yang berkaitan).

(c) Menyemak surat ikatan Juruaudit Luaran dan maklumbalas dari pihak pengurusan.

(d) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan Juruaudit Luaran, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau penyingkiran Juruaudit Luaran.

(e) Membincangkan dengan Juruaudit Luaran perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, menyemak skop pelan audit tahun semasa mereka serta penilaian mereka terhadap akaun dan sistem kawalan dalaman, termasuk penemuan serta tindakan susulan yang mereka cadangkan.

(f) Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman tahun sebelumnya atau yang disebabkan oleh perkembangan baru.

(g) Menilai dan menyemak peranan Juruaudit Luaran dari semasa ke semasa.

(h) Meluluskan peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh Juruaudit Luaran dan menilai sama ada terdapat sebarang potensi konflik yang timbul daripada perkhidmatan bukan audit tersebut.

(i) Memastikan wujudnya pemeriksaan dan keseimbangan supaya peruntukan ke atas perkhidmatan bukan audit tidak mengganggu pertimbangan bebas Juruaudit Luaran.

(j) Bermesyuarat dengan Juruaudit Luaran sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak pengurusan untuk membincangkan perkara penting yang memerlukan perhatian serta mendapatkan maklum balas.

Transaksi Pihak Berkaitan

(a) Menyemak sebarang urusniaga dengan pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan percanggahan kepentingan yang ketara yang mungkin timbul dalam Kumpulan ini.

(b) Menyemak sebarang urusniaga yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan kumpulan ini.

Tanggungjawab Lain

(a) Menyemak cadangan pihak pengurusan untuk pembayaran dividen sebelum dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan.

(b) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN
(SAMBUNGAN)

4. RINGKASAN AKTIVITI

Sepanjang tahun kewangan, Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasnya seperti yang telah ditetapkan di dalam terma rujukan. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

Audit Dalaman

(a) Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Dalaman bagi tahun Kewangan Berakhir 2020 dan memastikan kecukupan skop audit dalaman dan perancangannya, fungsi-fungsi serta sumber-sumber fungsi audit dalaman yang perlu untuk menjalankan tugasnya;

(b) Menyemak laporan, penemuan dan cadangan oleh Juruaudit Dalaman serta maklumbalas pihak pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;

(c) Menyemak laporan-laporan audit dalaman untuk memastikan bahawa tindakan pembaikan yang perlu telah diambil oleh pihak pengurusan bagi menangani kaedah dan perlaksanaan cadangan yang dikemukakan oleh audit dalaman; dan

(d) Memperuntukan penilaian bebas ke atas prestasi Naib Presiden Kanan, Audit Dalaman.

Audit Luaran

(a) Menyemak skop serta perancangan Juruaudit Luaran bagi tahun Kewangan Berakhir 2019;

(b) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang perlantikan semula Juruaudit Luaran dan yuran audit; dan

(c) Menyemak keputusan audit oleh Juruaudit Luaran dan membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian.

Pelaporan Laporan Kewangan

(a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan yang diaudit dan memastikan laporan kewangan mematuhi Piawaian Perakaunan.

5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan ini telah menubuhkan Jabatan Audit Dalaman yang bertanggungjawab secara langsung kepada Jawatankuasa ini. Jabatan tersebut juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. Jabatan Audit Dalaman ini bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit lain bagi membolehkannya menyediakan laporan yang bebas dan objektif kepada pihak Jawatankuasa mengenai kedudukan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Kumpulan ini.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi audit dalaman Kumpulan menurut Piagam Audit dan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa ini. Pelan audit tersebut dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistematik yang telah mengenalpasti, memberi keutamaan dan menghubungkaitkan risiko-risiko dengan proses dan lingkungan pengauditan utama. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan Jabatan Audit Dalaman memberi keutamaan kepada sumber dan bahagian yang akan diaudit.

Audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan 2019 menitikberatkan penilaian dan penyemakan bebas ke atas penilaian risiko, keberkesanan operasi bagi kawalan dalaman, dan keperluan pengawalseliaan bagi seluruh Kumpulan ini. Laporan audit dalaman diserahkan kepada Jawatankuasa ini untuk dipertimbangkan. Ini membolehkan Jawatankuasa ini melaksanakan fungsi penyeliaannya dengan merumuskan pendapat berhubung kecukupan langkah-langkah yang diambil oleh pihak pengurusan.

Amalan Profesional Piawai Antarabangsa (Piawai) oleh Institut Audit Dalaman (Institute of Internal Auditors - IIA) digunakan di mana perlu sebagai satu panduan berwibawa bagi kaedah audit dalaman.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) mengesahkan tanggungjawab mereka di dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan suatu sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Kumpulan ini. Sistem kawalan dalaman berkenaan merangkumi antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, strategi, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa sistem tersebut dirangka untuk mengurus dan mengawal risiko pada tahap yang munasabah dan bukan untuk menghapuskan risiko tidak mematuhi polisi Kumpulan dan mencapai matlamat perniagaan. Oleh itu, sistem berkenaan dapat memberi jaminan yang sewajarnya, tetapi bukannya jaminan mutlak terhadap salah nyata ketara berkenaan maklumat kewangan.

Peranan pihak pengurusan ialah melaksanakan polisi yang digariskan oleh Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan dalaman dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi serta merangka, mengendali dan memantau sistem kawalan dalaman yang bersesuaian bagi mengurang dan mengawal risiko berkenaan.

PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (Board Risk Committee - BRC) Cagamas Berhad dipertanggungjawabkan menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan operasi Kumpulan ini. Dalam hal ini, BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, polisi, proses-proses dalaman utama dan sistem bertujuan menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan kedudukan pendedahan risiko Kumpulan ini. BRC melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya memaklumkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad berhubung segala keputusan yang dibuat berkenaan dengan penilaian risiko dan perkara-perkara yang berkaitan.

BRC dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Cagamas Berhad (Risk Managament Department – RMD) yang menyediakan khidmat sokongan pengurusan risiko terutamanya bagi perniagaan dan operasi Cagamas Berhad, iaitu entiti utama Kumpulan ini di samping khidmat kepada lain-lain entiti di dalam Kumpulan ini. Keputusan penilaian risiko dan lain-lain penemuan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan ini. Secara umumnya prinsip-prinsip pengurusan risiko Kumpulan ini adalah berlandaskan garis panduan Bank Negara Malaysia dan amalan-amalan terbaik di dalam industri.

PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Sistem kawalan dalaman Kumpulan merangkumi proses utama seperti berikut:

1. Kuasa dan Tanggungjawab

(a) Struktur organisasi, profil pekerjaan dan bidang keberhasilan utama yang menggariskan dengan jelas tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi.

(b) Menetapkan dengan jelas garisan tanggungjawab dan penugasan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan.

(c) Pihak pengurusan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan, Jawatankuasa Aset Liabiliti, Jawatankuasa Pemandu IT, Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan dan Jawatankuasa Pengurusan Krisis sebagai sebahagian daripada fungsi pengawasan bagi memastikan pengurusan dan pengawalan yang berkesan dalam bidang masing-masing.

2. Perancangan, Pemantauan dan Laporan

(a) Pelan Perniagaan Tahunan dan Belanjawan dirangka, dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum pelaksanaan. Di samping itu, prestasi sebenar akan dikaji setiap suku tahunan berdasarkan prestasi yang disasarkan bagi langkah pembetulan untuk mengurangkan risiko. Hasil kajian prestasi itu dilaporkan kepada Lembaga Pengarah pada setiap separuh tahunan. Di mana perlu, Pelan Perniagaan Tahunan dan Belanjawan akan disemak, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam keadaan perniagaan.

PENYATA KAWALAN DALAMAN
(SAMBUNGAN)

(b) Melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan, kedudukan pinjaman dan pembiayaan yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urusniaga swap kadar faedah diserahkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahunan. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu.

(c) Menyediakan maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi kepada pihak pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

3. Polisi dan Tatacara

(a) Mendokumenkan dengan jelas dan secara formal polisi dalaman dan manual tatacara untuk memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Semakan secara berkala dilaksanakan untuk memastikan dokumentasi polisi dan tatacara sentiasa dikemaskini dan relevan.

4. Penilaian Bebas oleh Jabatan Audit Dalaman

(a) Jabatan Audit Dalaman memberi jaminan yang munasabah kepada Lembaga Pengarah melalui penilaian bebas terhadap kecukupan, keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman. Ia melaksanakan pendekatan audit berasaskan risiko selaras dengan pelan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Group Board Audit Committee - GBAC). Keputusan audit dibentangkan kepada GBAC yang bermesyuarat sebanyak lima kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

(b) Pelan audit dan laporan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan di dalam Kumpulan bagi memaklumkan sebarang kelemahan dalam sistem kawalan dalaman. Sepanjang tahun kewangan ini, beberapa kelemahan telah dikenal pasti, namun ianya tidak mengakibatkan kerugian ketara, luar jangkaan atau ketidakpastian atau memberi kesan terhadap risiko reputasi yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan.

5. Pengukuran Prestasi dan Kompetensi Kakitangan

(a) Indeks Prestasi Utama (KPIs), yang berasaskan kepada pendekatan Kad Skor Prestasi, digunakan untuk memantau dan mengukur prestasi kakitangan.

(b) Mempunyai garis panduan yang sesuai untuk tujuan pengambilan dan pemecatan kakitangan, program latihan dan pensijilan peningkatan kemahiran oleh pakar industri untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang releven bagi memastikan kakitangan yang cekap dan terlatih dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

6. Perancangan Kesinambungan Perniagaan

(a) Mempunyai Pelan Kesinambungan Perniagaan, termasuk Pelan Pemulihan Bencana bagi memastikan kesinambungan operasi perniagaan.

KESIMPULAN

Sistem kawalan dalaman yang wujud di sepanjang tahun tinjauan sehingga tarikh laporan tahunan dan penyata kewangan diterbitkan adalah mencukupi dan berkesan untuk melindungi pelaburan para pemegang saham, kepentingan para pelanggan, pihak berkuasa dan kakitangan dan juga aset Kumpulan ini.

PENGURUSAN RISIKO

Pendekatan pengurusan risiko Kumpulan disokong oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (Rangka Kerja) yang kukuh dan mantap, yang sentiasa dipertingkatkan untuk kekal relevan dan berdaya tahan terhadap latar belakang landskap risiko yang versatil dan amalan industri yang berkembang. Rangka Kerja ini melibatkan proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai, memantau, mengurus dan melaporkan risiko yang ketara yang mempengaruhi pencapaian objektif perniagaan Kumpulan. Ia membolehkan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan meramal dan mengurus kedua-dua risiko sedia ada dan yang berpotensi untuk wujud, dengan mengambil kira perubahan profil risiko seperti yang ditentukan oleh perubahan dalam persekitaran perniagaan dan kawal selia, strategi dan aktiviti fungsian Kumpulan sepanjang tahun.

Rangka Kerja ini merupakan sebahagian daripada budaya Kumpulan dan diterapkan ke dalam proses dan amalan perniagaannya. Rangka Kerja ini disasarkan ke arah mencapai objektif Kumpulan dan dibahagikan kepada empat kategori:

PENGURUSAN RISIKO
(SAMBUNGAN)

TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO

Selaras dengan Rangka Kerja, tiga barisan pertahanan dalam pengurusan risiko diterima pakai dalam Kumpulan. Gambarajah berikut meringkaskan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban pelbagai pihak yang terlibat dalam tadbir urus pengurusan risiko Kumpulan.

Lembaga Pengarah (BOD atau 'Lembaga')

- menetapkan halatuju strategik keseluruhan untuk Kumpulan.
- menyediakan pengawasan untuk memastikan bahawa pihak pengurusan mempunyai sistem dan amalan pengurusan risiko yang sesuai untuk mengurus risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Kumpulan.
- menetapkan selera risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan objektif keseluruhan perniagaan Kumpulan dan profil risiko yang dikehendaki.
- mengkaji dan meluluskan semua dasar pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang ketara.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC)

- membantu Lembaga Pengarah dalam membangunkan strategi, dasar dan infrastruktur untuk mengurus risiko Kumpulan dan memastikan bahawa terdapat pengawasan yang berkesan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
disokong oleh Jawatankuasa Pengurusan yang menangani risiko utama yang dikenal pasti

Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan (MEC)	Jawatankuasa Aset Liabiliti (ALCO)

Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak pengurusan yang dipengerusikan oleh CEO dan melaksanakan fungsi pengawasan perkara yang berikut:

- had risiko keseluruhan dan pengagihan modal, selaras dengan selera risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.
- pelaksanaan dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan memastikan terdapatnya prosedur operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi dan berkesan untuk menyokong dasar ini.

Barisan pertahanan pertama Unit perniagaan dan sokongan	**Barisan pertahanan kedua** Bahagian Pengurusan Risiko & Pematuhan (RMD)	**Barisan pertahanan ketiga** Jabatan Audit Dalaman (IAD)
• tanggungjawab utama untuk mengenal pasti, mengurangkan dan mengurus risiko dalam bidang kerja mereka. • memastikan aktiviti harian dijalankan dalam lingkungan dasar, prosedur dan had risiko yang telah ditetapkan.	• menilai secara bebas pendedahan risiko dan penyelarasan pengurusan risiko secara menyeluruh. • memastikan pengurusan risiko dan dasar pematuhan dilaksanakan dengan sewajarnya. • memastikan pematuhan kepada perundangan dan peraturan yang berkenaan.	• IAD yang menjadi barisan pertahanan ketiga bertanggungjawab secara bebas untuk mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan dengan dasar risiko dan pematuhan.

PENGURUSAN RISIKO
(SAMBUNGAN)

Pengurusan telah mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko utama berikut yang boleh menghalang Kumpulan daripada mencapai objektifnya:

Jenis risiko	Definisi dan pengurusan
Risiko strategik	Risiko strategik adalah risiko tidak mencapai strategi dan matlamat korporat Kumpulan. Ini mungkin disebabkan oleh faktor dalaman seperti kekurangan dalam perancangan prestasi, pelaksanaan dan pemantauan prestasi serta faktor luaran seperti perubahan dalam persekitaran pasaran. Pengurusan risiko strategik ditangani melalui pembabitan Lembaga Pengarah dalam menetapkan matlamat strategik Kumpulan. Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan tentang hal-hal yang boleh menjejaskan pelaksanaan strategi dan hala tuju korporat.
Risiko kredit	Risiko kredit ditakrifkan sebagai potensi kerugian kewangan akibat kegagalan peminjam atau rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kewangan atau kontraknya. Dalam Kumpulan, risiko kredit berpunca dari Pembelian dengan Rekursa (PWR) dan Pembelian tanpa Rekursa (PWOR), program jaminan gadai janji, pelaburan dan aktiviti perlindungan nilai perbendaharaan. Objektif utama pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus risiko dan had kredit secara proaktif bagi memastikan semua pendedahan kepada risiko kredit adalah dalam lingkungan parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Aktiviti pelaburan adalah berpandukan kepada polisi dan garis panduan kredit dalaman yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Prosedur khusus untuk pengurusan risiko kredit ditentukan pada tahap perniagaan berdasarkan persekitaran risiko dan matlamat perniagaan.
Risiko pasaran	Risiko pasaran ditakrifkan sebagai potensi kerugian yang wujud daripada pergerakan harga dan kadar pasaran. Dalam Kumpulan, pendedahan risiko pasaran adalah terhad kepada risiko kadar faedah dan risiko pertukaran mata wang asing kerana Kumpulan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti perdagangan ekuiti atau komoditi. Pihak Kumpulan menguruskan risiko pasaran dengan mengenakan had ambang dan memasuki kontrak lindung nilai derivatif. Had ini ditetapkan berdasarkan kepada selera risiko Kumpulan dan pertimbangan pulangan risiko. Had ini kerap disemak dan dipantau. Pihak Kumpulan mempunyai sistem pengurusan aset liabiliti yang menyediakan keupayaan seperti analisis jurang tempoh, analisis sensitiviti faedah/keuntungan dan simulasi pendapatan di bawah senario-senario yang berbeza untuk membantu dalam mengurus dan memantau risiko kadar faedah/keuntungan. Pihak Kumpulan juga menggunakan instrumen derivatif seperti swap kadar faedah, swap kadar keuntungan, pertukaran mata wang silang dan swap mata wang Islam untuk mengurus dan melindung nilai pendedahan risiko pasarannya terhadap turun naik dalam kadar faedah/keuntungan dan kadar pertukaran mata wang asing.
Risiko kecairan	Risiko kecairan timbul apabila Pihak Kumpulan tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila tempoh matang. Pihak Kumpulan menguruskan risiko kecairan dengan mematuhi dasar pembiayaan padanan yang ketat di mana semua pembelian aset dibiayai oleh bon yang bersesuaian dengan saiz dan tempoh dan adalah mampu diri dari segi aliran tunai. Satu mekanisme kecairan yang berpandangan ke hadapan kini tersedia untuk menggalakkan pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan sambil mengelakkan tumpuan dana yang berlebihan. Pihak Kumpulan merancang aliran tunai dan memantau dengan teliti setiap urus niaga perniagaan bagi memastikan dana yang tersedia mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Rizab kecairan yang merangkumi sekuriti hutang yang boleh pasar, juga diperuntukan untuk memenuhi sebarang kekurangan yang tidak dijangka dalam aliran tunai atau keadaan ekonomi yang buruk dalam pasaran kewangan.

PENGURUSAN RISIKO
(SAMBUNGAN)

Jenis risiko	Definisi dan pengurusan
Risiko operasi	Risiko operasi adalah risiko potensi kerugian akibat daripada kekurangan atau kegagalan proses, tenaga kerja dan sistem dalaman, atau daripada faktor-faktor luaran. Setiap unit perniagaan atau sokongan melaksanakan swataksir terhadap risiko dan persekitaran kawalan masing-masing untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko operasi. Pihak Kumpulan telah mewujudkan kawalan dalaman, sistem dan prosedur yang menyeluruh, yang tertakluk kepada semakan tetap oleh juruaudit dalaman dan luaran. Pendedahan kepada risiko operasi juga melibatkan pengurusan kategori risiko berikut: • Risiko teknologi: Pengurusan risiko teknologi melibatkan penilaian risiko teknologi dan keselamatan siber secara berstruktur dan konsisten. Kumpulan telah menerapkan tadbir urus yang kukuh dan pengurusan risiko teknologi yang berkesan serta merangkumi keselamatan teknologi yang kukuh, keboleharapan, ketahanan dan kebolehpulihan untuk menangani elemen risiko teknologi seperti ketersediaan, ketepatan, kebolehcapaian dan ketangkasan. • Risiko gangguan perniagaan: Pihak Kumpulan mempunyai program pengurusan kesinambungan perniagaan (BCM) yang mantap untuk mengurangkan kesan dan kemungkinan sebarang gangguan yang tidak dijangka terhadap operasi perniagaannya melalui pelaksanaan rangka kerja dan dasar BCM, pelan kesinambungan perniagaan dan latihan BCM yang kerap. Pihak Kumpulan juga telah mengenalpasti strategi pemulihan seluruh organisasi bagi mempercepatkan pemulihan serta penyambungan semula perniagaan dan teknologi semasa kejadian bencana.
Reputasi Risiko	Tanggapan reputasi dan imej Pihak Kumpulan oleh para pelanggan, pelabur, pengawal selia dan masyarakat umum adalah penting bagi Pihak Kumpluan untuk terus berkembang dan berjaya dalam perniagaan dan operasinya. Justeru, risiko reputasi adalah bergantung kepada sifat/model perniagaan, pemilihan pelanggan dan rakan niaga dan keboleharapan dan keberkesanan proses perniagaan. Pemeriksaan yang ketat ke atas pelanggan yang berpotensi dan reka bentuk perniagaan yang selaras dengan piawaian dan pematuhan peraturan kawalan selia yang tinggi telah diterapkan untuk melindungi reputasi perniagaan dan imej Kumpulan.
Risiko bukan pematuhan Syariah	Risiko sekatan perundangan atau kawal selia, kerugian kewangan atau implikasi bukan kewangan termasuk reputasi terjejas yang mungkin dialami oleh Kumpulan akibat kegagalan mematuhi peraturan Majlis Penasihat Syariah badan kawal selia (SAC), piawaian mengenai perkara Syariah yang dikeluarkan oleh BNM atau nasihat oleh Penasihat Syariah yang konsisten dengan peraturan SAC. Pihak Kumpulan berunding dan mendapat sokongan/pelepasan daripada Penasihat Syariah bebas bagi semua produk dan transaksi Islam bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah yang berkaitan. Di samping itu, pihak Kumpulan mendapat kelulusan Majlis Penasihat Syariah BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi produk Islam. Kajian semula pematuhan Syariah berkala dan audit dalaman tahunan dilaksanakan untuk mengesahkan bahawa operasi Islam yang dikendalikan oleh unit-unit perniagaan mematuhi keputusan yang telah disahkan oleh Penasihat Syariah. Sebarang insiden ketidakpatuhan Syariah akan dilaporkan kepada Penasihat Syariah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, BRC dan Lembaga Pengarah.

PENGURUSAN RISIKO
(SAMBUNGAN)

SOROTAN UTAMA

Selaras dengan perubahan latar belakang perniagaan, RMD telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut sepanjang tahun 2019 untuk mengukuhkan daya tahan risiko dan menyokong objektif Kumpulan:

1. Memperkukuhkan budaya risiko untuk mengukuhkan rangka kerja risiko.
   - Kumpulan percaya bahawa budaya risiko yang kukuh merupakan satu blok pembangunan yang penting bagi tadbir urus risiko yang berkesan. Bagi memupuk budaya risiko yang betul di kalangan kakitangan di semua peringkat perniagaan dan aktiviti di dalam Kumpulan, kakitangan digalakkan untuk menjalankan pembelajaran berterusan dan memaklumkan isu-isu tepat pada masanya.
   - Beberapa bengkel bertemakan pengurusan risiko dan BCM serta sesi kesedaran oleh pakar risiko luaran telah diadakan untuk pihak pengurusan dan kakitangan dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai perkara risiko dan BCM.
   - RMD melibatkan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengkaji semula rangka kerja/dasar BNM dan SC serta menjalankan penilaian impak ke atas jurang, jika ada, yang berkaitan dengan Kumpulan, bagi memastikan ianya sejajar dengan amalan terbaik industri. Rangka kerja/dasar yang dikaji termasuklah Prinsip Panduan Mengenai Kesinambungan Perniagaan oleh SC, Pengurusan Risiko Dalam Bidang Teknologi oleh BNM, Tadbir Urus Syariah BNM; dan Rang Undang Pindaan Syarikat 2019.

2. Memastikan portfolio Kumpulan adalah sejajar dengan selera dan strategi risiko.
   - Selera risiko adalah komponen kritikal yang membolehkan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan berkomunikasi, memahami dan menilai risiko yang boleh diterima oleh Pihak Kumpulan. Penyata selera risiko dikaji semula pada setiap tahun dengan mengambil kira semua risiko penting dan aktiviti perniagaan masa depan yang menjadi sebahagian daripada proses penilaian kecukupan modal dalaman (ICAAP) tahunan.
   - RMD memberi input nasihat dalam justifikasi Cagamas untuk diberikan keutamaan dalam Garis Panduan Kecairan Bersih (NSFR). Garis panduan muktamad NSFR telah memberikan faktor pembiayaan stabil (ASF) yang lebih baik sebanyak 60% untuk pembiayaan daripada entiti bukan kewangan dengan kematangan baki kurang daripada satu tahun di mana sebelumnya faktor ASF adalah 50%.
   - RMD sentiasa memastikan bahawa inisiatif perniagaan adalah sejajar dengan selera risiko dengan menyediakan penilaian bebas dan input risiko untuk had kredit baru dan tambahan serta cadangan perniagaan baru.

3. Meningkatkan tadbir urus, kawalan dan proses pengurusan risiko.
   - Polisi pengurusan risiko, kaedah dan proses terus dipertingkatkan selaras dengan amalan terbaik industri dan keperluan kawal selia. RMD telah melaksanakan kajian semula bebas terhadap dasar dan proses selaras dengan keperluan Dasar Kredit BNM di mana tiada sebarang jurang utama yang dikenalpasti.
   - Rangka kerja dan Dasar Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) yang baru telah diwujudkan untuk menyediakan kaedah yang berkesan dan tersusun bagi meningkatkan daya tahan perniagaan dan keupayaan pemulihan untuk menahan sebarang peristiwa buruk yang dihadapi oleh Kumpulan.
   - Sebagai sebahagian daripada proses peningkatan yang berterusan, pendekatan ujian tekanan telah dipertingkatkan untuk menggabungkan tahap butiran yang lebih tinggi manakala pengiraan risiko tumpuan kredit telah dirombak untuk merangkumi Indeks Herfindahl Hirschman (HHI) dan kaedah Indeks Kestabilan Populasi (PSI).
   - Jabatan Pematuhan Kumpulan telah disusun semula untuk melapor terus kepada Naib Presiden Kanan Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan selaras dengan amalan terbaik untuk mengekalkan kebebasan fungsi pematuhan.
   - Kumpulan akan terus memanfaatkan sistem pentadbiran pinjaman baru untuk pemantauan dan pelaporan pada masa yang tepat. Ketersediaan data segera untuk dianalisa akan memudahkan pengesanan yang tepat pada masanya bagi menghasilkan resolusi isu pada kadar segera.
   - Evolusi teknologi memerlukan penggunaan strategi pengurusan risiko teknologi dan siber yang baru untuk menangani kemunculan ancaman siber. Oleh kerana Kumpulan menerima peningkatkan kemajuan teknologi dalam operasi harian, pendedahan kepada risiko teknologi juga turut meningkat dengan pesat. Oleh itu, Kumpulan berusaha untuk mengukuhkan pertahanan siber dan ketahanan melalui peningkatan rangka kerja pengurusan, dasar dan kawalan risiko teknologi.

MAKLUMAT PERANGKAAN

PENDEDAHAN KEPADA RAKAN NIAGA MENGIKUT PENARAFAN (PWR)

PERBANDINGAN DI ANTARA SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS DAN PINJAMAN/ PEMBIAYAAN DALAM PEGANGAN

MAKLUMAT PERANGKAAN
(SAMBUNGAN)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2019

					Konvensional				Islam	
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Kertas Komersial	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Bon Dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
					RM JUTA					
2005										
08.08.2005	15	5.270	07.08.2020	0.60						400
12.12.2005	15	5.650	11.12.2020	0.95			385			
12.12.2005	20	5.920	12.12.2025	5.95			265			
2007										
29.05.2007	15	4.170	27.05.2022	2.41						320
29.05.2007	20	4.340	28.05.2027	7.41						290
22.08.2007	15	4.900	22.08.2022	2.64			250			
22.08.2007	20	5.080	20.08.2027	7.64			105			
2008										
08.08.2008	12	6.000	07.08.2020	0.60	65					
08.08.2008	20	6.500	08.08.2028	8.61	90					
08.08.2008	12	6.000	07.08.2020	0.60					235	
08.08.2008	15	6.350	08.08.2023	3.61					305	
08.08.2008	20	6.500	08.08.2028	8.61					370	
10.10.2008	12	5.900	09.10.2020	0.78	105					
10.10.2008	15	6.050	10.10.2023	3.78	140					
10.10.2008	20	6.250	10.10.2028	8.78	340					
10.10.2008	12	5.900	09.10.2020	0.78					25	
10.10.2008	15	6.050	10.10.2023	3.78					30	
10.10.2008	20	6.250	10.10.2028	8.78					35	
2009										
30.03.2009	12	5.370	30.03.2021	1.25	105					
30.03.2009	15	5.460	29.03.2024	4.25	150					
30.03.2009	20	5.690	30.03.2029	9.25	150					
30.03.2009	12	5.370	30.03.2021	1.25					115	
30.03.2009	15	5.460	29.03.2024	4.25					155	
30.03.2009	20	5.690	30.03.2029	9.25					80	
17.07.2009	12	5.380	19.07.2021	1.55	80					
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	4.55	100					
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	9.55	50					
17.07.2009	12	5.380	19.07.2021	1.55					60	
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	4.55					70	
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	9.55					55	
03.09.2009	12	5.120	03.09.2021	1.68	65					
03.09.2009	15	5.280	03.09.2024	4.68	90					

MAKLUMAT PERANGKAAN
(SAMBUNGAN)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

					Konvensional				Islam	
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Kertas Komersial	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Bon Dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
					RM JUTA					
2009 (sambungan)										
26.11.2009	12	5.150	26.11.2021	1.91	60					
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	4.91	85					
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	9.91	45					
26.11.2009	12	5.150	26.11.2021	1.91					60	
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	4.91					80	
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	9.91					45	
2010										
03.09.2010	10	4.360	03.09.2020	0.68					10	
03.09.2010	12	4.480	02.09.2022	2.67					5	
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	5.68					5	
03.09.2010	10	4.360	03.09.2020	0.68	15					
03.09.2010	12	4.480	02.09.2022	2.67	10					
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	5.68	5					
2011										
07.04.2011	10	4.650	07.04.2021	1.27					5	
07.04.2011	12	4.760	07.04.2023	3.27					5	
07.04.2011	15	4.920	07.04.2026	6.27					10	
20.12.2011	10	4.150	20.12.2021	1.97	5					
20.12.2011	12	4.250	20.12.2023	3.97	10					
20.12.2011	15	4.410	18.12.2026	6.97	10					
20.12.2011	10	4.150	20.12.2021	1.97					5	
20.12.2011	12	4.250	20.12.2023	3.97					5	
20.12.2011	15	4.410	18.12.2026	6.97					10	
2012										
31.10.2012	10	3.910	31.10.2022	2.84	450					
31.10.2012	15	4.170	29.10.2027	7.83	20					
04.12.2012	10	3.900	02.12.2022	2.92	5					
04.12.2012	12	4.000	04.12.2024	4.93	5					
04.12.2012	15	4.140	03.12.2027	7.93	5					
04.12.2012	10	3.900	02.12.2022	2.92					20	
04.12.2012	12	4.000	04.12.2024	4.93					10	
04.12.2012	15	4.140	03.12.2027	7.93					15	

MAKLUMAT PERANGKAAN
(SAMBUNGAN)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

					Konvensional				Islam	
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Kertas Komersial	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Bon Dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
					RM JUTA					
2013										
28.10.2013	7	4.150	28.10.2020	0.83					390	
28.10.2013	10	4.300	27.10.2023	3.82					645	
28.10.2013	12	4.550	28.10.2025	5.83					450	
28.10.2013	15	4.750	27.10.2028	8.83					675	
28.10.2013	20	5.000	28.10.2033	13.84					675	
18.11.2013	7	4.100	18.11.2020	0.88	310					
18.11.2013	10	4.300	17.11.2023	3.88	375					
18.11.2013	12	4.550	18.11.2025	5.89	410					
18.11.2013	15	4.750	17.11.2028	8.89	460					
20.12.2013	7	4.350	18.12.2020	0.97					20	
20.12.2013	10	4.600	20.12.2023	3.97					5	
2015										
25.11.2015	5	4.450	25.11.2020	0.90					500	
25.11.2015	5	4.450	25.11.2020	0.90	45					
25.11.2015	7	4.650	25.11.2022	2.90	20					
25.11.2015	10	4.850	25.11.2025	5.91	225					
25.11.2015	12	4.900	25.11.2027	7.91	250					
25.11.2015	20	5.070	26.11.2035	15.92	160					
21.12.2015	7	4.700	21.12.2022	2.98					435	
2017										
09.03.2017	5	4.150	09.03.2022	2.19	2,000					
26.04.2017	3	2.530	26.04.2020	0.32				1,544		
28.04.2017	5	4.250	28.04.2022	2.33					500	
28.04.2017	5	4.250	28.04.2022	2.33	225					
20.06.2017	5	4.110	20.06.2022	2.47					350	
06.07.2017	5	4.090	06.07.2022	2.52	1,000					
18.09.2017	3	5.900	09.10.2020	0.78					475	
18.09.2017	3	4.150	28.10.2020	0.83					525	
20.10.2017	3	4.360	03.09.2020	0.68	500					
20.10.2017	3	4.100	18.11.2020	0.88	500					
03.11.2017	3	4.000	03.11.2020	0.84	1,000					
03.11.2017	3	4.020	03.11.2020	0.84					50	
03.11.2017	5	4.230	03.11.2022	2.84					840	
13.12.2017	5	4.250	13.12.2022	2.95	1,500					
15.12.2017	3	4.080	15.12.2020	0.96	90					
29.12.2017	5	4.250	29.12.2022	3.00	300					

MAKLUMAT PERANGKAAN
(SAMBUNGAN)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

					Konvensional				Islam	
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Kertas Komersial	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Bon Dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
					RM JUTA					
2018										
19.01.2018	2	3.950	20.01.2020	0.05	100					
19.01.2018	3	4.080	19.01.2021	1.05	120					
14.03.2018	2	4.100	16.03.2020	0.21	750					
23.03.2018	3	4.170	23.03.2021	1.23					525	
29.03.2018	3	4.170	29.03.2021	1.24					1,000	
20.04.2018	3	4.220	20.04.2021	1.30	400					
25.05.2018	5	4.500	25.05.2023	3.40					1,500	
12.07.2018	3	3.170	12.07.2021	1.53				160		
26.07.2018	2	3.100	26.07.2020	0.57				182		
26.07.2018	3	3.465	26.07.2021	1.57				114		
03.08.2018	2	2.520	03.08.2020	0.59				194		
07.09.2018	2	3.950	07.09.2020	0.69	50					
07.09.2018	3	4.050	07.09.2021	1.69	550					
08.10.2018	3	4.100	08.10.2021	1.77	800					
09.10.2018	3	4.080	08.10.2021	1.77					750	
19.10.2018	2	2.790	19.10.2020	0.80				481		
05.12.2018	3	4.120	03.12.2021	1.93					500	
2019										
16.01.2019	1	3.900	17.01.2020	0.05	95					
12.03.2019	3	4.040	11.03.2022	2.19					50	
20.03.2019	1	3.800	20.03.2020	0.22	35					
20.03.2019	2	3.900	22.03.2021	1.22	25					
20.03.2019	3	4.000	21.03.2022	2.22	40					
18.07.2019	1.1	3.950	07.09.2020	0.69	700					
22.07.2019	1	3.460	22.07.2020	0.56	100					
09.08.2019	1	3.400	10.08.2020	0.61	800					
09.08.2019	1	3.400	10.08.2020	0.61					25	
14.08.2019	3	3.500	12.08.2022	2.62					400	
18.10.2019	1	3.300	19.10.2020	0.80					50	
18.10.2019	3	3.450	18.10.2022	2.80					80	
18.10.2019	5	3.600	18.10.2024	4.80					370	
21.10.2019	1	3.300	21.10.2020	0.81	75					
21.10.2019	1.5	3.350	21.04.2021	1.31	25					
21.10.2019	0.25	3.330	20.01.2020	0.05		200				
22.11.2019	0.26	3.310	24.02.2020	0.15					305	
22.11.2019	0.92	3.300	21.10.2020	0.81	60					

MAKLUMAT PERANGKAAN
(SAMBUNGAN)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

					Konvensional				Islam	
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Kertas Komersial	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Bon Dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Securiti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
					RM JUTA					
2019 (sambungan)										
22.11.2019	1.4	3.350	21.04.2021	1.31	40					
25.11.2019	0.25	3.310	25.02.2020	0.15		300				
28.11.2019	1	3.300	30.11.2020	0.92					20	
28.11.2019	3	3.400	28.11.2022	2.91					30	
28.11.2019	5	3.550	28.11.2024	4.92					450	
12.12.2019	3	3.380	12.12.2022	2.95	300					
16.12.2019	3	3.380	16.12.2022	2.96					300	
16.12.2019	0.25	3.340	16.03.2020	0.21		500				
23.12.2019	0.50	3.250	23.06.2020	0.48		200				
23.12.2019	0.50	3.250	23.06.2020	0.48					600	
23.12.2019	1	3.290	23.12.2020	0.98					400	
JUMLAH					**16,695**	**1,200**	**1,005**	**2,674**	**15,715**	**1,010**
					38,299					

MAKLUMAT PERANGKAAN
(SAMBUNGAN)

PEMEGANG SEKURITI HUTANG TERBITAN KUMPULAN CAGAMAS BERHAD

	2015		2016		2017		2018		2019	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	**RM juta**	**%**
Institusi Kewangan	9,333	32.32	10,384	33.71	16,794	45.75	21,451	53.33	**20,573**	**56.71**
Dana Persaraan	7,758	26.86	7,883	25.59	7,255	19.77	7,730	19.22	**7,055**	**19.44**
Pelabur Bukan Pemastautin	4,287	14.84	6,271	20.36	6,017	16.39	4,323	10.75	**2,727**	**7.52**
Syarikat Insuran	4,531	15.69	3,620	11.75	3,670	10.00	3,483	8.66	**3,688**	**10.16**
Dana Harta dan Amanah	2,236	7.74	2,080	6.75	2,166	5.90	2,552	6.34	**1,886**	**5.20**
Perbadanan	420	1.45	230	0.75	364	0.99	199	0.49	**114**	**0.31**
Syarikat Berkaitan Kerajaan	314	1.10	337	1.09	441	1.20	488	1.21	**241**	**0.66**
Jumlah	**28,879**	**100**	**30,805**	**100**	**36,707**	**100**	**40,226**	**100**	**36,284**	**100**

PEMEGANG SEKURITI HUTANG TERBITAN CAGAMAS MBS BERHAD

	2015		2016		2017		2018		2019	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	**RM juta**	**%**
Syarikat Insuran	2,357	56.12	2,322	55.28	1,535	60.92	1,306	51.84	**1,164**	**57.77**
Institusi Kewangan	995	23.69	1,143	27.22	532	21.11	577	22.90	**282**	**13.99**
Dana Persaraan	539	12.83	470	11.19	305	12.10	305	12.08	**255**	**12.66**
Dana Harta dan Amanah	191	4.55	203	4.83	106	4.20	291	11.54	**264**	**13.10**
Perbadanan	80	1.90	25	0.60	20	0.79	15	0.59	**25**	**1.24**
Syarikat Berkaitan Kerajaan	25	0.60	15	0.36	0	0.00	5	0.20	**5**	**0.25**
Perseorangan	5	0.12	15	0.36	15	0.60	15	0.60	**15**	**0.74**
Pelabur Bukan Pemastautin	8	0.19	7	0.16	7	0.28	6	0.25	**5**	**0.25**
Jumlah	**4,200**	**100**	**4,200**	**100**	**2,520**	**100**	**2,520**	**100**	**2,015**	**100**

JUMLAH SEKURITI HUTANG YANG BELUM DITEBUS DI PASARAN

	% Jumlah Sekuriti Hutang Yang Belum Ditebus				
Instrumen	**2015**	**2016**	**2017**	**2018**	**2019**
Sekuriti Kerajaan Malaysia/Terbitan Pelaburan Kerajaan	53.1	53.4	51.6	51.7	**51.4**
Bon Korporat dan Sukuk	33.1	31.8	32.0	31.1	**31.7**
Lain-lain Sekuriti Quasi-Kerajaan, e.g., Institusi Kewangan Pembangunan	9.4	10.6	12.4	13.3	**13.6**
Sekuriti Hutang Kumpulan Cagamas	2.6	2.6	2.6	2.8	**2.4**
Bon dan Sukuk Khazanah	1.8	1.6	1.4	1.1	**0.9**
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	**100.0**

GALAKAN PEMILIKAN RUMAH NEGARA

BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT

Dengan Menawarkan Pelbagai Jenis Bon dan Sukuk

SYARIKAT SUBSIDIARI

SUBSIDIARI OPERASI UTAMA

Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada tahun 1986 untuk menggalakkan pemilikan rumah dan menyumbang kepada pembangunan negara. Ia membantu pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam dan sektor keutamaan lain melalui penerbitan instrumen inovatif. Peruntukan kecairan pada kos berpatutan kepada para pemberi pinjaman utama pinjaman perumahan telah menggalakkan pengembangan pembiayaan rumah pada kos mampu bayar.

SYARIKAT SUBSIDIARI
(SAMBUNGAN)

Model Cagamas amat disanjung oleh Bank Dunia sebagai kemudahan kecairan gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas ialah penerbit terbesar instrumen hutang selepas Kerajaan Malaysia dan penerbit terbesar sukuk dan bon-bon korporat AAA dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Cagamas secara kumulatif telah menerbitkan sebanyak RM327.9 bilion bon-bon dan sukuk (sehingga 31 Disember 2019), termasuk terbitan oleh anak syarikat milik penuhnya, Cagamas Global P.L.C. dan Cagamas Global Sukuk Berhad yang dijamin oleh Cagamas.

Sukuk dan bon-bon korporat Cagamas terus diberi penarafan tertinggi AAA/Stable/P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/MARC-1 dan AAA_{IS}/MARC-1_{IS} oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, menandakan kualiti kreditnya yang kukuh. Cagamas juga dipandang tinggi di peringkat antarabangsa dan telah diberi penarafan penerbit jangka panjang mata wang asing A3 oleh Moody's Investors Service Inc. yang selari dengan penarafan-penarafan berdaulat Malaysia.

Cagamas Global P.L.C. diperbadankan pada 4 April 2014 di Labuan sebagai sebuah syarikat yang bertujuan untuk mengumpul dana secara konvensional dengan menerbitkan nota-nota dalam mata wang asing manakala Cagamas Global Sukuk Berhad diperbadankan pada 5 Mei 2014 sebagai syarikat yang bertujuan untuk mengumpul dana secara Islam dengan menerbitkan sukuk dalam mata wang asing.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

DATO'
BAKARUDIN BIN ISHAK
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Umur **59 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **26 Mac 2019**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **4/4**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Tiada

Kelayakan

- Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa
- Pengerusi, Cagamas Holdings Berhad
- Pengerusi, Cagamas SRP Berhad
- Pengarah, Affin Islamic Bank Berhad

Dahulu
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia (BNM)
  - Ahli, Jawatankuasa Dasar Monetari BNM
  - Pengarah, Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing
  - Pengarah, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
- Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear)
- Ahli Majlis Tadbir, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Panel Pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah (Bersara sebagai Ahli berkuatkuasa 26 Mac 2019)

Kelayakan

- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Universiti Oxford, UK
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia
  - Ahli, Jawatankuasa Dasar Monetari
  - Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan
  - Ahli, Jawatankuasa Pengurusan
  - Ahli, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan
  - Ahli, Jawatankuasa Pengurusan Rizab
  - Ahli, Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Dahulu

- Pengarah, Cagamas Holdings Berhad
- Pengerusi, Cagamas SRP Berhad
- Pengarah Eksekutif Gantian bagi Lembaga Eksekutif Malaysia, International Monetary Fund (IMF), Washington DC
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATUK
SHAIK ABDUL RASHEED BIN ABDUL GHAFFOUR
Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Bersara berkuatkuasa 26 Mac 2019)

Umur **56 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Januari 2017**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **2/2**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

DATO'
HALIPAH BINTI ESA
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **71 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **27 Mac 2013**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **6/6**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
Pengerusi, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah

Kelayakan
- Sijil Pengurusan Ekonomi, IMF Institute, Washington
- Sijil Pengurusan Ekonomi, Kiel Institute for World Economics, Germany
- Sijil Program Pengurusan Lanjutan, Adam Smith Institute, London
- Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya
- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Ekonomi, Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain
Semasa
- Pengarah, Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad
- Pengarah, S P Setia Berhad
- Pengarah, Putrajaya Holdings Sdn Bhd
- Pengerusi, Malaysia Maritime Academy Sdn. Bhd.
- Pengarah, The Securities Industry Dispute Resolution Centre

Dahulu
- Pengerusi, Pengurusan Aset Air Berhad
- Pengerusi, Cagamas SME Berhad
- Pengarah, Petroliam Nasional Berhad
- Pengarah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Pengarah, Inland Revenue Board
- Pengarah, KWAP
- Pengarah, FELDA
- Pengarah, UDA Holdings Berhad
- Pengarah, Bank Pertanian Malaysia
- Pengarah, SEDC Trengganu
- Pengarah, Malaysia-Thailand Joint Development Authority
- Pengarah, NCB Holdings Berhad
- Pengarah, MISC Berhad
- Pengarah, KLCC Property Holdings Berhad
- Pengarah, KLCC REIT Management Sdn Bhd
- Pengarah, Malaysia Deposit Insurance Corporation
- Pengarah, Perbadanan Putrajaya
- Pengarah, Petronas Global Sukuk Ltd
- Pengarah, Northport Sdn Bhd
- Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (EPU)
- Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan
- Perunding kepada Bank Dunia dan Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu

Perakuan
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah

Kelayakan

- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, United States
- Sarjana Sains (Kewangan), Cass Business School, City, University of London
- Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi (Kepujian), Brunel University, United Kingdom

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengerusi, Manulife Insurance Berhad
- Pengerusi, Manulife Investment Management Services Berhad (dahulu dikenali sebagai Manulife Asset Management Services Berhad)
- Pengerusi, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- Pengerusi, Affin Bank Berhad
- Pengarah, Sogo (KL) Department Store Sdn. Bhd.
- Ahli Panel Pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Dahulu

- Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad
- Sogo (KL) Sdn. Bhd.
- Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Timbalan Presiden/Pengarah Eksekutif, Maybank
- Ketua Pegawai Eksekutif, Aseambankers Berhad (sekarang dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad)
- Ketua Perwakilan, Kleinwort Benson Limited
- Pengurus Besar Kanan, Island & Peninsular Berhad
- Pengurus Kewangan Korporat, Bumiputra Merchant Bankers Berhad

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

– Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
– Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATO'
MD AGIL BIN MOHD NATT
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **69 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **12 Ogos 2011**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **6/6**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

PHILIP
TAN PUAY KOON
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **63 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **12 Ogos 2011**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **6/6**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
Pengerusi, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah

Kelayakan
- Ijazah Kepujian dalam Pengajian Perniagaan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan, North-East London Polytechnic, United Kingdom

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain
Semasa
- Pengarah, Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (Paynet)
- Pengarah, S P Setia Berhad
- Pengarah, Citibank Berhad
- Pengarah, Qinzhou Development (Malaysia) Consortium Sdn. Bhd.
- Pengarah, China-Malaysia Qinzhou Industrial Park (Guangxi) Development Co. Ltd.
- Pengerusi, Malaysian Electronic Payment Sdn. Bhd. (MEPS)
- Pengerusi, MEPS Currency Management Sdn. Bhd. (MCM)
- Ahli, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat, Bank Negara Malaysia

Dahulu
- Pengarah, Danajamin Nasional Berhad
- Pengarah, MIDF Amanah Investment Bank Berhad
- Country Treasurer dan Ketua Pasaran Kewangan, Citibank Berhad
- Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Kewangan, Emerging Market Sales and Trading, Asia-Pacific, Citigroup (Singapore)
- Jawatan pengurusan kanan, Syarikat-syarikat Kumpulan MUI

Perakuan
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah

Kelayakan

- Ahli Felo CPA (Australia)
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, University of Queensland, Australia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa:

- Pengarah, Cagamas SRP Berhad
- Pengerusi, Malaysian Rating Corporation Berhad
- Pengerusi, MIDF Amanah Investment Bank Berhad
- Pengerusi, Kensington Trust Malaysia Berhad
- Pengarah, Malaysian Industrial Development Finance Berhad
- Pengarah, OCBC Bank Malaysia Berhad
- Pengarah, OCBC Al-Amin Bank Berhad
- Pengarah, Danum Capital Berhad
- Pengerusi, Kensington Trust Labuan Ltd.
- Pengarah, CTOS Holdings Sdn. Bhd.
- Pengarah, CTOS Data Systems Sdn. Bhd.
- Pengarah, City Credit Investment Bank Ltd, Labuan
- Pengarah, MARC Risk Management Solutions Sdn. Bhd.
- Pengarah, MARC Training Sdn Bhd

Dahulu:

- Pengarah, Cagamas Holdings Berhad
- Ahli, Panel Jawatankuasa Kajian Semula, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
  - Ahli, Jawatankuasa Pelaburan
- Pengarah, ERF Sdn. Bhd.
  - Ahli, Jawatankuasa Pelaburan
- Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
- Ketua Pengarah, Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA)
- Pengarah, Penyeliaan Perbankan, Bank Negara Malaysia
- Pengarah, Barakah Offshore Petroleum Berhad
- Pengarah, Bank Simpanan Nasional
  - Permodalan BSN Berhad
  - Gibraltar BSN Life Berhad
  - Gibraltar BSN Holding Sdn. Bhd.
  - Metro Money Exchange Sdn. Bhd.

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATUK
AZIZAN BIN HAJI ABD RAHMAN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **64 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Januari 2019**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **6/6**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

DATO'
WEE YIAW HIN
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **61 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Julai 2016**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **6/6**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
Ahli, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah

Kelayakan
- Jurutera Awam
- Ijazah Sarjana Sains, Imperial College, United Kingdom

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain
Semasa
- Pengarah, ENRA Group Berhad

Dahulu
- Pengarah, PETRONAS
  - Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Eksekutif, Upstream Business
  - Ahli, Jawatankuasa Eksekutif
  - Pengerusi dan Pengarah beberapa syarikat
- Pengarah Urusan, Syarikat-syarikat Carigali dan Pengeluaran bagi Shell Malaysia
- Naib Presiden, Talisman Energy, Malaysia

Perakuan
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah

Kelayakan

- Sarjana Muda Ekonomi, Kepujian Kelas 1 Statistik, Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah, HSBC Amanah Malaysia Berhad
- Perunding Kanan, Teknologi Maklumat dan Pengurusan Projek untuk STF Resources Sdn Bhd dan sekutunya (Asian Institute of Chartered Bankers, Asian Banking School and Finance Accreditation Agency)

Dahulu

- Pengarah, Jabatan Pekhidmatan Teknologi Maklumat (IT), Bank Negara Malaysia, yang bertanggungjawab menyediakan penyelesaian teknologi dan hala tuju IT serta pengurusan risiko teknologi dan urus tadbir IT
  - Timbalan Pengarah, bertanggungjawab bagi Sistem Pembayaran, Pelaburan dan Pengurusan Perbendaharaan, dan Sistem Pasaran Kewangan termasuk pengurusan risiko teknologi
  - Pengurus, Pembangunan Sistem dan Pengurusan Projek untuk Perakaunan Kewangan, Perbendaharaan dan Sistem Pasaran Kewangan, dan Sistem Pengkomputeran Pengguna Akhir
  - Penganalisis Sistem IT bagi Sistem Perbendaharaan, Perakaunan, Penyelesaian dan Penjelasan

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

HO CHAI HUEY
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur **60 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Februari 2019**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **4/5**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

NAZRUL HISYAM BIN MOHD NOH

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Bersara sebagai Pengarah berkuatkuasa 26 Mac 2019)

Umur **46 Tahun**	Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Januari 2017**
Warganegara **Malaysia**	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **0/2**

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Ahli, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah
(Bersara sebagai Ahli berkuatkuasa 26 Mac 2019)

Kelayakan

- Sarjana Sastera, Ekonomi, Universiti Cambridge
- Sarjana Muda Sastera, Ekonomi, Universiti Cambridge
- Ahli Perbankan Bertauliah, Asian Institute of Chartered Bankers

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dahulu

- Ketua Staff, Bank Negara Malaysia
  - Pengarah, Jabatan Antarabangsa
  - Timbalan Pengarah, Pelaksanaan Dasar Monetari
  - Timbalan Pengarah, Operasi Pelaburan
- Ahli, Pasukan Petugas Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF)
- Pengarah, CIMB Agro Ventures
  - Ahli, Jawatankuasa Pelaburan

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH
(SAMBUNGAN)

Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Tiada

Kelayakan

- Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Pengkhususan Pentadbiran Perniagaan, Universiti Malaya
- Summer School Programme, Universiti Cambridge

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Cagamas Berhad
- Pengerusi, Cagamas Global P.L.C.
- Pengerusi, Cagamas Global Sukuk Berhad
- Pengarah, Cagamas MBS Berhad
- Pengarah, Cagamas SRP Berhad
- Pengarah, BNM Sukuk Berhad
- Pengerusi, Cagamas SME Berhad
- Pengerusi, Cagamas MGP Berhad
- Pengerusi, International Secondary Mortgage Market Association

Dahulu

- Pengerusi, Asian Secondary Mortgage Market Association
- Pengarah, Penyeliaan Perbankan, Bank Negara Malaysia
- Pengarah, Pengurusan Risiko, Bank Negara Malaysia
- Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, Credit Guarantee Corporation Berhad
- Ahli, Jawatankuasa Resolusi Hutang Kecil, yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia
- Pakar, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
- Perunding, Bank Pembangunan Asia (ADB)

Perakuan

Pengarah ini tidak mempunyai:

- Hubungan keluarga dengan mana-mana Pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

DATUK
CHUNG CHEE LEONG
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Umur
60 Tahun

Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah
27 Mac 2013

Warganegara
Malaysia

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah
6/6

KUMPULAN PENGURUSAN

Kumpulan pengurusan ini mempunyai kemahiran dan pengalaman yang seimbang dan pelbagai

DATUK CHUNG CHEE LEONG
Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif

AZIZI ALI
Naib Presiden Kanan
Perniagaan & Pembangunan Produk

S. SHANMUGANATHAN
Naib Presiden Kanan
Operasi & Perkhidmatan

DANG CHEONG MIN
Naib Presiden Kanan
Pengurusan Risiko & Pematuhan

LEONG SEE MENG
Naib Presiden Kanan
Strategi Korporat & Komunikasi

RIDZUAN SHAH ALLADIN
Naib Presiden Kanan
Modal Insan & Pentadbiran

KUMPULAN PENGURUSAN
(SAMBUNGAN)

NORAZILLA MD TAHIR
Naib Presiden Kanan
Kewangan & Proses Perniagaan

DELVIN CHONG
Naib Presiden Kanan
Perbendaharaan & Pasaran Modal

MALATHI MENON
Naib Presiden Kanan
Perundangan & Kaunsel Am

Y.M. RAJA SHAHRIMAN RAJA HARUN AL RASHID
Naib Presiden Kanan
Audit Dalaman

SARAH ABDUL AZIZ
Naib Presiden, Ketua
Sekretariat Korporat

STRUKTUR ORGANISASI

STRUKTUR ORGANISASI
(SAMBUNGAN)

ANAK-ANAK SYARIKAT LAIN

CAGAMAS MBS BERHAD

Cagamas MBS Berhad telah diperbadankan pada 8 Jun 2004 untuk melaksanakan pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Kerajaan dan menerbitkan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman dan sekuriti Islam bersandarkan gadai janji kediaman untuk membiayai pembelian tersebut.

BNM SUKUK BERHAD

BNM Sukuk Berhad (BNM Sukuk) telah diperbadankan pada 18 Januari 2006 untuk melaksanakan penerbitan sekuriti pelaburan Islam seperti Sukuk BNM Ijarah (SBI) dan Sukuk BNM Murabahah (SBM) berdasarkan prinsip-prinsip Shariah. Penerbitan SBI adalah untuk membiayai pembelian aset daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan kemudian memajakkannya kepada BNM untuk suatu tempoh yang tertentu. Penerbitan SBM adalah untuk membolehkan BNM mengurus kecairan melalui dagangan komoditi berdasarkan prinsip Murabahah.

BNM Sukuk kekal dorman semenjak 1 September 2015.

CAGAMAS SME BERHAD

Cagamas SME Berhad (Cagamas SME) telah diperbadankan pada 17 Februari 2006 untuk membeli pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana dan menjalankan urus niaga produk berstruktur secara pensekuritian tunai atau sintetik atau gabungan kedua-duanya melalui penerbitan bon-bon untuk membiayai pembelian tersebut.

Cagamas SME kekal dorman semenjak 10 Oktober 2012.

CAGAMAS MGP BERHAD

Cagamas MGP Berhad (Cagamas MGP) telah diperbadankan pada 14 April 2008 untuk membangunkan perniagaan jaminan gadai janji. Berkuatkuasa dari 20 Disember 2012, Cagamas MGP menjadi anak syarikat milik penuh Cagamas Holdings Berhad (Syarikat) yang bertujuan untuk melengkapkan aktiviti-aktiviti dan inisiatif-inisiatif pembangunan lain Syarikat.

Cagamas MGP kekal dorman semenjak 1 Januari 2014.

CAGAMAS SRP BERHAD

Cagamas SRP Berhad telah diperbadankan pada 7 Januari 2011 untuk melaksanakan jaminan gadai janji kediaman di bawah Skim Rumah Pertamaku – My *First Home Scheme* yang diumumkan oleh Kerajaan pada perbentangan Bajet Malaysia 2011 dan Skim Perumahan Belia – *Youth Housing Scheme* yang diumumkan oleh Kerajaan pada 1 Oktober 2015. Peruntukan jaminan di bawah kedua-dua skim ini adalah berasaskan program jaminan gadai janji yang ditawarkan kepada institusi-institusi kewangan.

PENYATA KEWANGAN

122 Laporan Pengarah

128 Penyata Kedudukan Kewangan

130 Penyata Pendapatan

131 Penyata Pendapatan Komprehensif

132 Penyata Perubahan dalam Ekuiti

135 Penyata Aliran Tunai

140 Nota-nota kepada Penyata Kewangan

267 Penyata Lembaga Pengarah

267 Akuan Berkanun

268 Laporan Mengenai Audit Penyata Kewangan

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka serta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ini adalah pegangan pelaburan.

Anak-anak syarikat Kumpulan adalah Cagamas Berhad ("Cagamas"), Cagamas Global P.L.C ("CGP"), Cagamas Global Sukuk Berhad ("CGS"), Cagamas MBS Berhad ("CMBS"), Cagamas SRP Berhad ("CSRP"), Cagamas MGP Berhad ("CMGP") dan Cagamas SME Berhad ("CSME").

Kegiatan-kegiatan utama Cagamas merangkumi pembelian pinjaman gadai janji, hutang peribadi dan sewa beli serta pemajakan hutang daripada pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Cagamas dan penerbitan bon serta nota untuk membiayai pembelian tersebut. Cagamas juga membeli kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi dan pembiayaan sewa beli yang dibiayai melalui penerbitan Sukuk. Kumpulan Cagamas merangkumi Cagamas dan anak-anak syarikat Cagamas iaitu CGP dan CGS;

- CGP adalah sebuah syarikat penubuhan dana secara konvensional yang ditubuhkan di Labuan. Kegiatan utama CGP adalah untuk mengusahakan penerbitan bon dan nilai dalam mata wang asing.
- CGS adalah sebuah syarikat penubuhan dana Islam. Kegiatan utama CGS adalah untuk mengusahakan penerbitan Sukuk dalam mata wang asing.

Kegiatan utama CMBS adalah terdiri daripada pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ("LPPSA") serta penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman ("RMBS") dan sekuriti Islam bersandarkan gadai janji kediaman Islam ("IRMBS") bagi membiayai pembelian tersebut.

Kegiatan utama CSRP terdiri daripada penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit yang berkaitan dengan Skim Rumah Pertamaku ("SRP") dan Skim Perumahan Belia ("SPB") yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia ("GOM").

Kegiatan utama CMGP terdiri daripada peruntukan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit. CMGP kekal dorman sejak 1 Januari 2014.

Kegiatan utama CSME terdiri daripada pembelian pinjaman Perniagaan Kecil dan Sederhana ("PKS") dan/atau urus niaga produk tersusun melalui tunai atau pensekuritian sintetik atau gabungan kedua-duanya dan penerbitan bon untuk membiayai pembelian tersebut. CSME kekal dorman sejak 10 Oktober 2012.

Selain daripada yang dinyatakan di atas, tidak terdapat perubahan ketara dalam bentuk kegiatan aktiviti pada sepanjang tahun kewangan.

ANAK-ANAK SYARIKAT

Butiran anak-anak syarikat dinyatakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

LAPORAN PENGARAH
(SAMBUNGAN)

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	410,932	30,074

DIVIDEN

Dividen yang dibayar oleh Kumpulan dan Syarikat sejak 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019,		
Pada syer biasa:		
– dividen sebanyak 15 sen sesyer ke atas 150,000,000 syer, dibayar pada 1 April 2019	22,500	22,500
– dividen sebanyak 5 sen sesyer ke atas 150,000,000 syer, dibayar pada 3 September 2019	7,500	7,500
	30,000	30,000
Pada syer keutamaan boleh tebus:		
– dividen dibayar dalam bentuk tunai pada 24 Oktober 2019	111	–

Para Pengarah kini mengesyorkan pembayaran dividen interim pertama sebanyak 15 sen sesyer ke atas 150,000,000 syer biasa berjumlah RM22,500,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, yang tertakluk kepada kelulusan ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

Dividen ke atas syer keutamaan boleh tebus ("RPS") telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah anak syarikat milik Kumpulan, CMBS, pada 3 September 2018 dan telah dibayar dalam tahun kewangan semasa. Lembaga Pengarah CMBS tidak mengesyorkan sebarang pembayaran dividen lain ke atas RPS atau syer biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

RPS yang diterbitkan oleh CMBS bernilai RM1 telah ditebus dan dibatalkan pada 16 Disember 2019.

MODAL SYER

Tidak terdapat sebarang perubahan lain dalam modal syer atau RPS yang diterbitkan oleh Syarikat dan Kumpulan sepanjang tahun kewangan ini.

LAPORAN PENGARAH
(SAMBUNGAN)

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini telah dinyatakan di dalam penyata kewangan.

PROFIL PENARAFAN BON DAN SUKUK

RAM Rating Services Berhad ("RAM") telah memberi penarafan gA2/Stable/gP1, seaAAA/Stable/seaP1 dan AAA/Stable/P1 ke atas bon dan Sukuk berskala Global, ASEAN dan nasional yang diterbitkan oleh anak syarikat milik Kumpulan, Cagamas.

Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) juga telah memberi penarafan AAA/AAAIS dan MARC-1/MARC-1IS ke atas bon dan Sukuk yang diterbitkan oleh Cagamas. Moody's Investors Service (Moody's) telah menetapkan penarafan penerbit mata wang tempatan dan asing jangka panjang bertaraf A3 yang selaras dengan penarafan kedaulatan Malaysia.

Di samping itu, RAM dan Moody's juga telah mengekalkan penarafan gA2(s)/Stable dan A3 masing-masing kepada Program Nota Pelbagai Mata Wang Jangka Sederhana ("EMTN") USD2.5 bilion dan Program Sukuk Pelbagai Mata Wang ("EMTN ISLAM") USD2.5 bilion yang diterbitkan oleh anak-anak syarikat milik Kumpulan.

URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Urus niaga pihak berkaitan Syarikat dinyatakan dalam Nota 41 kepada penyata kewangan.

Semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, Syarikat ini telah memeterai sebuah perjanjian perkhidmatan bersama dengan anak syarikat milik Kumpulan, Cagamas, dalam aturan perniagaan yang lazim. Butiran dan kandungan urus niaga ini telah dinyatakan di dalam Nota 41 kepada penyata kewangan.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir sepanjang tahun kewangan dan semasa tempoh berakhir tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini adalah:

Dato' Bakarudin bin Ishak (dilantik sebagai Pengarah pada 1 Januari 2019 dan Pengerusi berkuatkuasa daripada 20 September 2019)
Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
Datuk George Ratilal
Datuk Abdul Farid bin Alias
Dato' Lee Kok Kwan
Wan Hanisah binti Wan Ibrahim
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani (dilantik pada 1 Januari 2019)
Datuk Siti Zauyah binti Md Desa (dilantik pada 1 Disember 2019)
Datuk Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff (bersara sebagai Pengerusi dan Pengarah berkuatkuasa daripada 20 September 2019)

Nama para Pengarah bagi anak-anak Syarikat milik Kumpulan dinyatakan di dalam penyata kewangan anak syarikat masing-masing dan maklumat tersebut dianggap telah dilaporkan sewajarnya dengan rujukan sedemikian.

Selaras dengan Artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat, Datuk George Ratilal akan bersara mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan tidak menawarkan dirinya untuk pemilihan semula.

LAPORAN PENGARAH
(SAMBUNGAN)

PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

Selaras dengan Artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat, Wan Hanisah Wan Ibrahim akan bersara mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan oleh kerana layak, telah menawarkan dirinya untuk pemilihan semula.

Selaras dengan Artikel 23.2 Perlembagaan Syarikat, Datuk Siti Zauyah binti Md Desa akan mengosongkan jawatannya pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan oleh kerana layak, telah menawarkan dirinya untuk pemilihan semula.

MANFAAT DAN GANJARAN PENGARAH

Sejak akhir tempoh kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang menerima atau berhak untuk menerima sebarang manfaat dan ganjaran (selain daripada jumlah terkumpul ganjaran Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 37 kepada penyata kewangan) berasaskan kontrak yang dibuat oleh Kumpulan atau Syarikat atau badan-badan korporat yang berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan firma di mana Pengarah tersebut adalah ahlinya atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, Kumpulan dan mana-mana anak syarikatnya tidak terlibat dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan para Pengarah Kumpulan atau Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan syer, atau debentur, milik Kumpulan dan Syarikat atau mana-mana badan korporat.

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SYER DAN DEBENTUR

Berdasarkan Daftar Pemegangan Syer para Pengarah yang perlu disimpan mengikut Seksyen 59 Akta Syarikat 2016, para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan ini tidak mempunyai sebarang manfaat ke atas syer atau opsyen ke atas syer di dalam Syarikat atau mana-mana anak syarikat milik Kumpulan pada tahun kewangan ini.

MAKLUMAT MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

(a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan secukupnya telah dibuat bagi hutang ragu; dan

(b) untuk memastikan sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan untuk direalisasikan di dalam urusan biasa perniagaan termasuk nilai-nilai aset semasa sepertimana yang dipaparkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dikurangkan nilai kepada nilai aset semasa yang dijangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati sebarang keadaan:

(a) yang mungkin mengakibatkan jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi hingga ke tahap yang ketara; atau

(b) yang boleh menjadikan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau

(c) yang telah timbul hingga mengakibatkan pematuhan terhadap kaedah penilaian aset dan liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

LAPORAN PENGARAH
(SAMBUNGAN)

MAKLUMAT MENGENAI PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

(a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau

(b) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 42 kepada penyata kewangan.

Menurut pendapat para Pengarah, tiada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti-liabiliti lain yang boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi kewajipannya apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh mengakibatkan kekeliruan atau ketidaksesuaian terhadap mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah:

(a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa; dan

(b) tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang boleh menjejaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dengan ketara bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

ULASAN PERNIAGAAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

Pada tahun kewangan 2019, Kumpulan telah mencapai keuntungan berjumlah RM410.9 juta berbanding dengan RM416.5 juta pada tahun 2018. Cagamas kekal sebagai anak syarikat operasi utama yang telah menyumbang 59% daripada jumlah keuntungan Kumpulan bagi tahun kewangan ini. Nisbah jumlah modal Kumpulan telah menurun kepada 44.0% berbanding dengan 45.0% pada tahun 2018.

Cagamas telah merekodkan pembelian pinjaman dan pembiayaan sebanyak RM5.0 bilion di bawah skim PWR (2018: RM12.1 bilion) dan tiada pembelian pinjaman dan pembiayaan di bawah skim PWOR (2018: Nil). Pinjaman dan pembiayaan bersih Cagamas menunjukkan penurunan sebanyak 9.4% kepada RM37.8 bilion (2018: RM41.7 bilion). Pada akhir tahun 2019, gadai janji kediaman menguasai portfolio Cagamas sebanyak 98.6% (2018: 98.7%), diikuti oleh pinjaman dan pembiayaan sewa beli sebanyak 1.4% (2018: 1.2%). Tidak ada pinjaman peribadi dan pembiayaan yang belum dijelaskan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 (2018: 0.1%). Nisbah portfolio aset Islam Cagamas terhadap aset konvensional meningkat kepada 43:57 (2018: 38:62), manakala portfolio pinjaman dan pembiayaan PWR dan PWOR masing-masing adalah 70% dan 30% (2018: masing-masing adalah 71% dan 29%). Kemerosotan nilai kasar ke atas pinjaman dan pembiayaan di bawah skim PWOR kekal rendah pada 0.72% (2018: 0.85%), manakala kemerosotan nilai bersih ke atas pinjaman dan pembiayaan adalah 0.11% (2018: 0.43%).

CMBS telah mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM198.3 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berbanding dengan RM215.7 juta pada tahun 2018. Pada masa yang sama, CMBS telah menebus RMBS/IRMBS bernilai RM505.0 juta daripada jumlah pengeluaran asal sebanyak RM10.2 bilion. Baki RMBS/IRMBS akan matang secara berperingkat dan ditebus sepenuhnya pada bulan Ogos 2027.

LAPORAN PENGARAH
(SAMBUNGAN)

ULASAN PERNIAGAAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 (SAMBUNGAN)

Sepanjang tahun kewangan ini, CMBS telah mengagihkan dividen berjumlah RM111,409 ke atas RPS kepada pemegang RPSnya. Pengagihan dividen tersebut mewakili pengagihan terakhir bonus budi bicara (dalam bentuk dividen) kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ("LPPSA") selepas penyelesaian penuh RMBS untuk kumpulan 2004-1. RPS ini telah ditebus dan dibatalkan sepenuhnya pada 16 Disember 2019.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, CSRP mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM17.7 juta berbanding RM12.2 juta pada tahun sebelumnya. Jumlah pendedahan terhadap jaminan ke atas skim SRP dan SPB meningkat kepada RM706.5 juta berbanding dengan RM361.1 juta pada 2018. Nilai dan bilangan pinjaman dan pembiayaan baru yang diluluskan dengan perlindungan jaminan untuk SRP dan SPB telah meningkat, terutamanya disebabkan oleh penambahbaikan/pengembangan kriteria bagi SRP serta kesedaran awam yang lebih besar terhadap skim-skim ini melalui institusi kewangan yang mengambil bahagian. Sejak pelancaran SRP dan SPB pada tahun 2011 dan 2015 masing-masing, CSRP telah memberi jaminan bagi pinjaman perumahan berjumlah RM6.9 bilion yang membolehkan 33,236 individu/isirumah memiliki rumah pertama mereka.

ANAK-ANAK SYARIKAT MILIK KUMPULAN

Butiran anak-anak syarikat milik Kumpulan dinyatakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

GANJARAN JURUAUDIT

Butiran ganjaran juruaudit dinyatakan dalam Nota 38 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit kami, PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401-LCA & AF 1146), telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima pelantikan semula sebagai juruaudit.

Laporan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 29 April 2020.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:

DATO' BAKARUDIN BIN ISHAK
PENGERUSI

TAN SRI DATO' SRI TAY AH LEK
PENGARAH

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2019

	Nota	Kumpulan 2019 RM'000	Kumpulan 2018 RM'000	Syarikat 2019 RM'000	Syarikat 2018 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	6	**568,729**	468,160	**652**	540
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	7	**1,017,767**	652,339	**1,751**	1,698
Instrumen kewangan derivatif	8	**58,422**	362,078	**–**	–
Aset kewangan yang dinilai pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif yang lain (FVOCI)	9	**3,570,619**	3,867,328	**–**	–
Aset kewangan yang dinilai pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (FVTPL)	10	**141,383**	–	**–**	–
Jumlah terhutang kepada rakan niaga	11	**16,657,154**	20,404,924	**–**	–
Aset pembiayaan Islam	12	**10,842,232**	10,029,953	**–**	–
Aset gadai janji					
– Konvensional	13	**6,212,124**	6,939,324	**–**	–
– Islam	14	**7,209,409**	7,857,947	**–**	–
Aset sewa beli					
– Islam	15	**136**	781	**–**	–
Aset-aset lain	16	**7,171**	6,589	**–**	–
Harta dan kelengkapan	17	**3,923**	4,694	**–**	–
Aset tak ketara	18	**21,380**	22,849	**–**	–
Aset dengan hak penggunaan	19	**3,980**	–	**–**	–
Cukai tertunda	20	**32,498**	43,659	**–**	–
Cukai boleh diperolehi semula		**–**	40,851	**–**	40
Pelaburan dalam anak syarikat	21	**–**	–	**4,181,628**	4,181,628
Pelaburan dalam entiti berstruktur	22	**–***	–*	**–***	–*
JUMLAH ASET		**46,346,927**	50,701,476	**4,184,031**	4,183,906
LIABILITI					
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	23	**20,661,027**	26,082,391	**–**	–
Sukuk	24	**15,849,883**	14,808,472	**–**	–
Instrumen kewangan derivatif	8	**152,309**	154,614	**–**	–
RMBS	25	**1,008,979**	1,270,318	**–**	–
IRMBS	26	**1,015,463**	1,261,353	**–**	–
Pendapatan yuran jaminan tertunda		**10,058**	7,393	**–**	–
Pendapatan yuran Wakalah tertunda		**35,723**	21,776	**–**	–
Cukai tertunda	20	**613,691**	622,800	**3**	4
Peruntukan cukai		**21,024**	9,943	**–**	–
Liabiliti pajakan	27	**4,791**	–	**–**	–
Liabiliti-liabiliti lain	28	**125,481**	89,668	**52**	–
JUMLAH LIABILITI		**39,498,429**	44,328,728	**55**	4

* mewakili RM2

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
(SAMBUNGAN)
pada 31 Disember 2019

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
Modal syer	29	**150,000**	150,000	**150,000**	150,000
Rizab	30	**6,698,498**	6,222,748	**4,033,976**	4,033,902
DANA PEMEGANG SYER		**6,848,498**	6,372,748	**4,183,976**	4,183,902
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER		**46,346,927**	50,701,476	**4,184,031**	4,183,906
ASET KETARA BERSIH SESYER (RM)	31	**45.51**	42.33	**27.89**	27.89

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
Pendapatan faedah	32	**1,428,867**	1,538,435	**166**	152
Perbelanjaan faedah	33	**(1,011,581)**	(1,097,446)	**–**	–
Pendapatan daripada operasi Islam	51	**235,657**	218,833	**–**	–
(Perbelanjaan)/pendapatan bukan faedah	34	**(43,596)**	(66,657)	**30,000**	30,000
		609,347	593,165	**30,166**	30,152
Perbelanjaan dan pentadbiran am		**(25,587)**	(29,312)	**(53)**	**–**
Kos kakitangan	35	**(31,308)**	(26,526)	**–**	–
KEUNTUNGAN OPERASI		**552,452**	537,327	**30,113**	30,152
(Peruntukan)/penghitungan semula penjejasan	36	**(18,298)**	6,653	**–**	–
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	38	**534,154**	543,980	**30,113**	30,152
Zakat		**(1,037)**	(1,662)	**–**	–
Cukai	39	**(122,185)**	(125,852)	**(39)**	(36)
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN*		**410,932**	416,466	**30,074**	30,116
PENDAPATAN SESYER (SEN)	31	**273.95**	277.64	**20.05**	20.08

* Keuntungan bagi tahun kewangan Kumpulan termasuk keuntungan daripada CMBS sebanyak RM156,751,000 (2018: RM163,870,000) yang mungkin tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada LPPSA selepas penyelesaian penuh setiap kumpulan RMBS/IRMBS.

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
Keuntungan bagi tahun kewangan	**410,932**	416,466	**30,074**	30,116
Keuntungan komprehensif lain:				
Perkara-perkara yang kemudiannya mungkin dikelaskan semula kepada untung atau rugi				
Aset kewangan FVOCI				
– Keuntungan bersih atas perubahan nilai saksama sebelum cukai	**68,357**	6,627	**–**	–
– Cukai tertunda	**(16,406)**	(1,589)	**–**	–
Lindung nilai aliran tunai				
– Kerugian bersih atas lindung nilai aliran tunai sebelum cukai	**56,550**	(9,675)	**–**	–
– Cukai tertunda	**(13,572)**	2,321	**–**	–
Keuntungan/(kerugian) komprehensif lain bagi tahun kewangan, selepas ditolak cukai	**94,929**	(2,316)	**–**	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	**505,861**	414,150	**30,074**	30,116

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Nota	Syer biasa RM1 setiap satu	Tidak boleh diagih					Boleh agih		
		Modal syer RM'000	Rizab pelepasan premium syer RM'000	Rizab pelepasan premium terbalik RM'000	Rizab aset kewangan FVOCI RM'000	Rizab lindung nilai aliran tunai RM'000	Rizab berkanun RM'000	Pendapatan tertahan RM'000	Rizab-rizab lain* RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Kumpulan										
Baki pada 1 Januari 2019		150,000	3,831,628	(3,831,628)	4,970	(35,711)	144,472	3,623,194	2,485,823	6,372,748
Keuntungan bagi tahun kewangan		–	–	–	–	–	–	254,181	156,751	410,932
Pendapatan komprehensif lain		–	–	–	51,951	42,978	–	–	–	94,929
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		–	–	–	51,951	42,978	–	254,181	156,751	505,861
Pindahan kepada pendapatan tertahan		–	–	–	–	–	(34,693)	34,693	–	–
Dividen budi bicara ke atas RPS yang dibayar yang sepanjang tahun kewangan	40	–	–	–	–	–	–	–	(111)	(111)
Penebusan RPS**	29	(–)	–	–	–	–	–	–	–	(–)
Dividen dibayar	40	–	–	–	–	–	–	(30,000)	–	(30,000)
Baki pada 31 Disember 2019	29&30	150,000	3,831,628	(3,831,628)	56,921	7,267	109,779	3,882,068	2,642,463	6,848,498

* Rizab lain yang berkaitan dengan pendapatan tertahan CMBS tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada LPPSA selepas penyelesaian penuh setiap kumpulan RMBS/IRMBS melalui pembayaran dividen ke atas RPS yang dipegang oleh CSRP secara amanah.

** Mewakili RPS yang dikeluarkan oleh CMBS yang bernilai RM1 yang telah ditebus dan dibatalkan sepenuhnya pada 16 Disember 2019.

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI *(SAMBUNGAN)*

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

Kumpulan	Nota	Syer biasa RM1 setiap satu	Tidak boleh diagih					Boleh agih		
		Modal syer RM'000	Rizab pelepasan premium syer RM'000	Rizab pelepasan premium terbalik RM'000	Rizab aset kewangan FVOCI RM'000	Rizab lindung nilai aliran tunai RM'000	Rizab berkanun RM'000	Pendapatan tertahan RM'000	Rizab-rizab lain* RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Baki pada 1 Januari 2018		150,000	3,831,628	(3,831,628)	(67)	(28,358)	161,032	3,384,038	2,402,899	6,069,544
Keuntungan bagi tahun kewangan		–	–	–	–	–	–	252,596	163,870	416,466
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain		–	–	–	5,037	(7,353)	–	–	–	(2,316)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		–	–	–	5,037	(7,353)	–	252,596	163,870	414,150
Pindahan kepada pendapatan tertahan		–	–	–	–	–	(16,560)	16,560	–	–
Dividen budi bicara ke atas RPS yang dibayar yang sepanjang tahun kewangan	40	–	–	–	–	–	–	–	(80,946)	(80,946)
Dividen dibayar	40	–	–	–	–	–	–	(30,000)	–	(30,000)
Baki pada 31 Disember 2018	29&30	150,000	3,831,628	(3,831,628)	4,970	(35,711)	144,472	3,623,194	2,485,823	6,372,748

* Rizab lain yang berkaitan dengan pendapatan tertahan CMBS tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada LPPSA selepas penyelesaian penuh setiap kumpulan RMBS/IRMBS melalui pembayaran dividen ke atas RPS yang dipegang oleh CSRP secara amanah.

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

(SAMBUNGAN)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

		Syer biasa RM1 setiap satu	Tidak boleh diagih	Boleh diagih	
Syarikat	**Nota**	**Modal syer RM'000**	**Rizab pelepasan premium syer RM'000**	**Pendapatan tertahan RM'000**	**Jumlah ekuiti RM'000**
Baki pada 1 Januari 2019		**150,000**	**3,831,628**	**202,274**	**4,183,902**
Keuntungan bagi tahun kewangan		**–**	**–**	**30,074**	**30,074**
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		**–**	**–**	**30,074**	**30,074**
Dividen dibayar		**–**	**–**	**(30,000)**	**(30,000)**
Baki pada 31 Disember 2019	29&30	**150,000**	**3,831,628**	**202,348**	**4,183,976**
Baki pada 1 Januari 2018		150,000	3,831,628	202,158	4,183,786
Keuntungan bagi tahun kewangan		–	–	30,116	30,116
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		–	–	30,116	30,116
Dividen dibayar	40	–	–	(30,000)	(30,000)
Baki pada 31 Disember 2018	29&30	150,000	3,831,628	202,274	4,183,902

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan bagi tahun kewangan	**410,932**	416,466	**30,074**	30,116
Pelarasan bagi perkara pelaburan dan perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai dan bersamaan tunai:				
Pelunasan premium tolak penambahan diskaun ke atas:				
– Aset kewangan FVOCI	**(12,474)**	(20,321)	**–**	–
– Bon dan nota pembawa tidak bercagar	**(3,598)**	2,414	**–**	–
– Sukuk	**(13,149)**	(17,641)	**–**	–
Penambahan diskaun ke atas:				
– Aset gadai janji – Konvensional	**(175,035)**	(188,454)	**–**	–
– Aset gadai janji – Islam	**(133,566)**	(134,343)	**–**	–
– Aset sewa beli – Islam	**–**	(1)	**–**	–
Pendapatan faedah	**(1,230,448)**	(1,326,844)	**(166)**	(152)
Pendapatan faedah – derivatif	**(250,423)**	(267,804)	**–**	–
Pendapatan daripada operasi Islam	**(760,870)**	(723,316)	**–**	–
Perbelanjaan faedah – bon	**948,756**	1,030,201	**–**	–
Perbelanjaan faedah – derivatif	**261,346**	299,995	**–**	–
Perbelanjaan faedah – RMBS	**62,825**	67,245	**–**	–
Keuntungan yang diagihkan kepada Para pemegang Sukuk	**641,755**	604,387	**–**	–
Keuntungan yang diagihkan kepada Keuntungan derivatif	**47,423**	49,153	**–**	–
Keuntungan yang diagihkan kepada Para pemegang IRMBS	**51,004**	56,859	**–**	–
Pendapatan yuran jaminan	**(11,291)**	(5,719)	**–**	–
Kafalah	**43**	–	**–**	–
Susut nilai harta dan kelengkapan	**1,828**	1,421	**–**	–
Pelunasan aset tak ketara	**3,563**	2,897	**–**	–
Pelunasan aset dengan hak penggunaan	**936**	–	**–**	–
Pelarasan liabiliti pajakan	**2,523**	–	**–**	–
Keuntungan atas pelupusan:				
– Harta dan kelengkapan	**(23)**	(70)	**–**	–
– Aset kewangan FVOCI	**(7,636)**	(3,553)	**–**	–
Peruntukan/(penghitungan) penjejasan bagi:				
– Tunai dan dana jangka pendek	**105**	–	**–**	–
– Aset kewangan FVOCI	**232**	–	**–**	–
– Pendedahan jaminan/wakalah	**892**	1,259	**–**	–
– Jumlah terhutang daripada rakan niaga/aset pembiayaan Islam	**18**	431	**–**	–
– Aset gadai janji Konvensional dan sewa beli Konvensional/aset gadai janji Islam dan sewa beli Islam	**17,051**	(8,343)	**–**	–
Cukai	**122,185**	125,562	**39**	36
Zakat	**1,037**	1,662	**–**	–
(Kerugian)/keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	**(24,059)**	(36,457)	**29,947**	30,000

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
(SAMBUNGAN)
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
Penambahan dalam tunai dan dana jangka pendek dan deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain dengan tempoh matang asal melebihi tiga bulan	**(316,818)**	(371,133)	**–**	–
Pengurangan/(penambahan) dalam jumlah terhutang daripada rakan niaga	**3,785,374**	(509,807)	**–**	–
Penambahan dalam aset pembiayaan Islam	**(813,711)**	(4,460,445)	**–**	–
Pengurangan dalam aset gadai janji:				
– Konvensional	**902,756**	926,295	**–**	–
– Islam	**768,228**	737,435	**–**	–
Pengurangan/(penambahan) dalam aset sewa beli Islam	**647**	(93)	**–**	–
Penambahan dalam aset-aset lain	**(8,374)**	(282)	**–**	–
Pengurangan dalam derivatif	**357,238**	707,753	**–**	–
Pengurangan dalan yuran pembiayaan tertunda	**2,353**	1,412	**–**	–
Pengurangan dalam jumlah terhutang kepada anak syarikat	**970**	71	**–**	–
Penambahan dalam liabiliti-liabiliti lain	**38,064**	26,138	**52**	–
Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan operasi	**4,692,668**	(2,979,114)	**29,999**	30,000
Faedah diterima	**1,192,515**	1,231,103	**166**	152
Faedah diterima dari derivatif	**208,544**	220,222	**–**	–
Yuran pendapatan diterima	**27,903**	17,960	**–**	–
Keuntungan diterima daripada aset-aset Islam	**748,378**	703,184	**–**	–
Keuntungan diterima untuk derivatif	**49,957**	52,593	**–**	–
Faedah dibayar	**(884)**	(236)	**–**	–
Faedah dibayar untuk derivatif	**(267,785)**	(378,529)	**–**	–
Keuntungan dibayar untuk derivatif	**(48,042)**	(650,638)	**–**	–
Jaminan/Kafalah dibayar	**(57)**	–	**–**	–
Pembayaran bagi:				
– Zakat	**(812)**	(973)	**–**	–
– Cukai	**(98,178)**	(121,773)	**–**	(50)
Tunai bersih dijana daripada/ (digunakan dalam) kegiatan operasi	**6,504,207**	(1,906,201)	**30,165**	30,102

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
(SAMBUNGAN)
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Nota	Kumpulan 2019 RM'000	Kumpulan 2018 RM'000	Syarikat 2019 RM'000	Syarikat 2018 RM'000
KEGIATAN PELABURAN					
Pembelian bagi:					
– Aset kewangan FVOCI		**(3,573,581)**	(3,040,427)	**–**	–
– Aset kewangan FVTPL		**(142,766)**	–	**–**	–
– Harta dan kelengkapan		**(1,058)**	(1,679)	**–**	–
– Aset tak ketara		**(2,094)**	(9,392)	**–**	–
Jualan/penebusan bersih bagi:					
– Aset kewangan FVOCI		**3,879,566**	2,757,646	**–**	–
– Aset kewangan FVTPL		**–**	142,211	**–**	–
Pendapatan diterima daripada:					
– Aset kewangan FVOCI		**90,209**	96,181	**–**	–
– Aset kewangan FVTPL		**1,383**	3,649	**–**	–
Hasil jualan harta dan kelengkapan		**23**	70	**–**	–
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan pelaburan		**251,682**	(51,741)	**–**	–
KEGIATAN PEMBIAYAAN					
Pendapatan daripada penerbitan:					
– Bon dan nota pembawa tidak bercagar		**6,247,983**	9,737,359	**–**	–
– Sukuk		**3,995,000**	6,020,000	**–**	–
Penebusan bagi:					
– Bon dan nota pembawa tidak bercagar		**(11,613,748)**	(9,458,758)	**–**	–
– Sukuk		**(2,932,000)**	(2,812,052)	**–**	–
– RMBS		**(260,000)**	–	**–**	–
– IRMBS		**(245,000)**	–	**–**	–
Faedah dibayar bagi:					
– Bon dan nota pembawa tidak bercagar		**(1,002,576)**	(995,432)	**–**	–
– RMBS		**(64,164)**	(67,245)	**–**	–
Keuntungan dibayar bagi:					
– Sukuk		**(650,195)**	(584,107)	**–**	–
– IRMBS		**(51,894)**	(56,859)	**–**	–
Dividen dibayar kepada:					
– Dividen dibayar kepada pemegang syer		**(30,000)**	(30,000)	**(30,000)**	(30,000)
– Dividen dibayar kepada pemegang RPS		**(111)**	(80,946)	**–**	–
Penebusan RPS*		**(–)**	–	**–**	–
Tunai bersih (digunakan dalam)/ dijana daripada kegiatan pembiayaan		**(6,606,705)**	1,6715,960	**(30,000)**	(30,000)

* mewakili RM1

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

(SAMBUNGAN)

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2019 RM'000	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
Penambahan/(pengurangan) bersih tunai dan bersamaan tunai		**149,184**	(285,982)	**165**	102
Kesan terjemahan pertukaran matawang asing		**(5)**	78	**–**	–
Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari		**633,441**	919,345	**2,238**	2,136
Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember		**782,620**	633,441	**2,403**	2,238
Analisa tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember:					
Tunai dan dana jangka pendek	6	**568,729**	468,160	**652**	540
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	7	**1,017,767**	652,339	**1,751**	1,698
Tolak:					
Tunai dan dana jangka pendek dan deposit dan penempatan dengan institusi kewangan lain dengan tempoh matang asal kurang daripada tiga bulan		**(803,876)**	(487,058)	**–**	–
		782,260	633,441	**2,403**	2,238

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
(SAMBUNGAN)
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

			Perubahan tunai	Perubahan bukan tunai			
	Baki pada awal tahun kewangan RM'000	**Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan RM'000**	**Kesan terjemahan pertukaran matawang asing RM'000**	**Yuran pembiayaan tertunda RM'000**	**Faedah/ keuntungan terakru RM'000**	**Pelunasan/ (pertambahan) RM'000**	**Baki pada akhir tahun kewangan RM'000**
Kumpulan							
2019							
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	**26,082,391**	**(6,368,870)**	**(5)**	**2,353**	**948,756**	**(3,598)**	**20,661,027**
Sukuk	**14,808,472**	**412,805**	**–**	**–**	**641,755**	**(13,149)**	**15,849,883**
RMBS	**1,270,318**	**(324,164)**	**–**	**–**	**62,825**	**–**	**1,008,979**
IRMBS	**1,261,353**	**(296,894)**	**–**	**–**	**51,004**	**–**	**1,015,463**
Jumlah	**43,422,534**	**(6,577,123)**	**(5)**	**2,353**	**1,704,340**	**(16,747)**	**38,535,352**
2018							
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	25,764,940	(716,625)	78	1,383	1,030,201	2,414	26,082,391
Sukuk	11,597,878	2,623,819	–	29	604,387	(17,641)	14,808,472
RMBS	1,270,318	(67,245)	–	–	67,245	–	1,270,318
IRMBS	1,261,353	(56,859)	–	–	56,859	–	1,261,353
Jumlah	39,894,489	1,783,090	78	1,412	1,758,692	(15,227)	43,422,534

Nota-nota yang mengiringi merupakan sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat adalah pegangan pelaburan.

Anak-anak syarikat Kumpulan adalah Cagamas Berhad ("Cagamas"), Cagamas Global P.L.C ("CGP"), Cagamas Global Sukuk Berhad ("CGS"), Cagamas MBS Berhad ("CMBS"), Cagamas SRP Berhad ("CSRP"), Cagamas MGP Berhad ("CMGP") dan Cagamas SME Berhad ("CSME").

Kegiatan-kegiatan utama Cagamas merangkumi pembelian pinjaman gadai janji, hutang peribadi dan sewa beli serta pemajakan hutang daripada pemberi pinjaman primier yang diluluskan oleh Cagamas dan penerbitan bon serta nota untuk membiayai pembelian tersebut. Cagamas juga membeli kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi dan pembiayaan sewa beli yang dibiayai melalui penerbitan Sukuk. Anak-anak syarikat Cagamas adalah CGP dan CGS di mana;

- CGP adalah sebuah syarikat penubuhan dana secara konvensional yang ditubuhkan di Labuan. Kegiatan utama CGP adalah untuk mengusahakan penerbitan bon dan nilai dalam mata wang asing.
- CGS adalah sebuah syarikat penubuhan dana Islam. Kegiatan utama CGS adalah untuk mengusahakan penerbitan Sukuk dalam mata wang asing.

Kegiatan utama CMBS adalah terdiri daripada pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam ("LPPSA") serta penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman ("RMBS") dan sekuriti Islam bersandarkan gadai janji kediaman ("IRMBS") bagi membiayai pembelian tersebut.

Kegiatan utama CSRP terdiri daripada penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit yang berkaitan dengan Skim Rumah Pertamaku ("SRP") dan Skim Perumahan Belia ("SPB") yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia ("GOM").

Kegiatan utama CMGP terdiri daripada peruntukan jaminan gadai dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit. CMGP kekal dorman sejak 1 Januari 2014.

Kegiatan utama CSME terdiri daripada pembelian pinjaman Perniagaan Kecil dan Sederhana ("PKS") dan/atau urus niaga produk tersusun melalui tunai atau pensekuritian sintetik atau gabungan kedua-duanya dan penerbitan bon untuk membiayai pembelian tersebut. CSME kekal dorman sejak 10 Oktober 2012.

Syarikat ini merupakan syarikat awam berliabiliti terhad, yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama urusan perniagaan ialah Tingkat 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200, Kuala Lumpur.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang berikut telah digunakan secara konsisten ke atas perkara-perkara yang dianggap memberi kesan ketara kepada penyata kewangan. Dasar-dasar ini telah digunakan secara konsisten pada tahun-tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan sejajar dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar perakaunan penting ini.

Penyata kewangan Kumpulan menggabungkan aktiviti-aktiviti berkaitan operasi Islam.

Operasi Islam Kumpulan merujuk kepada:

(a) pembelian pembiayaan perumahan Islam, aset jual beli Islam, pembiayaan peribadi Islam, aset gadai janji Islam dan aset jual beli Islam daripada pemberi pinjaman yang diluluskan;

(b) kontrak pendapatan Wakalah Islam daripada Skim Rumah Pertamaku dan Skim Perumahan Belia;

(c) terbitan Sukuk di bawah prinsip Shariah; dan

(d) pengambilalihan, pelaburan dalaman dan perdagangan instrumen kewangan Islam.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu yang memberi kesan kepada jumlah yang dilaporkan bagi aset dan liabiliti serta pendedahan tentang aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah yang dilaporkan untuk hasil serta perbelanjaan di sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan. Para Pengarah juga perlu menggunakan pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat ini. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Bahagian yang melibatkan tahap pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

(a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa:

Kumpulan dan Syarikat telah menerimapakai piawaian dan pindaan yang berikut untuk kali pertama untuk tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2019:

- MFRS 16 'Pajakan'
- Tafsiran IC 23 'Ketidakpastian Berkaitan Pengendalian Cukai Pendapatan"
- Penambahbaikan tahunan kitaran MFRS 2015 – 2017

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa (sambungan):

Kumpulan telah menerimapakai MFRS 16 untuk kali pertama dalam penyata kewangan 2019, yang menyebabkan perubahan dalam dasar perakaunan. Kesan terperinci perubahan dalam dasar perakaunan dinyatakan dalam Nota 3.

Kumpulan telah menerimapakai MFRS 16 dengan tarikh pemakaian awal pada 1 Januari 2019 dengan menggunakan kaedah peralihan retrospektif yang dipermudahkan.

Di bawah kaedah peralihan retrospektif yang dipermudahkan, maklumat perbandingan 2018 tidak dinyatakan semula dan kesan kumulatif pemakaian awal MFRS 16 di mana Kumpulan dikenali sebagai penerima pajak akan diiktiraf melalui sebuah pelarasan kepada baki pembukaan pendapatan tertahan pada 1 Januari 2019. Perbandingan maklumat akan terus dilaporkan di bawah dasar perakaunan terdahulu yang dikawal di bawah MFRS 117 'Pajakan' dan Tafsiran IC 4 'Menentukan Sama ada Pengaturan Mengandungi Pajakan'.

Di samping itu, Kumpulan telah memilih untuk tidak menilai semula sama ada kontrak itu mempunyai atau mengandungi sebarang pajakan pada tarikh pemakaian awal. Sebaliknya, bagi kontrak yang dimeterai sebelum tarikh peralihan, Kumpulan bergantung pada penilaiannya yang menggunakan MFRS 117 dan Tafsiran IC 4.

Selain daripada itu, penggunaan pindaan lain yang disenaraikan di atas tidak mempunyai kesan ke atas tempoh semasa atau sebarang tempoh terdahulu dan tidak mungkin menjejaskan masa depan.

(b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkandan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang diguna pakai oleh Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum berkuatkuasa:

Tahun kewangan bermula 1 Januari 2020

- Pindaan kepada MFRS 3 'Definisi Perniagaan' (berkuatkuasa 1 Januari 2020) mentakrif semula definisi perniagaan. Untuk dianggap sebagai perniagaan, pengambilalihan perlu memasukkan input dan proses substantif yang bersama-sama menyumbang dengan keupayaan untuk menghasilkan output.

  Pindaan-pindaan tersebut memberi panduan untuk menentukan sama ada input dan proses substantif hadir, termasuk situasi di mana pengambilalihan tidak mempunyai output. Untuk menjadi perniagaan tanpa output, kini perlu ada tenaga kerja yang teratur. Ia juga tidak lagi perlu untuk menilai sama ada peserta pasaran mampu menggantikan elemen-elemen yang hilang atau mengintegrasikan aktiviti-aktiviti dan aset-aset yang diperolehi.

  Di samping itu, takrifan semula istilah 'output' lebih picik, tertumpu kepada barangan atau perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, yang menjana pulangan pelaburan dan pendapatan lain tetapi tidak termasuk pulangan dalam bentuk penjimatan kos.

  Pindaan-pindaan ini memperkenalkan satu penilaian ringkas pilihan yang dikenali sebagai 'ujian konsentrasi' yang, jika dipenuhi, menghapuskan keperluan penilaian lanjut. Di bawah ujian konsentrasi ini, jika sebahagian besar daripada nilai saksama aset kasar yang diperolehi tertumpu dalam satu aset yang boleh dikenalpasti (atau sekumpulan aset yang sama), aset yang diperolehi tidak akan mewakili perniagaan.

  Pindaan tersebut akan diterimapakai secara prospektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Entiti ekonomi di dalam Kumpulan

Anak-anak syarikat

Penyata kewangan Kumpulan menyatukan penyata-penyata kewangan Syarikat dan ke semua anak-anak syarikatnya. Anak-anak syarikat adalah semua entiti (termasuk entiti tersusun) di mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas, pulangan bolehubah daripada penglibatannya dengan entiti berkenaan dan mempunyai kemampuan untuk memberi kesan kepada pulangan melalui kuasanya ke atas entiti.

Di bawah kaedah perakaunan pembelian, anak-anak syarikat disatukan secara sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Mereka akan dinyahkonsolidasikan dari tarikh kawalan itu terhenti.

Pada tahun 2008, penyusunan semula Kumpulan yang melibatkan swap syer Syarikat dengan Cagamas telah dinyatakan sebagai pemerolehan terbalik di bawah FRS 3 “Penggabungan Perniagaan”.

Di bawah perakaunan pemerolehan terbalik, Syarikat mengiktiraf satu rizab pelepasan premium syer untuk merekod lebihan nilai saksama pelaburan ke atas modal syer. Dalam penyata kewangan disatukan, satu rizab pelepasan pemerolehan terbalik diwujudkan untuk mengimbangi rizab pelepasan premium syer.

Anak-anak syarikat disatukan menggunakan kaedah pembelian perakaunan kecuali bagi gabungan perniagaan tertentu yang diambil kira dengan menggunakan kaedah penggabungan seperti berikut:

- anak-anak syarikat yang disatukan sebelum 1 April 2002 selaras dengan Piawaian Perakaunan Malaysia 2 “Perakaunan bagi Pengambilalihan dan Penggabungan”, prinsip perakaunan yang secara amnya diterima pakai pada waktu itu;
- penyatuan perniagaan yang disatukan pada/selepas 1 April 2002 tetapi dengan tarikh perjanjian sebelum 1 Januari 2006 yang menepati syarat penggabungan seperti yang dinyatakan dalam MFRS 122_{2004} “Penggabungan Perniagaan”;
- penyusunan semula dalaman kumpulan seperti yang ditetapkan dalam MFRS 122, disatukan pada/selepas 1 April 2002 tetapi tarikh perjanjian sebelum 1 Januari 2006 di mana:
  - dan pemegang syer muktamad kekal sama, dan hak setiap pemegang syer, berbanding dengan yang lain, tidak berubah; dan
  - syer minoriti ke atas nilai aset bersih Kumpulan ini tidak berubah oleh perpindahan itu.
- penyatuan perniagaan yang melibatkan entiti atau perniagaan di bawah kawalan bersama dengan tarikh perjanjian pada/selepas 1 Januari 2006.

Kumpulan ini telah mengambil kesempatan daripada pengecualian yang diberikan dalam MFRS 1, MFRS 3 dan MFRS 122_{2004}, untuk menguna pakai Piawaian ini secara prospektif. Justeru, penyatuan perniagaan yang dibuat sebelum tarikh di mana sebelum tarikh kuat kuasa masing-masing tidak dinyatakan semula bagi mematuhi Piawaian tersebut.

Kumpulan mengguna pakai kaedah pemerolehan dalam mengambil kira penyatuan perniagaan. Balasan yang telah dipindahkan untuk pemerolehan anak syarikat merupakan nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang tertanggung kepada bekas pemilik syarikat yang diambil alih serta faedah ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Balasan yang dipindahkan termasuklah nilai saksama sebarang aset atau liabiliti yang terhasil daripada persetujuan balasan luar jangka. Aset diperolehi yang boleh dikenal pasti serta liabiliti dan liabiliti luar jangka yang tertanggung dalam penyatuan perniagaan diukur di peringkat awalnya pada nilai saksama masing-masing pada tarikh pemerolehan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Entiti ekonomi di dalam Kumpulan (sambungan)

Anak-anak syarikat (sambungan)

Kos berkaitan pemerolehan dibelanjakan apabila tertanggung.

Sebarang balasan luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan ini diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Perubahan yang berlaku selepas itu kepada nilai saksama balasan luar jangka dianggap satu aset atau liabiliti menurut MFRS 9 sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif yang lain. Balasan luar jangka yang diklasifikasikan sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaian berikutnya diambil kira ke dalam ekuiti.

Urus niaga antara entiti dalam Kumpulan, baki dan keuntungan tidak terealisasi daripada urus niaga antara kumpulan syarikat disingkirkan. Kerugian tidak terealisasi juga disingkirkan tetapi dianggap sebagai petunjuk penjejasan bagi aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan anak syarikat telah diubah di mana perlu bagi memastikan agar ia konsisten dengan dasar yang diguna pakai oleh Kumpulan.

Untung atau rugi daripada pelupusan anak-anak syarikat ialah perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan hak Kumpulan terhadap aset bersihnya pada tarikh pelupusan termasuk jumlah terkumpul bagi sebarang perbezaan dan pertukaran yang berkaitan dengan anak-anak syarikat tersebut, dan dinyatakan di dalam penyata pendapatan.

2.3 Entiti tersusun

Entiti tersusun adalah sebuah entiti di mana hak mengundi bukan merupakan faktor utama dalam menentukan pihak mengawal entiti berkenaan, contohnya apabila sebarang hak mengundi mempunyai kaitan dengan tugasan pentadbiran semata-mata dan kegiatan yang berkaitan dikendalikan menerusi pengaturan berkontrak. Entiti tersusun lazimnya mempunyai kegiatan yang terhad, objektif khusus dan ditakrif dengan baik, memiliki ekuiti yang amat sedikit dan dibiayai oleh beberapa instrumen yang dihubungkan secara kontrak, seperti pensekuritian kenderaan, pembiayaan bersandarkan aset dan dana pelaburan.

Kumpulan telah menetapkan BNM Sukuk Berhad (“BNM Sukuk”) sebagai entiti tersusun untuk tujuan membantu BNM menguruskan kecairan sektor perbankan Islam.

Kumpulan menyatukan sebarang entiti yang dikawalnya dan kawalan dibuktikan menerusi ketiga-tiga perkara berikut:

(a) mengarahkan kegiatan-kegiatan berkaitan, iaitu kegiatan yang paling mempengaruhi pulangan entiti tersebut;

(b) Kumpulan mempunyai pendedahan atau hak-hak ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti berkenaan; dan

(c) Kumpulan mempunyai kemampuan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti tersebut bagi mempengaruhi jumlah pulangan

Kumpulan tidak menyatukan BNM Sukuk kerana ia tidak mempunyai kawalan ke atas entiti tersebut. Kumpulan hanya berperanan sebagai pemudah cara bagi penerbitan Sukuk BNM Ijarah untuk membiayai pembelian kepentingan benefisial bagi hartanah dan bangunan daripada BNM dan kemudian, memajak hartanah dan bangunan yang sama kembali kepada BNM atau bagi penerbitan Sukuk BNM Murabahah melalui penerbitan Sijil Amanah sebagai bukti kepentingan benefisial pelabur ke atas aset komoditi dan keuntungannya, yang timbul daripada penjualan aset komoditi kepada BNM.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.4 Jumlah terhutang daripada rakan niaga dan aset pembiayaan Islam

Nota 1 kepada penyata kewangan menyatakan kegiatan utama Kumpulan dan Syarikat yang meliputi, antara lain, pembelian pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi dan aset sewa beli dan pemajakan. Kegiatan ini turut digariskan dalam klausa objek Tataurusan Pertubuhan anak syarikat.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, jumlah terhutang daripada rakan niaga/aset pembiayaan Islam bagi pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi dan aset sewa beli serta pemajakan dinyatakan pada baki pokok belum berbayar yang terhutang kepada Kumpulan. Pendapatan faedah/untung atas jumlah terhutang daripada rakan niaga/aset pembiayaan Islam diiktiraf atas asas akruan dan dikira menurut kadar faedah/untung masing-masing berdasarkan baki pada setiap bulan.

2.5 Aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam

Aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam diperoleh oleh Kumpulan daripada pemberi pinjaman pada nilai saksama. Pemberi pinjaman bertindak sebagai penyelenggara dan membayar amaun pokok dan pendapatan faedah/untung daripada aset tersebut kepada Kumpulan dalam jangka masa yang telah ditetapkan seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, aset gadai dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam dinyatakan pada baki pokok belum berbayar yang terhutang kepada Kumpulan dan dilaraskan untuk diskaun tidak bertambah. Pendapatan faedah/untung bagi aset diiktiraf atas asas akruan dan dikira menurut kadar faedah/untung masing-masing berdasarkan baki pada setiap bulan. Diskaun yang timbul daripada perbezaan antara harga belian dan nilai buku bagi aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam yang diperoleh, ditambah nilai kepada penyata pendapatan di sepanjang hayat aset tersebut menggunakan kaedah kadar pulangan dalaman.

2.6 Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan entiti tersusun

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan entiti tersusun dinyatakan pada kos. Apabila wujud petunjuk penjejasan, amaun yang dibawa oleh pelaburan akan dinilai dan dikurangkan nilainya serta-merta kepada amaun yang boleh diperolehi semula. Nota 2.9 kepada penyata kewangan menjelaskan dasar perakaunan Kumpulan mengenai penjejasan aset dan Nota 4 memberi butir-butir anggaran dan andaian perakaunan yang kritikal.

2.7 Harta dan kelengkapan serta susut nilai

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan peruntukan penjejasan terkumpul, sekiranya ada. Kos termasuk perbelanjaan yang berpunca secara langsung daripada pemerolehan barangan tersebut.

Susut nilai dikira atas dasar garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat penggunaannya, dengan pengecualian bagi kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusut nilai. Kadar susut nilai bagi setiap kategori harta dan kelengkapan diringkaskan seperti berikut:

Peralatan pejabat – lain-lain	100%
Peralatan pejabat – peranti mudah alih	20 – 25%
Perabot dan kelengkapan	10%
Kenderaan bermotor	20%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Harta dan kelengkapan serta susut nilai (sambungan)

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi pada masa depan yang berkaitan dengan barangan tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos barangan tersebut dapat diukur dengan pasti. Jumlah bawaan bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diambil kira ke dalam penyata pendapatan semasa tahun kewangan ia ditanggung.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang tanda penjejasan. Jika wujud tanda sedemikian, sebuah analisa akan dilakukan untuk menilai sama ada jumlah bawaan aset tersebut boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat sekiranya jumlah bawaan melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Dasar perakaunan Kumpulan berkenaan penjejasan aset bukan kewangan dinyatakan dalam Nota 2.9.2 kepada penyata kewangan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan nilai bawaan dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

2.8 Aset kewangan

(a) Pengklasifikasian

Dari 1 Januari 2018, Kumpulan mengklasifikasikan aset kewangannya berdasarkan kategori-kategori berikut;

- Yang akan diukur-semula pada nilai saksama (sama ada melalui pendapatan komprehensif lain atau melalui untung atau rugi); dan
- Yang akan diukur-semula pada kos yang dilunaskan.

(b) Pengiktirafan dan penyahiktirafan

Pembelian dan penjualan aset tetap yang biasa diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh di mana Kumpulan membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

(c) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (‘FVTPL’), kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan FVTPL dibelanjakan dalam penyata pendapatan.

Aset kewangan dengan derivatif terbenam dipertimbangkan secara keseluruhan di dalam menentukan sama ada aliran tunai mereka adalah semata-mata terdiri daripada pembayaran prinsipal dan faedah sahaja (‘SPPI’). Tiada sebarang aset kewangan yang mengandungi derivatif pada tahun kewangan 2019 dan 2018.

<u>Instrumen hutang</u>

Pengukuran susulan bagi instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dalam menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset-aset tersebut. Kumpulan mengklasifikasikan pelaburan hutang apabila dan hanya apabila model perniagaannya untuk menguruskan aset tersebut berubah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.8 Aset kewangan (sambungan)

(c) Pengukuran (sambungan)

Instrumen hutang (sambungan)

Terdapat tiga kategori ukuran di mana Kumpulan mengklasifikasikan instrumen hutangnya:

(i) Kod yang dilunaskan

Tunai dan dana jangka pendek, jumlah terhutang kepada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam, aset-aset lain, jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan dan jumlah terhutang daripada anak syarikat yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontrak di mana aliran tunai tersebut mewakili SPPI diukur pada kos yang dilunaskan. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini dimasukkan ke dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan dan dibentangkan dalam keuntungan/(kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Kerugian penjejasan nilai dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam penyata pendapatan.

(ii) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif yang lain ('FVOCI')

Aset kewangan yang dipegang untuk tujuan pengumpulan aliran tunai kontrak dan perdagangan aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili SPPI, diukur pada FVOCI. Pergerakan dalam jumlah bawaan diambil melalui pendapatan komprehensif yang lain, kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian akibat penjejasan, pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan dan diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain.

Pendapatan faedah daripada aset kewangan ini dimasukkan ke dalam pendapatan faedah menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dibentangkan dalam keuntungan/(kerugian) lain dan sebarang kerugian penjejasan nilai akan dibentangkan secara berasingan di dalam penyata pendapatan.

(iii) Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian ("FVTPL")

Aset-aset yang tidak memenuhi kriteria pengukuran kos pelunasan atau FVOCI diukur pada FVTPL. Kumpulan dan Syarikat juga boleh menetapkan aset kewangan secara tidak boleh ditarik balik di FVTPL, sekiranya ia mengurangkan atau menghapuskan ketidakpadanan yang dicipta oleh aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan nilai saksama akan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan dibentangkan pada nilai bersih dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam tempoh sama.

Ekuiti instrumen

Kumpulan kemudiannya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Di mana pengurusan Kumpulan telah memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan ekuiti dalam pendapatan komprehensif lain, tiada pengkelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada penyata pendapatan berikutan penyahiktirafan pelaburan tersebut. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai pendapatan lain apabila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

Perubahan nilai saksama aset kewangan FVTPL diiktiraf pada keuntungan/(kerugian) lain di dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.9 Penjejasan aset

2.9.1 Aset kewangan

Kumpulan menilai kerugian kredit yang dijangka ('ECL') berdasarkan jangkaan masa hadapan berkaitan dengan instrumen yang dinilai pada kos yang dilunaskan atau FVOCI. Metodologi penjejasan yang digunakan bergantung kepada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara. Sebarang kerugian yang timbul daripada peningkatan risiko kredit yang ketara akan menyebabkan pengurangan dalam jumlah aset yang dibawa dan pengiktirafan jumlah kerugian dalam penyata pendapatan.

Kumpulan mempunyai lima aset kewangannya yang tertakluk kepada model ECL:

- Jumlah terhutang daripada rakan niaga dan aset pembiayaan Islam;
- Aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam;
- Aset kewangan FVOCI;
- Instrumen pasaran wang; dan
- Kontrak jaminan wang

Walaupun tunai dan bersamaan tunai juga tertakluk kepada keperluan penjejasan di bawah MFRS 9, kerugian penjejasan nilai yang dikenalpasti adalah tidak ketara.

ECL mewakili anggaran wajaran kebarangkalian bagi perbezaan nilai semasa aliran tunai berdasarkan kontrak dengan nilai semasa aliran tunai yang dijangkakan akan diterima oleh Kumpulan sepanjang hayat instrumen kewangan.

Pengukuran ECL mencerminkan:

- jumlah yang tidak berat sebelah dan anggaran wajaran kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai tanpa kos atau usaha yang tidak wajar pada tarikh penyata kewangan ini berkaitan dengan peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan.

<u>Pendekatan</u>

Pada setiap tarikh penyata kewangan, Kumpulan akan mengukur ECL berdasarkan peruntukan penjejasan nilai pada jumlah yang bersamaan dengan 12 bulan ECL sekiranya risiko kredit ke atas instrumen kewangan atau sekumpulan instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal. Bagi semua instrumen kewangan lain, peruntukan penjejasan nilai pada jumlah yang bersamaan dengan ECL seumur hidup diperlukan.

<u>Peningkatan ketara dalam risiko kredit</u>

Kumpulan mempertimbangkan kebarangkalian untuk mungkir atas pengiktirafan awal aset dan sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara secara berterusan pada setiap tempoh laporan. Untuk menilai sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara, Kumpulan membandingkan risiko untuk mungkir yang berlaku ke atas aset pada tarikh penyata kewangan dengan risiko kegagalan pada tarikh pengiktirafan awal. Ia mempertimbangkan maklumat-maklumat yang berpandangan ke hadapan yang munasabah dan boleh dipercayai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.9 Penjejasan aset (sambungan)

2.9.1 Aset kewangan (sambungan)

Peningkatan ketara dalam risiko kredit (sambungan)

Petunjuk-petunjuk berikut telah diterimapakai:

- penarafan kredit dalaman
- penarafan kredit luar (yang boleh diperolehi)
- perubahan negatif dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang ketara, sama ada yang nyata ataupun yang dijangkakan, yang boleh menyebabkan perubahan kepada keupayaan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan-kewajipannya
- perubahan nyata atau jangkaan yang ketara dalam keputusan operasi rakan niaga
- perubahan yang ketara dalam risiko kredit instrumen-instrumen kewangan lain milik rakan niaga
- perubahan yang ketara dalam prestasi dan tingkah laku rakan niaga, termasuk perubahan dalam status pembayaran rakan niaga dalam kumpulan dan perubahan dalam keputusan operasi rakan niaga.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) dimasukkan sebagai sebahagian daripada model penarafan dalaman.

Tanpa mengira analisis di atas, peningkatan risiko kredit yang ketara telah diandaikan sekiranya penghutang telah melebihi tempoh 30 hari dalam membuat pembayaran kontraktual.

Definisi aset kewangan yang mungkir dan berisiko kredit

Kumpulan mentakrifkan instrumen kewangan sebagai mungkir, sejajar dengan definisi berisiko kredit, apabila ia memenuhi satu atau lebih daripada kriteria berikut:

Kriteria kuantitatif:

Kumpulan mentakrifkan sesebuah aset kewangan sebagai mungkir sekiranya rakan niaga gagal membuat pembayaran kontraktual dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembayaran.

Kriteria kualitatif:

Penghutang memenuhi syarat-syarat ketidak sediaan untuk membayar, yang menunjukkan bahawa penghutang berada dalam kesulitan kewangan yang ketara. Kumpulan mempertimbangkan contoh-contoh berikut:

- penghutang melanggar perjanjian kewangan
- pertimbangan telah dibuat oleh pemberi pinjaman yang berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang
- penghutang berkemungkinan akan memasuki situasi bankrupsi atau penyusunan semula kewangan lain
- penghutang tidak mampu membuat pembayaran.

Instrumen kewangan yang berisiko kredit dinilai secara individu.

Bagi tujuan pengukuran ECL, aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam telah diklasifikasikan sebagai satu kumpulan berdasarkan ciri risiko kredit bersama dan kumpulan lampau tempohnya. Aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam mempunyai ciri-ciri risiko yang sama dan Kumpulan membuat kesimpulan bahawa aset-aset ini akan dinilai secara kolektif. Aset kewangan FVOCI dan instrumen-instrumen kewangan yang berisiko kredit akan dinilai secara individu.

Jumlah terhutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam dan instrumen-instrumen hutang yang mungkir atau berisiko kredit akan dinilai secara individu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.9 Penjejasan aset (sambungan)

2.9.2 Aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangkahayat penggunaan yang tidak terbatas tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk penjejasan. Aset yang tertakluk kepada susut nilai atau pelunasan dikaji semula untuk penjejasan apabila setiap peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaan tidak dapat diperolehi semula. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi jumlah yang mana jumlah bawaan aset melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Jumlah boleh diperoleh semula adalah jumlah yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual dengan nilai aset yang digunakan. Kerugian penurunan nilai diiktiraf kepada penyata pendapatan, melainkan jika ia membalikkan penilaian semula sebelumnya di mana ia diiktiraf kepada lebihan penilaian semula. Mana-mana peningkatan seterusnya dalam jumlah yang boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2.10 Hapuskira

Kumpulan meghapuskira aset kewangan secara keseluruhan atau sebahagian, apabila semua usaha pemulihan telah diprajtik dan telah membuat kesimpulan bahawa tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah. Penilaian jangkaan pemulihan yang munasabah adalah berdasarkan ketiadaan sumber pendapatan atau aset penghutang untuk menjana aliran tunai masa hadapan yang mencukupi untuk membayar balik jumlah terhutang. Kerugian penjejasan nilai dinyatakan sebagai kerugian penjejasan nilai bersih dalam keuntungan operasi. Perolehan selanjutnya dari jumlah yang telah dihapuskira sebelum ini akan menyebabkan keuntungan penjejasan yang dikreditkan ke atas baris yang sama.

2.11 Pengiktirafan pendapatan bagi aset gadai janji dan sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam

Pendapatan faedah untuk aset konvensional dan pendapatan untung daripada aset Islam diiktiraf menggunakan kaedah kadar faedah/untung efektif. Pertambahan diskaun diiktiraf menggunakan kaedah kadar pulangan dalaman.

2.12 Pengiktirafan pendapatan bagi yuran jaminan dan Wakalah

Pendapatan yuran jaminan dan yuran Wakalah di bawah Skim Rumah Pertamaku diiktiraf sebagai pendapatan jaminan berdasarkan kaedah baki berkurangan apabila yuran diterima sepenuhnya.

Pendapatan yuran jaminan dan yuran Wakalah di bawah Skim Perumahan Belia diiktiraf sebagai pendapatan jaminan berdasarkan kaedah garis lurus apabila yuran diterima sepenuhnya setiap tahun.

2.13 Premium dan diskaun ke atas bon dan nota pembawa tidak bercagar/sukuk

Premium ke atas bon dan nota pembawa tidak bercagar/Sukuk merupakan lebihan harga terbitan daripada nilai penebusan bon dan nota/sukuk tersebut berkenaan ditambah nilai ke dalam penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon dan nota/sukuk tersebut atas dasar hasil efektif. Apabila nilai penebusan melebihi harga terbitan bon dan nota/sukuk berkenaan, perbezaannya yang merupakan diskaun, dilunaskan kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon dan nota/sukuk berdasarkan kaedah hasil efektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.14 Cukai semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai pada kadar semasa berdasarkan keuntungan kena cukai yang diperolehi pada tahun kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti serta nilai bawaan dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset tertunda diiktiraf hingga ke tahap terdapat kemungkinan bahawa untung boleh cukai masa depan akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh dipotong ataukerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya menjelang tarikh penyata kedudukan kewangan dan dijangka akan diguna pakai apabila aset cukai tertunda berkenaan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

2.15 Tunai dan bersamaan tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai, merangkumi wang tunai serta baki deposit dalam bank yang sedia boleh ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.16 Pengimbangan instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersihnya dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk mengimbangi jumlah yang diiktiraf dan apabila terdapat hasrat untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset serta menyelesaikan liabiliti aset tersebut secara serentak. Hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan ini tidak boleh bergantung kepada peristiwa masa hadapan dan hendaklah boleh dikuatkuasakan dalam perjalanan biasa perniagaan dan sekiranya berlaku keingkaran, insolvensi atau muflis.

2.17 Laporan bersegmen

Segmen operasi dilaporkan dalam bentuk yang konsisten dengan laporan dalaman yang digunakan oleh ketua operasi yang membuat keputusan. Ketua operasi yang membuat keputusan adalah individu atau kumpulan yang mengagihkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi Kumpulan. Kumpulan telah menetapkan Ketua Pegawai Eksekutif sebuah anak syarikat iaitu Cagamas Berhad sebagai operasi pembuat keputusan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.18 Instrumen kewangan derivatif dan perakaunan lindungi nilai

Instrumen kewangan derivatif merangkumi swap kadar faedah ("IRS"), swap kadar untung Islam ("IPRS"), swap mata wang bersilang ("CCS") dan swap mata wang bersilang Islam ("ICCS"). Instrumen kewangan derivatif digunakan oleh Kumpulan bagi melindungi nilai terbitan bon/sukuk daripada potensi pergerakan dalam kadar faedah, kadar untung atau pendedahan mata wang asing. Butiran lanjut mengenai instrumen kewangan derivatif dinyatakan di dalam Nota 8 kepada penyata kewangan.

Nilai saksama instrumen kewangan derivatif diiktiraf pada peringkat awal dalam penyata kewangan, manakala perubahan nilai saksama berikutnya yang terhasil akibat turun perubahan faedah, kadar untung atau pendedahan mata wang asing direkodkan sebagai aset derivatif (memuaskan) atau liabiliti derivatif (tidak memuaskan).

Bagi derivatif yang tidak ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, kerugian dan keuntungan daripada perubahan dalam nilai saksama diambil kira dalam penyata pendapatan.

Bagi derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, kaedah untuk mengiktiraf keuntungan atau kerugian nilai saksama bergantung kepada jenis lindung nilai.

Untuk mengguna pakai perakaunan lindung nilai, Kumpulan mendokumenkan hubungan antara instrumen lindung nilai dan perkara dilindungi nilai, termasuk objektif pengurusan risiko bagi melaksanakan pelbagai urus niaga dan kaedah lindung nilai yang digunakan untuk menilai keberkesanan lindung nilai tersebut sewaktu peringkat permulaan.

Kumpulan turut mendokumenkan penilaiannya sama ada derivatif tersebut mempunyai tahap keberkesanan tinggi dan mengimbangi perubahan nilai saksama atau aliran tunai bagi perkara yang dilindungi nilai, pada peringkat permulaan lindung nilai dan secara berterusan.

Lindung nilai aliran tunai

Bahagian perubahan yang berkesan dalam nilai saksama bagi derivatif yang telah ditetapkan dan berkelayakan sebagai pelindung nilai bagi aliran tunai masa depan diiktiraf secara langsung dalam rizab lindung nilai aliran tunai, dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana perkara yang dilindung nilai memberi kesan kepada untung atau rugi. Bahagian untung atau rugi yang tidak berkesan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan di bawah "Pendapatan bukan faedah".

Jumlah terkumpul dalam ekuiti diklasifikasi semula kepada penyata pendapatan dalam tempoh apabila item yang dilindung nilai memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan bahagian efektif kadar faedah lindung nilai yang diswap dengan kadar peminjaman diiktiraf dalam penyata pendapatan di dalam barisan "Pendapatan bukan faedah" pada tempoh yang sama dengan perbelanjaan faedah ke atas pinjaman yang dilindungi.

Apabila instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai, sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang wujud dalam rizab lindung nilai aliran tunai akan kekal sehingga urus niaga ramalan akhirnya diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila urus niaga ramalan tidak lagi dijangka akan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab lindung aliran tunai ini akan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan didalam "Pendapatan bukan faedah".

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.19 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai tanggungjawab undang-undang atau tanggungjawab konstruktif akibat daripada peristiwa lampau, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut, dan apabila anggaran yang tepat dapat dibuat terhadap jumlah tersebut. Apabila Kumpulan dan Syarikat menjangkakan peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa depan.

Apabila terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan bahawa aliran keluar akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan kelas tanggungan secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun jika kemungkinan aliran keluar bagi mana-mana perkara yang termasuk dalam kelas tanggungan yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa bagi perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai mata wang dan risiko yang khusus bagi tanggungjawab tersebut. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh perjalanan masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

2.20 Zakat

Kumpulan mengiktiraf tanggungjawabnya dalam membayar zakat perniagaan. Zakat untuk tahun semasa diambil kira apabila Kumpulan mempunyai tanggungjawab zakat semasa hasil daripada taksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat ditaksir apabila Kumpulan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 12 bulan, iaitu jangka masa yang dikenali sebagai haul.

Kadar zakat yang telah digubal atau akan digubal pada tarikh penyata kedudukan kewangan digunapakai untuk menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat ke atas perniagaan, sebagaimana diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan untuk tahun kewangan ini adalah sebanyak 2.5% (2018: 2.5%) daripada asas zakat.

Asas zakat Kumpulan ini ditentukan berdasarkan pada kaedah kadar pertumbuhan yang diselaraskan. Kaedah ini mengira asas zakat dengan mengambilkira ekuiti pemilik dan liabiliti jangka panjang, ditolak untuk dengan harta dan kelengkapan dan aset aset bukan semasa, dan diselaraskan dengan perkara-perkara yang tidak memenuhi syarat-syarat untuk aset dan liabiliti zakat seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa zakat.

Jumlah zakat yang dinilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana ia ditanggung.

2.21 Manfaat pekerja

(a) Manfaat pekerja jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, bonus dan manfaat bukan kewangan diakru pada tahun kewangan di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh para pekerja Kumpulan.

(b) Pelan caruman wajib

Kumpulan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”), iaitu pelan caruman wajib negara. Caruman kepada KWSP diambil kira dalam penyata pendapatan pada tahun yang berkaitan. Apabila caruman dibuat, Kumpulan tidak lagi mempunyai tanggungjawab bayaran pada masa depan. Bayaran caruman terdahulu diiktiraf sebagai aset sehingga bayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran pada masa depan boleh didapati.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.22 Aset tak ketara

(a) Perisian komputer

Perisian komputer dan lesen perisian komputer yang dimiliki dipermodalkan berdasarkan kos yang tertanggung untuk memperolehi dan menggunakan perisian tertentu.

Kos yang berkaitan dengan pembangunan atau penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut tertanggung. Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dapat dikenal pasti serta unik yang dikawal oleh Kumpulan serta berkemungkinan boleh menjana faedah ekonomi yang melebihi kos bagi tempoh lebih dar satu tahun, diambil kira sebagai aset tak ketara. Kos tersebut termasuklah kos pekerja yang tertanggung hasil daripada pembangunan perisian dan suatu bahagian yang sesuai bagi overhed yang berkaitan.

Perisian komputer dan lesen perisian komputer akan dilunaskan berdasarkan tempoh anggaran hayat penggunaan selama tiga hingga sepuluh tahun.

(b) Hak perkhidmatan kepada yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir

Hak perkhidmatan kepada yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir (“Hak Perkhidmatan”) merupakan hak terjamin untuk menerima faedah ekonomi yang dijangkakan di masa depan melalui yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir untuk terbitan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman (“RMBS”) dan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman Islam (“IRMBS”).

Hak perkhidmatan diambil kira sebagai aset tak ketara pada kos dan dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus ke atas tempoh RMBS dan IRMBS.

Hak kepada perisian komputer dan perkhidmatan diuji setiap tahun untuk sebarang tanda penjejasan. Sekiranya wujud tanda sedemikian, analisis akan dibuat untuk menaksir sama ada nilai bawa aset tersebut boleh diperoleh semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat sekiranya nilai bawaan melebihi jumlah yang boleh diperoleh semula. Hak kepada perisian komputer dan perkhidmatan dibawa pada nilai kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul. Sila rujuk dasar perakaunan mengenai penjejasan aset bukan kewangan dalam Nota 2.9.2 kepada penyata kewangan.

2.23 RMBS dan IRMBS

RMBS dan IRMBS diterbitkan untuk membiayai pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada LPPSA. Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, RMBS dan IRMBS telah dinyatakan pada kos dilunaskan.

Perbelanjaan faedah ke atas RMBS dan untung yang boleh diagihkan kepada IRMBS diiktiraf menggunakan kaedah hasil berkesan.

2.24 Modal syer

(a) Klasifikasi

Syer biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Syer-syer lain diklasifikasikan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut asas ekonomi instrumen berkaitan.

Pengagihan kepada para pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti diambil kira terus ke dalam ekuiti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.24 Modal syer (sambungan)

(b) Dividen kepada para pemegang syer syarikat

Dividen ke atas syer biasa dan RPS diambil kira sebagai liabiliti apabila diisytiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen yang dicadangkan atau diisytiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan diluluskan untuk diterbitkan, tidak diambil kira sebagai liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen akan diambil kira sebagai liabiliti apabila dividen tersebut perlu dibayar.

2.25 Terjemahan mata wang

(a) Mata wang fungsian dan pembentangan

Perkara yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat diukur menggunakan mata wang bagi persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi (“mata wang fungsian”).

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan bagi Kumpulan.

(b) Urus niaga dan baki mata wang asing

Urus niaga mata wang asing ditukar kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran semasa tarikh urusniaga. Keuntungan atau kerugian pertukaran mata wang asing yang terhasil daripada penyelesaian urus niaga tersebut dan daripada urus niaga pada kadar pertukaran akhir tahun bagi aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing diiktiraf di dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ditunda di dalam ekuiti sebagai lindung nilai aliran tunai yang layak dan lindung nilai pelaburan bersih yang layak.

2.26 Liabiliti luar jangkaan dan aset luar jangka

Kumpulan dan Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi melaporkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah tanggungjawab yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya akan disahkan apabila terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa pada masa depan yang tidak pasti berlaku dan di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat atau tanggungjawab semasa yang tidak diambil kira kerana tiada kemungkinan aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut. Liabiliti luar jangka turut timbul dalam kes yang jarang-jarang sekali berlaku di mana terdapat liabiliti yang boleh diambil kira kerana ia tidak dapat diukur secara tepat.

Kumpulan dan Syarikat tidak mengambil kira aset luar jangka tetapi melaporkan kewujudannya apabila terdapat kemungkinan aliran masuk manfaat ekonomi, biarpun tidak pasti. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa-peristiwa lalu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih daripada satu peristiwa masa depan yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat.

2.27 Yuran pembiayaan tertunda

Yuran pembiayaan tertunda terdiri daripada perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penerbitan bon dan nota/sukuk. Selepas penerbitan bon dan nota/sukuk, yuran pembiayaan tertunda akan ditolak daripada jumlah bawaan bagi bon dan nota/sukuk dan dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah/keuntungan efektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.28 Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak-kontrak yang memerlukan Kumpulan untuk membuat pembayaran tertentu sebagai ganti rugi kepada pemegang kerugian yang ditanggung akibat daripada kegagalan seseorang penghutang untuk membuat pembayaran pada tarikh lampau tempoh, mengikut syarat-syarat sesebuah instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada pada masa jaminan dikeluarkan. Liabiliti pada awalnya diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama kontrak jaminan ditentukan sebagai nilai semasa perbezaan aliran tunai bersih antara pembayaran kontrak di bawah instrumen hutang dan bayaran yang diperlukan tanpa jaminan, atau anggaran jumlah yang akan dibayar kepada pihak ketiga untuk mengambil alih kewajipan tersebut.

Kontrak jaminan kewangan kemudiannya diukur pada nilai yang lebih tinggi antara jumlah yang ditentukan mengikut model jangkaan kredit di bawah MFRS 9 'Instrumen kewangan' dan jumlah pengiktirafan awal setelah ditolak dengan jumlah pendapatan kumulatif yang diiktiraf selaras dengan prinsip MFRS 15 'Pendapatan dari Kontrak dengan Pelanggan', mengikut kesesuaian.

2.29 Pajakan

(a) Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2019

Dari 1 Januari 2019, pajakan diiktiraf sebagai aset dengan hak penggunaan ('ROU') dan liabiliti yang sepadan pada tarikh aset yang dipajak disediakan untuk penggunaan Kumpulan (iaitu tarikh permulaan).

Kontrak-kontrak mungkin mengandungi kedua-dua komponen pajakan dan bukan pajakan. Kumpulan memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga relatifnya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, untuk pajakan hartanah yang mana Kumpulan adalah pemajak, Kumpulan telah memilih kesesuaian praktikal yang disediakan dalam MFRS 16 untuk tidak memisahkan komponen pajakan dan bukan pajakan. Kedua-dua komponen diambilkira sebagai komponen pajakan tunggal dan bayaran untuk kedua-dua komponen dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajakan.

<u>Tempoh pajakan</u>

Dalam menentukan tempoh pajakan, Kumpulan mengambilkira semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pilihan lanjutan, atau tidak melaksanakan pilihan penamatan. Pilihan tambahan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) hanya dimasukkan dalam tempoh pajakan sekiranya ianya adalah munasabah jika pajakan perlu dilanjutkan (atau tidak ditamatkan).

Kumpulan menilai semula tempoh pajakan apabila berlakunya peristiwa penting atau perubahan dalam keadaan yang berada di dalam kawalan Kumpulan yang memberi munasabah dalam melaksanakan opsyen yang tidak pernah disertakan sebelum penentuan tempoh pajakan, atau tidak menjalankan opsyen yang telah dimasukkan dalam penentuan tempoh pajakan. Penilaian semula dalam tempoh pajakan akan menyebabkan pengukuran semula liabiliti pajakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.29 Pajakan (Sambungan)

(a) Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2019 (Sambungan)

Aset ROU

Aset ROU pada mulanya diukur pada kos yang terdiri daripada berikut:

- Jumlah pengukuran awal liabiliti pajakan;
- Sebarang pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan setelah ditolak sebarang insentif pajakan yang diterima;
- Sebarang kos langsung awal; dan
- Kos pelupusan atau pemulihan.

Aset ROU yang bukan hartanah pelaburan diukur kemudiannya pada nilai kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai (jika ada). Aset ROU secara amnya disusutnilai secara garis lurus berdasarkan jangka masa yang lebih pendek antara jangka hayat aset ataupun jangka masa pajakan. Jika Kumpulan mempunyai pilihan untuk menguatkuasa sebarang opsyen pembelian, aset ROU akan disusutnilai ke atas jangka hayat penggunaan aset. Di samping itu, aset ROU akan diselaraskan untuk pengukuran semula liabiliti pajakan tertentu. Aset ROU dibentangkan secara berasingan di dalam penyata kedudukan kewangan.

Liabiliti pajakan

Liabiliti pajakan pada mulanya diukur pada nilai semasa pembayaran pajakan yang tidak dibayar pada tarikh tersebut. Bayaran pajakan termasuk yang berikut;

- Bayaran tetap (termasuk pembayaran tetap dalam bentuk), tolak sebarang insentif pajakan yang belum diterima;
- Bayaran pajakan boleh ubah yang asalnya dinilai berdasarkan sebarang indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- Jumlah yang dijangka akan dibayar oleh Kumpulan di bawah baki nilai yang dijamin nilai sisa;
- Harga pelaksanaan bagi opsyen pembelian dan pelanjutan jika Kumpulan berkeupayaan untuk melaksanakan pilihan tersebut; dan
- Bayaran-bayaran penalti untuk menamatkan pajakan, jika tempoh pajakan mencerminkan perlaksanaan pilihan tersebut oleh Kumpulan.

Bayaran pajakan didiskaun menggunakan kadar faedah yang tersirat dalam pajakan. Sekiranya kadar itu tidak dapat ditentukan dengan mudah, seperti yang berlaku untuk pajakan di dalam Kumpulan, pinjaman tambahan pemajak digunakan. Ini adalah kadar yang perlu dibayar oleh pemajak individu untuk meminjam dana yang diperlukan untuk mendapatkan aset yang sama nilai kepada aset ROU dalam persekitaran ekonomi yang serupa dengan terma, cagaran dan syarat yang sama.

Bayaran pajakan diperuntukkan antara pokok dan kos pembiayaan. Kos pembiayaan dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang berterusan ke atas baki liabiliti untuk setiap tempoh.

Bayaran pajakan boleh ubah yang bergantung pada jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana keadaan yang mencetuskan pembayaran tersebut berlaku.

Kumpulan membentangkan liabiliti pajakan secara berasingan dalam penyata kedudukan kewangan. Perbelanjaan faedah ke atas liabiliti pajakan dinyatakan dalam perbelanjaan bukan faedah dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.29 Pajakan (Sambungan)

(a) Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2019 (Sambungan)

Pengukuran semula liabiliti pajakan

Kumpulan juga terdedah kepada kemungkinan peningkatan pembayaran pajakan berubah di masa hadapan yang bergantung pada indeks atau kadar, yang tidak termasuk dalam liabiliti pajakan sehingga ia berkuatkuasa. Apabila pelarasan untuk memajak pembayaran berdasarkan indeks atau kadar berkuatkuasa, liabiliti pajakan diukur semula dan diselaraskan dengan aset ROU.

Pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Pajakan jangka pendek adalah pajakan dengan tempoh pajakan 12 bulan atau kurang. Aset bernilai rendah terdiri daripada peralatan IT dan barangan perabot kecil. Pembayaran yang berkaitan dengan pajakan peralatan dan kenderaan jangka pendek dan semua pajakan aset bernilai rendah diiktiraf berdasarkan asas garis lurus sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

(b) Dasar perakaunan yang diguna pakai sehingga 31 Disember 2018

Pajakan operasi

Pajakan aset di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemajak dikelaskan sebagai pajakan operasi. Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi (selepas sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) dicaj kepada keuntungan atau kerugian atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

3 PERUBAHAN-PERUBAHAN DALAM POLISI PERAKAUNAN

Kesan penerimaan MFRS 16 Pajakan

Kumpulan telah menerima pakai MFRS 16 untuk pertama kalinya dalam penyata kewangan 2019 dengan tarikh penggunaan awal 1 Januari 2019 dengan menggunakan kaedah peralihan retrospektif yang dipermudahkan.

Penerimaan MFRS 16 telah mengakibatkan kesan kewangan berikut kepada penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

	Pada 31 Dis 2018 RM'000	Pengukuran-semula RM'000	Pada 1 Jan 2019 RM'000
Aset dengan hak penggunaan	–	4,916	**4,916**
Liabiliti pajakan	–	4,916	**4,916**

Aset dengan hak penggunaan dan liabiliti pajakan adalah terdiri daripada sewa bangunan pejabat dan sedang dilunaskan sepanjang tempoh sewa. Kadar purata pinjaman tambahan yang digunakan untuk liabiliti pajakan pada 1 Januari 2019 adalah 4.32% setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

3 PERUBAHAN-PERUBAHAN DALAM POLISI PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

Penyesuaian antara komitmen pajakan operasi yang dibentangkan berdasarkan penggunaan MFRS 117 pada 31 Disember 2018 kepada liabiliti pajakan yang diiktiraf pada 1 Januari 2019 adalah seperti berikut:

	RM'000
Komitmen pajakan operasi yang dibentangkan pada 31 Disember 2018	**10,792**
Pelarasan akibat pilihan lanjutan dan penamatan	**6,562**
Diskaun berdasarkan kadar peminjaman tambahan pemajak	**(10,092)**
Pajakan jangka pendek dan bernilai rendah diiktiraf sebagai perbelanjaan berdasarkan garis lurus	**(2,346)**
Liabiliti pajakan yang diiktiraf pada 1 Januari 2019	**4,916**

4 ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran perakaunan kritikal tertentu dan membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan untuk Kumpulan.

Anggaran dan pertimbangan akan dinilai secara berterusan dan ia adalah berdasarkan sejarah pengalaman serta faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa pada masa depan yang dipercayai munasabah akan berlaku menurut keadaan tertentu. Mengikut definisi, anggaran perakaunan yang terhasil jarang-jarang menyamai keputusan sebenarnya. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar dan memerlukan pelarasan ketara kepada nilai dibawa bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dijelaskan di bawah.

(a) Nilai saksama derivatif dan aset kewangan FVOCI

Anggaran dan andaian yang dianggap berkemungkinan besar akan memberi kesan kepada keputusan dan kedudukan kewangan Kumpulan adalah yang berkaitan dengan penilaian saksama derivatif dan aset kewangan FVOCI yang tidak disebut harga di mana model penilaian digunakan. Kumpulan telah membuat pertimbangan untuk memilih teknik penilaian yang sesuai dengan instrumen tersebut. Walau bagaimanapun, perubahan dalam andaian yang dibuat serta faktor pasaran yang digunakan boleh memberi kesan terhadap nilai saksama yang dilaporkan.

(b) Penjejasan aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam

Kumpulan membuat peruntukan bagi kerugian aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam berdasarkan taksiran kebolehpulihan. Walaupun pertimbangan pihak pengurusan adalah berpandukan keperluan MFRS 9, pihak pengurusan juga membuat pertimbangan mengenai masa depan serta faktor-faktor utama lain yang berkaitan dengan pemulihan aset. Antara faktor-faktor yang dipertimbangkan adalah nilai bersih boleh direalisasi bagi nilai cagaran yang mendasari serta keupayaan untuk menjana aliran tunai yang mencukupi bagi membayar aset tersebut.

(c) Pertambahan diskaun ke atas aset gadai janji dan aset sewa beli

Andaian digunakan untuk menganggarkan unjuran aliran tunai baki prinsipal tertunggak aset gadai janji dan aset sewa beli aset yang diperolehi oleh Kumpulan bagi tujuan menentukan pertambahan diskaun. Anggaran ditentukan berdasarkan aliran sejarah pembayaran balik dan penebusan peminjam aset gadai janji dan aset sewa beli. Perubahan dalam andaian ini boleh memberi kesan terhadap jumlah yang diiktiraf sebagai pertambahan diskaun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

4 ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

(d) Pensekuritian dan entiti tersusun

Kumpulan menubuhkan entiti tersusun terutamanya untuk tujuan urus niaga pensekuritian aset. Kumpulan tidak menyatukan entiti tersusunnya yang bukan di bawah kawalannya. Apabila menilai sama ada Kumpulan perlu menyatukan sebuah entiti tersusun, Kumpulan akan menilai pelbagai faktor untuk menentukan kawalan, termasuk sama ada ia terdedah, atau mempunyai hak, ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti tersusun dan mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi pulangan berkenaan melalui kuasanya ke atas entiti tersusun tersebut.

(e) Penjejasan dari pendedahan jaminan dan pendedahan Wakalah

Kumpulan membuat peruntukan penjejasan dari pendedahan jaminan dan pendedahan Wakalah berdasarkan penilaian pemulihannya. Walaupun pengurusan berpandukan keperluan MFRS 9, pihak pengurusan membuat keputusan mengenai masa depan dan faktor-faktor utama lain yang berkaitan dengan pemulihan aset. Antara faktor yang dipertimbangkan ialah nilai realisasi bersih pada nilai cagaran asas dan keupayaan untuk menjana aliran tunai yang mencukupi untuk menyenggara aset tersebut.

(f) Penerimaan MFRS 16 Pajakan

Kumpulan menggunakan kadar pinjaman tambahan pada purata bon 5 tahun bertaraf AAA pada tarikh pelaksanaan. Dalam menentukan tempoh pajakan, Kumpulan telah mempertimbangkan opsyen-opsyen kontrak dengan sewa tambahan. Penilaian tersebut dikaji semula jika terdapat perubahan keadaan yang berlaku yang mempengaruhi penilaian semasa dan yang berada di bawah penyeliaan Kumpulan.

(g) Ketidakpastian dalam pengendalian cukai

Kumpulan menggunapakai pengendalian khas MFRS 9 bagi peruntukan penjejasan, pelunasan diskaun dan pelunasan premium di dalam pengiraan cukainya bagi tahun tahun penilaian 2019 dan tahun penilaian 2018. Penggunaan pengendalian khas ini tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan. Kumpulan telah menilai kebarangkalian penerimaan pengendalian cukai yang tidak pasti ini dan telah menilai anggaran cukai sekiranya terdapat perubahan fakta dan keadaan yang boleh menyebabkan sebarang perubahan kepada anggaran asal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

5 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko merupakan satu bahagian penting perniagaan dan operasi Kumpulan. Ia merangkumi mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan risiko yang meliputi seluruh perusahaan.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Kumpulan telah meningkatkan kawalan utama bagi memastikan keberkesanan pengurusan risiko dan kebebasannya daripada aktiviti pengambilan risiko.

Kumpulan akan terus membangunkan sumber manusianya, mengkaji semula proses sedia ada dan memperkenalkan pendekatan baharu yang selaras dengan amalan pengurusan risiko terbaik. Matlamat Kumpulan ialah untuk mewujudkan kesedaran risiko yang tinggi di kalangan kakitangan barisan hadapan dan di belakang tabir, di mana risiko diurus secara sistematik dan tahap pengambilan risiko diselaraskan dengan tahap kesanggupan menerima risiko serta keperluan ganjaran risiko yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

5.1 Struktur pengurusan risiko

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara muktamad terhadap pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan kegiatan Kumpulan. Lembaga Pengarah menetapkan tahap kesanggupan menerima risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan serta profil risiko yang diingini oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah turut mengkaji dan meluluskan semua dasar pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang penting.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan supaya wujud pengawasan dan pembangunan yang berkesan bagi strategi, dasar dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Kumpulan.

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan terdapat tatacara operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi serta berkesan untuk mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan risiko-risiko termasuk pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan adalah bebas daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam kegiatan pengambilan risiko. Jabatan ini bertanggungjawab untuk melaporkan tentang pendedahan risiko secara bebas kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan menyelaraskan pengurusan risiko yang meliputi seluruh perusahaan.

5.2 Pengurusan risiko kredit

Risiko kredit adalah kemungkinan bahawa seseorang peminjam atau pihak rakan niaga gagal memenuhi tanggungjawab kewangannya apabila ia perlu dijelaskan. Risiko kredit timbul dalam bentuk perkara-perkara di dalam penyata kewangan seperti pinjaman dan pelaburan, serta dalam bentuk perkara-perkara di luar penyata kewangan seperti jaminan dan kegiatan lindung nilai perbendaharaan.

Kumpulan menguruskan risiko kreditnya dengan menapis para peminjam serta pihak rakan niaga, menetapkan kriteria kelayakan yang berhemat dan melaksanakan usaha wajar ke atas pinjaman dan pembiayaan yang akan dibeli. Kumpulan mempunyai sistem penarafan dalaman yang menentukan had kredit maksimum yang dibenarkan untuk setiap kategori penarafan. Had kredit ini dikaji semula secara berkala dan ditentukan berdasarkan kombinasi penarafan luar, penilaian kredit dalaman serta keperluan perniagaan. Semua pendedahan kredit dipantau secara kerap dan sebarang ketidakpatuhan dilaporkan secara bebas kepada pihak pengurusan, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah untuk penyelesaian segera.

Risiko kredit turut dikurangkan melalui aset-aset asas yang terdiri daripada aset gadai janji, aset gadai janji Islam, aset sewa beli dan aset sewa beli Islam.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

5 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

5.3 Pengurusan risiko pasaran

Risiko pasaran adalah potensi kerugian daripada pergerakan bertentangan dalam harga dan kadar pasaran. Pendedahan risiko pasaran terhad hanya kepada risiko kadar faedah/untung dan tukaran mata wang asing kerana Kumpulan tidak terlibat dalam sebarang kegiatan perniagaan ekuiti atau komoditi.

Kumpulan mengawal pendedahan risiko pasarannya dengan mengenakan had ambang dan menggunakan kontrak-kontrak lindung nilai derivatif. Had ambang ini ditetapkan berdasarkan tahap kesanggupan menerima risiko Kumpulan dan hubungan pulangan risikonya. Had ini dikaji semula dan dipantau secara kerap. Kumpulan mempunya sebuah sistem pengurusan aset dan liabiliti yang menyediakan peralatan bagi analisis jurang tempoh, analisis sensitiviti faedah untung dan simulasi pendapatan di bawah pelbagai senario berbeza bagi memantau risiko kadar faedah/untung.

Kumpulan juga menggunakan instrumen derivatif seperti swap kadar faedah, swap kadar untung dan swap mata wang bersilang bagi mengurus dan melindung nilai pendedahan risiko pasaran terhadap perubahan kadar faedah, kadar keuntungan dan kadar dari pertukaran mata wang.

5.4 Pengurusan risiko kecairan

Risiko kecairan timbul apabila Kumpulan tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi tanggungjawab kewangannya apabila ianya tempoh matang.

Kumpulan mengurangkan risiko kecairannya dengan memadankan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan bon atau Sukuk. Kumpulan merancang kedudukan aliran tunainya dan memantau dengan teliti setiap transaksi perniagaan bagi memastikan dana yang tersedia adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan sepanjang masa. Di samping itu, Kumpulan memperuntukkan rizab kecairan untuk memenuhi sebarang kekurangan aliran tunai yang tidak dijangka atau keadaan ekonomi pasaran kewangan yang buruk.

Proses pengurusan kecairan Kumpulan, seperti yang dilaksanakan dalam anak syarikat dan dipantau oleh jabatan yang berkaitan, meliputi:

(a) Mengurus aliran tunai yang tidak sepadan serta had jurang kecairan yang melibatkan penilaian terhadap semua aliran masuk tunai Kumpulan berbanding aliran keluar tunai bagi mengenal pasti sebarang potensi kekurangan tunai bersih dan keupayaan Kumpulan untuk memenuhi tanggungjawab tunainya apabila ia perlu dijelaskan;

(b) Memadankan pembiayaan pembelian hutang dengan aliran tunai yang dijangkakan, tempoh serta jangka masa pembiayaan;

(c) Memantau nisbah kecairan Kumpulan berbanding keperluan dalamannya; dan

(d) Menguruskan tumpuan dan profil pembiayaan dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan.

5.5 Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi adalah potensi risiko kerugian yang disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses, manusia dan system dalaman, atau akibat daripada faktor-faktor luaran. Ini termasuk risiko reputasi berkaitan dengan pengamalan atau pengendalian perniagaan oleh Kumpulan dan Syarikat. Ini juga termasuk risiko kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan yang digunapakai.

Pengurusan risiko operasi adalah keutamaan penting bagi Kumpulan dan Syarikat. Bagi mengurangkan operasi risiko, Kumpulan dan Syarikat telah mewujudkan program operasi risiko dan kaedah penting yang dapat mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan kewujudan dan kemunculan operasi risiko.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

5 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

5.5 Pengurusan Risiko Operasi (sambungan)

Pengurusan harian risiko operasi dijalankan melalui pembangunan dan penyelenggaraan kawalan dan prosedur dalaman yang menyeluruh berasaskan pengasingan tugasan, pemeriksaan bebas, pembahagian sistem akses kawalan dan proses kebenaran pelbagai peringkat. Proses laporan kejadian juga ditubuhkan bagi mengenalpasti dan menganalisa penipuan dan batasan kawalan.

Penilaian risiko diri dan penilaian pengawalan secara berkala ditubuhkan untuk mengenalpasti dan mengukur risiko dan keberkesanan kawalan di peringkat awal. Pelan tindakan dirangka untuk isu-isu kawalan yang dikenalpasti.

Kumpulan dan Syarikat mengurangkan kesan dan kemungkinan sebarang gangguan yang tidak dijangka kepada operasi perniagaannya melalui perlaksanaan rangka kerja dan dasar pengurusan kesinambungan perniagaan ("BCM"), pelan kesinambungan perniagaan dan latihan BCM berterusan. Kumpulan juga telah mengenalpasti strategi pemulihan keseluruhan perusahaan untuk mempercepatkan pemulihan perniagaan dan teknologi dan penyambungan semula ketika berlakunya bencana.

6 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
Tunai dan baki di bank dan institusi kewangan lain	**110,990**	70,376	**16**	14
Wang panggilan dan penempatan deposit matang dalam tempoh satu bulan	**321,461**	397,727	**636**	526
Wang panggilan Mudharabah dan penempatan deposit matang dalam tempoh satu bulan	**136,383**	57	**–**	–
	568,356	468,160	**652**	540
Tolak: Peruntukan penjejasan	**(105)**	–	**–**	–
Pada 31 Disember	**568,729**	468,160	**652**	540

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

6 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK (SAMBUNGAN)

Pada 31 Disember 2019, nilai bawaan kasar tunai dan dana jangka pendek dan peruntukan penjejasan adalah dalam peruntukan peringkat 1 (ECL 12 bulan). Pergerakan dalam peruntukan penjejasan yang mencerminkan model penjejasan ECL adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
Peringkat 1				
Pada 1 Januari	**–**	–	**–**	–
Peruntukan bagi tahun kewangan ke atas pelaburan baru	**105**	–	**–**	–
Pada 31 Disember	**105**	–	**–**	–

Tiada ECL yang diperuntukkan untuk kategori aset ini pada 31 Disember 2018 memandangkan kesan yang tidak ketara.

7 DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
Bank-bank berlesen	**1,017,767**	652,339	**1,751**	1,698

Pada 31 Disember 2019, nilai bawaan kasar deposit dan penempatan dengan institusi kewangan adalah dalam peruntukan peringkat 1 (ECL 12 bulan). Tiada ECL yang diperuntukkan untuk kategori aset ini pada 31 Disember 2019 (2018: Tiada).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

8 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF

Instrumen kewangan derivatif yang digunakan oleh Kumpulan bagi melindung nilai terhadap pendedahan kadar faedah/keuntungan dan pendedahan mata wang asing adalah IRS, IPRS, CCS dan ICCS.

IRS/IPRS digunakan oleh Kumpulan bagi melindung nilai terhadap pendedahan kadar faedah/keuntungan yang timbul daripada transaksi berikut:

(i) Penerbitan bon/sukuk berkadar tetap bagi membiayai pembelian aset kadar terapung

Kumpulan membayar penerimaan kadar terapung daripada pembelian aset kadar terapung kepada rakan niaga swap dan menerima faedah/keuntungan kadar tetap sebagai balasan. Faedah/keuntungan kadar tetap ini akan digunakan untuk membayar kupon ke atas bon/sukuk berkadar tetap yang diterbitkan. Dengan ini, Kumpulan dilindungi daripada pergerakan negatif dalam kadar faedah.

(ii) Penerbitan bon/sukuk jangka masa pendek bagi membiayai aset tetap jangka panjang

Kumpulan akan menerbitkan bon/sukuk jangka masa pendek dan memeteraikan urus niaga swap untuk menerima kadar faedah/keuntungan terapung daripada dan membayar faedah/keuntungan kadar tetap kepada rakan niaga swap. Apabila menerima ansuran daripada aset, Kumpulan akan membayar faedah/keuntungan kadar tetap kepada rakan niaga swap dan menerima kadar faedah/keuntungan terapung bagi membayar pemegang-pemegang bon/sukuk.

CCS dan ICCS juga digunakan oleh Kumpulan untuk melindung nilai terhadap pendedahan mata wang asing yang timbul daripada penerbitan bon/sukuk dalam mata wang asing bagi membiayai aset dalam mata wang fungsian. Ilustrasi transaksi adalah seperti berikut:

(i) Pada permulaannya, Kumpulan akan swap hasil daripada bon/sukuk mata wang asing kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang telah dipersetujui dengan rakan niaga CCS/ICCS.

(ii) Pada interimnya, Kumpulan akan menerima bayaran faedah/keuntungan dalam mata wang asing daripada rakan niaga CCS/ICCS dan membayar kepada pemegang bon/sukuk mata wang asing bagi pembayaran kupon. Pada masa yang sama, Kumpulan akan membayar faedah/keuntungan kepada rakan niaga CCS/ICCS dalam mata wang fungsian menggunakan ansuran yang diterima daripada pembelian aset.

(iii) Apabila matang, Kumpulan akan membayar prinsipal dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang telah dipersetujui kepada rakan niaga CCS/ICCS dan menerima jumlah prinsipal dalam mata wang asing yang menyamai prinsipal bon/sukuk mata wang asing yang kemudiannya akan digunakan untuk menebus bon/sukuk. Pendedahan mata wang asing Kumpulan adalah Dolar Hong Kong (“HKD”), Dolar Amerika Syarikat (“USD”) dan Dolar Singapura (“SGD”).

Matlamat apabila menggunakan mana-mana instrumen derivatif adalah untuk memastikan supaya profil risiko dan ganjaran bagi sebarang urus niaga dioptimumkan. Tujuannya adalah untuk hanya menggunakan derivatif bagi mewujudkan lindung nilai yang berkesan dari segi ekonomi. Walau bagaimanapun, disebabkan keperluan khusus MFRS 9 untuk mencapai perakaunan lindung nilai, tidak semua lindung nilai ekonomi diambil kira sebagai lindung nilai perakaunan, sama ada kerana pengimbangan perakaunan semula jadi telah dijangka atau kerana mendapatkan perakaunan lindung nilai adalah amat membebankan.

(a) Lindung nilai aliran tunai

Kumpulan ini telah menetapkan beberapa instrumen kewangan derivatif sebagai lindung nilai aliran tunai pada tahun kewangan ini. Jumlah nilai saksama derivatif yang termasuk dalam lindung nilai aliran tunai pada 31 Disember 2019 adalah liabiliti bersih berjumlah RM93.9 juta (2018: aset bersih berjumlah RM207.5 juta).

(b) Lindung nilai bagi nilai saksama

Kumpulan tidak menetapkan sebarang derivatif sebagai lindung nilai saksama.

(c) Lindung nilai pelaburan bersih

Kumpulan tidak menetapkan sebarang derivatif sebagai lindung nilai pelaburan bersih.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

8 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF (SAMBUNGAN)

Jadual di bawah meringkaskan instrumen kewangan derivatif yang dimeterai oleh Kumpulan.

	Kumpulan					
	2019			2018		
	Jumlah kontrak/ nosional RM'000	Aset RM'000	Liabiliti RM'000	Jumlah kontrak/ nosional RM'000	Aset RM'000	Liabiliti RM'000
Derivatif yang sebagai lindung nilai aliran tunai:						
IRS/IPRS						
Matang dalam tempoh setahun	**1,560,000**	**1,710**	**(5,603)**	–	–	–
Satu hingga tiga tahun	**1,645,000**	**7,265**	**(15,677)**	2,660,000	856	(9,792)
Tiga hingga lima tahun	**110,000**	**–**	**(10,499)**	655,000	–	(17,471)
Lebih daripada lima tahun	**160,000**	**20,725**	**–**	160,000	5,139	–
	3,475,000	**29,700**	**(31,779)**	3,475,000	5,995	(27,263)
CCS						
Matang dalam tempoh setahun	**2,399,965**	**20,537**	**(120,530)**	1,725,000	319,325	–
Satu hingga tiga tahun	**273,687**	**8,185**	**–**	2,673,652	36,758	(127,351)
	2,673,652	**28,722**	**(120,530)**	4,398,652	356,083	(127,351)
	6,148,652	**58,422**	**(152,309)**	7,873,652	362,078	(154,614)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

9 ASET KEWANGAN FVOCI

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
Pada nilai saksama:		
Sekuriti kerajaan Malaysia	**313,731**	179,675
Bon korporat	**487,826**	771,992
Terbitan pelaburan kerajaan	**816,675**	845,704
Sukuk	**942,572**	1,058,061
Sukuk Kuasi Kerajaan	**1,009,815**	1,011,896
	3,570,619	3,867,328
Struktur kematangan aset kewangan FVOCI adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	**836,087**	849,272
Satu hingga tiga tahun	**1,000,372**	777,335
Tiga hingga lima tahun	**905,126**	1,111,643
Lebih daripada lima tahun	**829,266**	1,129,078
	3,570,851	3,867,328
Tolak:		
Peruntukan penjejasan	**(232)**	–
	3,570,619	3,867,328

Pada 31 Disember 2019, nilai bawaan kasar aset kewangan FVOCI berdasarkan peringkat peruntukan adalah seperti berikut:

2019	**Nilai bawaan kasar RM'000**	**Peruntukan penjejasan RM'000**
Berdasarkan peringkat peruntukan:		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	**3,525,607**	232
Peringkat 3 (ECL seumur hidup; kredit terjejas)	**45,244**	–
Pada 31 Disember	**3,570,851**	232

Pada 31 Disember 2019, aset kewangan FVOCI peringkat 3 terdiri daripada pelaburan di KMCOB Capital Berhad ("KMCOB"). Scomi Energy Services Berhad ("SESB"), sebagai pegangan KMCOB melalui Scomi Oilfield Limited (Bermuda), telah mencetuskan Keperluan Penyenaraian PN17 seperti yang diumumkan melalui pengumuman bursanya pada 31 Oktober 2019. KMCOB adalah pelaburan yang dijamin oleh Danajamin.

Nilai bawaan aset kewangan FVOCI adalah dalam peruntukan peringkat 1 (ECL 12 bulan). Tiada ECL yang diperuntukkan untuk kategori aset ini memandangkan kesan yang tidak ketara.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

10 ASET KEWANGAN FVTPL

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
Unit amanah	**141,383**	–

Pada 31 Disember 2019, aset kewangan FVTPL terdiri darapiada pelaburan unit amanah yang akan matang dalam tempoh sebulan.

11 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA RAKAN NIAGA

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
Berkaitan dengan:		
Aset gadai janji	**16,114,190**	19,875,905
Aset sewa beli dan pajakan	**542,964**	529,019
	16,657,154	20,404,924
Struktur kematangan bagi jumlah terhutang daripada rakan niaga adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	**7,491,961**	6,004,319
Satu hingga tiga tahun	**8,527,330**	8,420,633
Tiga hingga lima tahun	**–**	5,345,007
Lebih daripada lima tahun	**637,922**	635,032
	16,657,213	20,404,991
Tolak:		
Peruntukan penjejasan	**(59)**	(67)
	16,657,154	20,404,924

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

11 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA RAKAN NIAGA (SAMBUNGAN)

Nilai bawaan kasar jumlah terhutang daripada rakan niaga adalah dalam peruntukan peringkat 1 (ECL 12 bulan). Pergerakan dalam peruntukan penjejasan yang mencerminkan model penjejasan ECL adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
Peringkat 1		
Pada 1 Januari	**67**	41
Peruntukan sepanjang tahun ke atas aset baru yang dibeli	**22**	28
Pinjaman yang dinyahiktiraf dalam tempoh laporan disebabkan kematangan aset	**(18)**	(38)
Peruntukan sepanjang tahun disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit	**(12)**	36
Pada 31 Disember	**59**	67

12 ASET PEMBIAYAAN ISLAM

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
Berkaitan dengan:		
Aset pembiayaan rumah Islam	**10,842,232**	10,011,058
Pembiayaan peribadi Islam	**–**	18,895
	10,842,232	10,029,953
Struktur kematangan bagi aset pembiayaan Islam adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	**2,513,118**	1,835,052
Satu hingga tiga tahun	**5,823,131**	4,269,044
Tiga hingga lima tahun	**2,506,636**	3,926,484
	10,842,885	10,030,580
Tolak:		
Peruntukan penjejasan	**(653)**	(627)
	10,842,232	10,029,953

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

12 ASET PEMBIAYAAN ISLAM (SAMBUNGAN)

Nilai bawaan kasar aset pembiayaan Islam dan peruntukan penjejasan adalah dalam peruntukan peringkat 1 (ECL 12 bulan). Pergerakan dalam peruntukan penjejasan yang mencerminkan model penjejasan ECL adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
Peringkat 1		
Pada 1 Januari	**627**	222
Peruntukan sepanjang tahun ke atas aset baru yang dibeli	**87**	275
Pembiayaan yang dinyahiktiraf dalam tempoh laporan disebabkan kematangan aset	**(45)**	–
(Penghitungan semula)/peruntukan sepanjang tahun disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit	**(16)**	130
Pada 31 Disember	**653**	627

13 ASET GADAI JANJI – KONVENSIONAL

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
Pembelian tanpa rekursa ("PWOR")	**6,212,122**	6,939,324

Struktur kematangan bagi aset gadai janji – konvensional adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	**1,189,583**	1,223,236
Satu hingga tiga tahun	**1,583,150**	1,652,012
Tiga hingga lima tahun	**1,303,414**	1,415,695
Lebih daripada lima tahun	**2,931,508**	3,604,386
	7,007,655	7,895,329
Tolak:		
Diskaun belum dilunaskan	**(739,521)**	(914,556)
Pendahuluan bersih diterima	**(12,121)**	–
Peruntukan penjejasan	**(43,889)**	(41,449)
	6,212,124	6,939,324

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

13 ASET GADAI JANJI – KONVENSIONAL (SAMBUNGAN)

Nilai bawaan kasar aset gadai janji konvensional mengikut peringkat peruntukan adalah seperti berikut:

	Nilai bawaan kasar RM'000	Peruntukan penjejasan RM'000
Berdasarkan peringkat peruntukan:		
2019		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	**6,924,480**	**21,696**
Peringkat 2 (ECL seumur hidup; kredit tidak terjejas)	**24,616**	**3,400**
Peringkat 3 (ECL seumur hidup; kredit terjejas)	**58,559**	**18,793**
Pada 31 Disember	**7,007,655**	**43,889**
Peruntukan penjejasan ke atas nilai bawaan kasar (%)		**0.63**
2018		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	7,783,682	9,755
Peringkat 2 (ECL seumur hidup; kredit tidak terjejas)	17,731	1,713
Peringkat 3 (ECL seumur hidup; kredit terjejas)	93,916	29,981
Pada 31 Disember	7,895,329	41,449
Peruntukan penjejasan ke atas nilai bawaan kasar (%)		0.53

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

13 ASET GADAI JANJI – KONVENSIONAL (SAMBUNGAN)

Pergerakan dalam peruntukan penjejasan yang mencerminkan model penjejasan ECL adalah seperti berikut:

	Kumpulan			
	Peringkat 1 RM'000	**Peringkat 2 RM'000**	**Peringkat 3 RM'000**	**Jumlah RM'000**
2019				
Pada 1 Januari	**9,755**	**1,713**	**29,981**	**41,449**
Pemindahan antara peringkat:				
– Pemindahan kepada ECL 12 bulan (Peringkat 1)	**11,094**	**(3,306)**	**(7,788)**	**–**
– Pemindahan kepada ECL kredit tidak terjejas (Peringkat 2)	**(1,241)**	**1,660**	**(419)**	**–**
– Pemindahan kepada ECL kredit terjejas (Peringkat 3)	**(13,149)**	**(133)**	**13,282**	**–**
Jumlah pemindahan antara peringkat	**(3,296)**	**(1,779)**	**5,075**	**–**
Pinjaman dinyahiktiraf dalam tempoh ini (selain daripada hapuskira)	**(281)**	**(219)**	**(6,057)**	**(6,557)**
Peruntukan/(penghitungan semula) sepanjang tahun disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit	**15,518**	**3,685**	**(10,151)**	**9,052**
Jumlah dihapuskira	**–**	**–**	**(55)**	**(55)**
Pada 31 Disember	**21,696**	**3,400**	**18,793**	**43,889**
2018				
Pada 1 Januari	10,520	4,419	29,739	44,678
Pemindahan antara peringkat:				
– Pemindahan kepada ECL 12 bulan (Peringkat 1)	14,521	(1,624)	(12,897)	–
– Pemindahan kepada ECL kredit tidak terjejas (Peringkat 2)	(3,130)	4,372	(1,242)	–
– Pemindahan kepada ECL kredit terjejas (Peringkat 3)	(10,670)	(101)	10,771	–
Jumlah pemindahan antara peringkat	721	2,647	(3,368)	–
Pinjaman dinyahiktiraf dalam tempoh ini (selain daripada hapuskira)	(243)	(443)	(3,833)	(4,519)
(Penghitungan semula)/peruntukan sepanjang tahun disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit	(1,243)	(4,910)	7,676	1,523
Jumlah dihapuskira	–	–	(233)	(233)
Pada 31 Disember	9,755	1,713	29,981	41,449

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

14 ASET GADAI JANJI – ISLAM

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
PWOR	**7,209,409**	7,857,947

Struktur kematangan bagi aset gadai janji – Islam adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	**1,029,702**	1,017,812
Satu hingga tiga tahun	**1,472,055**	1,631,109
Tiga hingga lima tahun	**1,345,069**	1,434,957
Lebih daripada lima tahun	**4,169,236**	4,688,826
	8,016,062	8,772,704
Tolak:		
Diskaun belum dilunaskan	**(745,095)**	(878,661)
Pendahuluan bersih diterima	**(11,020)**	–
Peruntukan penjejasan	**(50,538)**	(36,096)
	7,209,409	7,857,947

Nilai bawaan kasar aset gadai janji Islam mengikut peringkat peruntukan adalah seperti berikut:

	Nilai bawaan kasar RM'000	**Peruntukan penjejasan RM'000**
Berdasarkan peringkat peruntukan:		
2019		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	**7,935,745**	**28,532**
Peringkat 2 (ECL seumur hidup; kredit tidak terjejas)	**23,830**	**3,892**
Peringkat 3 (ECL seumur hidup; kredit terjejas)	**56,487**	**18,114**
Pada 31 Disember	**8,016,062**	**50,538**
Peruntukan penjejasan ke atas nilai bawaan kasar (%)		**0.63**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

14 ASET GADAI JANJI – ISLAM (SAMBUNGAN)

Pergerakan dalam peruntukan penjejasan yang mencerminkan model penjejasan ECL adalah seperti berikut: (sambungan)

	Nilai bawaan kasar RM'000	Peruntukan penjejasan RM'000
Berdasarkan peringkat peruntukan:		
2018		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	8,685,531	10,946
Peringkat 2 (ECL seumur hidup; kredit tidak terjejas)	12,076	1,119
Peringkat 3 (ECL seumur hidup; kredit terjejas)	75,097	24,031
Pada 31 Disember	8,772,704	36,096
Peruntukan penjejasan ke atas nilai bawaan kasar (%)		0.41

Pergerakan dalam peruntukan penjejasan yang mencerminkan model penjejasan ECL adalah seperti berikut:

	Kumpulan			
	Peringkat 1 RM'000	Peringkat 2 RM'000	Peringkat 3 RM'000	Jumlah RM'000
2019				
Pada 1 Januari	**10,946**	**1,119**	**24,031**	**36,096**
Pemindahan antara peringkat:				
– Pemindahan kepada ECL 12 bulan (Peringkat 1)	**12,984**	**(3,806)**	**(9,178)**	–
– Pemindahan kepada ECL kredit tidak terjejas (Peringkat 2)	**(488)**	**916**	**(428)**	**–**
– Pemindahan kepada ECL kredit terjejas (Peringkat 3)	**(9,492)**	**(72)**	**9,564**	**–**
Jumlah pemindahan antara peringkat	**3,004**	**(2,962)**	**(42)**	**–**
Pembiayaan dinyahiktiraf dalam tempoh ini (selain daripada hapuskira)	**(238)**	**(131)**	**(5,543)**	**(5,912)**
Peruntukan/(penghitungan semula) sepanjang tahun disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit	**14,820**	**5,866**	**(332)**	**20,354**
Pada 31 Disember	**28,532**	**3,892**	**18,114**	**50,538**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

14 ASET GADAI JANJI – ISLAM (SAMBUNGAN)

Pergerakan dalam peruntukan penjejasan yang mencerminkan model penjejasan ECL adalah seperti berikut: (sambungan)

	Kumpulan			
	Peringkat 1 RM'000	**Peringkat 2 RM'000**	**Peringkat 3 RM'000**	**Jumlah RM'000**
2018				
Pada 1 Januari	11,611	5,175	24,686	41,472
Pemindahan antara peringkat:				
– Pemindahan kepada ECL 12 bulan (Peringkat 1)	11,458	(1,050)	(10,408)	–
– Pemindahan kepada ECL kredit tidak terjejas (Peringkat 2)	(4,103)	5,231	(1,128)	–
– Pemindahan kepada ECL kredit terjejas (Peringkat 3)	(9,735)	(54)	9,789	–
Jumlah pemindahan antara peringkat	(2,380)	4,127	(1,747)	–
Pembiayaan dinyahiktiraf dalam tempoh ini (selain daripada hapuskira)	(214)	(368)	(2,837)	(3,419)
Peruntukan/(penghitungan semula) sepanjang tahun disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit	1,929	(7,815)	3,964	(1,922)
Jumlah dihapuskira	–	–	(35)	(35)
Pada 31 Disember	10,946	1,119	24,031	36,096

15 ASET SEWA BELI – ISLAM

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
PWOR	**136**	781
Struktur kematangan bagi aset sewa beli – Islam adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	**147**	795
Tolak:		
Diskaun belum dilunaskan	**1**	1
Peruntukan penjejasan	**(12)**	(15)
	136	781

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

15 ASET SEWA BELI – ISLAM (SAMBUNGAN)

Nilai bawaan kasar aset sewa beli Islam mengikut peringkat peruntukan adalah seperti berikut:

	Nilai bawaan kasar RM'000	Peruntukan penjejasan RM'000
Berdasarkan peringkat peruntukan:		
2019		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	**111**	**–**
Peringkat 3 (ECL seumur hidup; kredit terjejas)	**36**	**12**
Pada 31 Disember	**147**	**12**
Peruntukan penjejasan ke atas nilai bawaan kasar (%)		**8.16**
2018		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	740	–
Peringkat 3 (ECL seumur hidup; kredit terjejas)	55	15
Pada 31 Disember	795	15
Peruntukan penjejasan ke atas nilai bawaan kasar (%)		1.89

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

15 ASET SEWA BELI – ISLAM (SAMBUNGAN)

Pergerakan dalam peruntukan penjejasan yang mencerminkan model penjejasan ECL adalah seperti berikut:

	Kumpulan		
	Peringkat 1 RM'000	**Peringkat 3 RM'000**	**Jumlah RM'000**
2019			
Pada 1 Januari	**–**	**15**	**15**
Pembiayaan dinyahiktiraf dalam tempoh ini (selain daripada hapuskira)	**–**	**(6)**	**(6)**
Peruntukan sepanjang tahun disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit	**–**	**3**	**3**
Pada 31 Disember	**–**	**12**	**12**
2018			
Pada 1 Januari	1	20	21
Pembiayaan dinyahiktiraf dalam tempoh ini (selain daripada hapuskira)(1)	(5)	(6)	
Pada 31 Disember	–	15	15

16 ASET-ASET LAIN

	Kumpulan	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
Pampasan belum diterima daripada pemberi pinjaman aset gadai janji	**469**	763
Pinjaman dan pembiayaan kakitangan	**2,899**	3,269
Deposit	**931**	906
Bayaran terdahulu	**2,713**	1,500
Aset-aset lain belum diterima	**159**	151
	7,171	6,589

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

17 HARTA DAN KELENGKAPAN

	Peralatan pejabat RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
Kos				
Pada 1 Januari 2019	**9,242**	**4,659**	**593**	**14,494**
Pertambahan	**837**	**22**	**199**	**1,058**
Pelupusan	**(262)**	**–**	**(89)**	**(351)**
Pada 31 Disember 2019	**9,817**	**4,681**	**703**	**15,201**
Susut nilai terkumpul				
Pada 1 Januari 2019	**(5,074)**	**(4,452)**	**(274)**	**(9,800)**
Caj pada tahun semasa	**(1,608)**	**(128)**	**(92)**	**(1,828)**
Pelupusan	**261**	**–**	**89**	**350**
Pada 31 Disember 2019	**(6,421)**	**(4,580)**	**(277)**	**(11,278)**
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2019	**3,396**	**101**	**426**	**3,923**
Kos				
Pada 1 Januari 2018	7,945	4,649	627	13,221
Pertambahan	1,336	10	333	1,679
Pelupusan	(39)	–	(367)	(406)
Pada 31 Disember 2018	9,242	4,659	593	14,494
Susut nilai terkumpul				
Pada 1 Januari 2018	(4,160)	(3,999)	(625)	(8,784)
Caj pada tahun semasa	(953)	(453)	(15)	(1,421)
Pelupusan	39	–	366	405
Pada 31 Disember 2018	(5,074)	(4,452)	(274)	(9,800)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2018	4,168	207	319	4,694

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

18 ASET TAK KETARA

	Hak perkhidmatan RM'000	Perisian komputer RM'000	Lesen perisian komputer RM'000	Kerja dalam progres RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan					
Kos					
Pada 1 Januari 2019	**16,712**	**12,128**	**25,311**	**281**	**54,432**
Pertambahan	**–**	**1,079**	**1,015**	**–**	**2,094**
Pemindahan sepanjang tahun	**–**	**–**	**281**	**(281)**	**–**
Pada 31 Disember 2019	**16,712**	**13,207**	**26,607**	**–**	**56,526**
Pelunasan terkumpul					
Pada 1 Januari 2019	**(13,374)**	**(12,104)**	**(6,105)**	**–**	**(31,583)**
Caj pada tahun semasa	**(564)**	**(51)**	**(2,948)**	**–**	**(3,563)**
Pada 31 Disember 2019	**(13,938)**	**(12,155)**	**(9,053)**	**–**	**(35,146)**
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2019	**2,774**	**1,052**	**17,554**	**–**	**21,380**
Kos					
Pada 1 Januari 2018	16,712	12,082	5,832	10,414	45,040
Pertambahan	–	46	9,065	281	9,392
Pemindahan sepanjang tahun	–	–	10,414	(10,414)	–
Pada 31 Disember 2018	16,712	12,128	25,311	281	54,432
Pelunasan terkumpul					
Pada 1 Januari 2018	(12,809)	(12,065)	(3,812)	–	(28,686)
Caj pada tahun semasa	(565)	(39)	(2,293)	–	(2,897)
Pada 31 Disember 2018	(13,374)	(12,104)	(6,105)	–	(31,583)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2018	3,338	24	19,206	281	22,849

Hak perkhidmatan dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh bagi kumpulan RMBS/IRMBS. Baki tempoh pelunasan aset tak ketara adalah di antara 1 hingga 8 tahun (2018: 2 hingga 9 tahun).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

19 ASET DENGAN HAK PENGGUNAAN

Aset dengan hak penggunaan terdiri daripada sewa bangunan pejabat yang dilunaskan sepanjang tempoh sewa.

	Kumpulan
	2019 RM'000
Kos	
Pada 1 Januari 2019	**–**
Kesan penerimaan MFRS 16	**4,916**
Seperti yang dinyatakan semula	**4,916**
Pertambahan	**–**
Pada 31 Disember 2019	**4,916**
Pelunasan terkumpul	
Pada 1 Januari 2019	**–**
Kesan penerimaan MFRS 16	**–**
Seperti yang dinyatakan semula	**–**
Caj pada tempoh semasa (Nota 38)	**(936)**
Pada 31 Disember 2019	**(936)**
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2019	**3,980**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

20 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk menolak aset cukai semasa daripada liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda tersebut mempunyai kaitan dengan penguatkuasa cukai yang sama. Jumlah berikut, yang ditentukan selepas diimbangi dengan sewajarnya, ditunjukkan di dalam penyata kedudukan kewangan.

	Kumpulan		Syarikat	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**	**2019 RM'000**	**2018 RM'000**
Aset cukai tertunda (sebelum diimbangi)	**32,498**	43,659	**–**	–
Liabiliti cukai tertunda (sebelum diimbangi)	**(613,691)**	(622,800)	**(3)**	(4)
Liabiliti cukai tertunda	**(581,193)**	(579,141)	**(3)**	(4)

Pergerakan cukai tertunda adalah seperti berikut:

Pada 1 Januari	**(579,141)**	(526,303)	**(4)**	(3)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan (Nota 39)	**27,926**	(53,570)	**1**	–
Diiktiraf dalam rizab	**(29,978)**	732	**–**	(1)
Pada 31 Disember	**(581,193)**	(579,141)	**(3)**	(4)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

20 CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Pergerakan aset dan liabiliti cukai tertunda bagi Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan terdiri daripada berikut:

	Kumpulan			
	Pada 1 Januari RM'000	Diiktiraf dalam penyata pendapatan RM'000	Diiktiraf dalam rizab RM'000	Pada 31 Disember RM'000
2019				
Aset cukai tertunda				
Kerugian bersih belum direalisasi ke atas penilaian semula instrumen kewangan di bawah perakaunan aliran tunai lindung nilai	15,067	–	(13,595)	1,472
Peruntukan	1,321	(237)	–	1,084
Penilaian semula rizab aset kewangan FVOCI	409	(409)	–	–
Perbezaan sementara berkaitan dengan:				
– faedah/untung terakru ke atas deposit dan penempatan	10	–	–	10
– ECL	19,848	(2,053)	–	17,795
– liabiliti pajakan	–	1,150	–	1,150
– yuran jaminan/Wakalah	7,004	3,983	–	10,987
	43,659	2,434	(13,595)	32,498
Liabiliti cukai tertunda				
Keuntungan bersih belum direalisasi ke atas penilaian semula instrumen kewangan di bawah perakaunan aliran tunai lindung nilai	(3,790)	–	23	(3,767)
Penilaian semula rizab aset kewangan FVOCI	(1,574)	–	(16,406)	(17,980)
Susut nilai dipercepatkan	(2,248)	1,011	–	(1,237)
Diskaun belum dilunaskan ke atas aset gadai janji	(613,475)	26,975	–	(586,500)
Perbezaan sementara berkaitan dengan:				
– faedah/untung terakru ke atas deposit dan penempatan	(1,257)	(1,543)	–	(2,800)
– aset dengan hak penggunaan	–	(951)	–	(951)
– ECL	(456)	–	–	(456)
	(622,800)	25,492	(16,383)	(613,691)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

20 CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Pergerakan aset dan liabiliti cukai tertunda bagi Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan terdiri daripada berikut: (sambungan)

	Kumpulan			
	Pada 1 Januari RM'000	Diiktiraf dalam penyata pendapatan RM'000	Diiktiraf dalam rizab RM'000	Pada 31 Disember RM'000
2018				
Aset cukai tertunda				
Keuntungan bersih belum direalisasi ke atas penilaian semula instrumen kewangan di bawah perakaunan aliran tunai lindung nilai	9,807	–	5,260	15,067
Peruntukan	308	1,013	–	1,321
Penilaian semula rizab aset kewangan FVOCI	322	410	(323)	409
Perbezaan sementara berkaitan dengan:				
– faedah/untung terakru ke atas deposit dan penempatan	–	10	–	10
– ECL	(1,061)	20,909	–	19,848
– yuran jaminan/Wakalah	4,064	2,940	–	7,004
	13,440	25,282	4,937	43,659
Liabiliti cukai tertunda				
Keuntungan bersih belum direalisasi ke atas penilaian semula instrumen kewangan di bawah perakaunan aliran tunai lindung nilai	(851)	–	(2,939)	(3,790)
Penilaian semula rizab aset kewangan FVOCI	(308)	–	(1,266)	(1,574)
Susut nilai dipercepatkan	(1,275)	(973)	–	(2,248)
Diskaun belum dilunaskan ke atas aset gadai janji	(536,003)	(77,472)	–	(613,475)
Perbezaan sementara berkaitan dengan:				
– faedah/untung terakru ke atas deposit dan penempatan	(850)	(407)	–	(1,257)
– ECL	(456)	–	–	(456)
	(539,743)	(78,852)	(4,205)	(622,800)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

20 CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Pergerakan aset dan liabiliti cukai tertunda bagi Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan terdiri daripada berikut: (sambungan)

	Syarikat			
	Pada 1 Januari RM'000	Diiktiraf dalam penyata pendapatan RM'000	Diiktiraf dalam rizab RM'000	Pada 31 Disember RM'000
2019				
Liabiliti cukai tertunda				
Perbezaan sementara berkaitan dengan faedah terakru ke atas deposit dan penempatan	**(4)**	**1**	**–**	**(3)**
2018				
Liabiliti cukai tertunda				
Perbezaan sementara berkaitan dengan faedah terakru ke atas deposit dan penempatan	(3)	–	(1)	(4)

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

	Syarikat	
	2019 RM'000	2018 RM'000
Syer tidak disebut harga pada kos	**4,181,628**	4,181,628

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

21 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Anak-anak syarikat bagi Syarikat adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti utama	Negara diperbadankan	Kepentingan langsung dan tidak langsung dalam ekuiti dipegang oleh Syarikat 2019 %	2018 %
Cagamas	Pembelian pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi serta aset sewa beli dan pemajakan daripada pemberi pinjaman primer yang diluluskan oleh Cagamas dan menerbitkan bon serta nota untuk membiayai pembelian tersebut. Cagamas turut membeli kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi dan pembiayaan sewa beli yang dibiayai menerusi terbitan Sukuk.	Malaysia	**100**	100
CGP*	Mengendalikan penerbitan bon dan nota dalam mata wang asing. CGP adalah anak syarikat milik penuh Cagamas.	Labuan	**100**	100
CGS*	Mengendalikan penerbitan Sukuk dalam mata wang asing. CGS adalah anak syarikat milik penuh Cagamas.	Malaysia	**100**	100
CMBS	Pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada LPPSA serta penerbitan RMBS dan IRMBS untuk membiayai pembelian tersebut.	Malaysia	**100**	100
CSRP	Penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit yang berkaitan dengan Skim Rumah Pertamaku (“SRP”) dan Skim Perumahan Belia (“SPB”).	Malaysia	**100**	100
CMGP**	Penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta lain-lain bentuk perlindungan kredit.	Malaysia	**100**	100
CSME**	Pembelian pinjaman Perniagaan Kecil dan Sederhana (“PKS”) dan/atau urus niaga produk tersusun melalui tunai atau pensekuritian sintetik atau gabungan kedua-duanya dan penerbitan bon untuk membiayai pembelian tersebut.	Malaysia	**100**	100

* kepentingan tidak langsung melalui pelaburan dalam Cagamas Berhad
** kedua-dua syarikat telah kekal dorman sepanjang tahun kewangan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

22 PELABURAN DALAM ENTITI TERSUSUN

	Syarikat	
	2019 RM'000	**2018 RM'000**
Syer tidak disebut harga pada kos	**–***	–*

* mewakili RM2

Entiti tersusun bagi Syarikat adalah seperti berikut:

		Kepentingan langsung dan tidak langsung dalam ekuiti dipegang oleh Syarikat	
Nama	**Aktiviti utama**	**2019 %**	**2018 %**
BNM Sukuk	Melaksanakan penerbitan pelaburan sekuriti Islam berasaskan prinsip Shariah yang dikenali sebagai Sukuk BNM Ijarah (SBI) untuk membiayai pembelian kepentingan bermanfaat bagi hartanah dan bangunan daripada BNM, dan kemudian memajakkan kembali hartanah dan bangunan yang sama kepada BNM untuk suatu tempoh berkontrak yang serupa dengan tempoh SBI, dan Sukuk BNM Murabahah (SBM) berasaskan prinsip Shariah pula diterbitkan melalui pengeluaran Sijil Amanah sebagai bukti pelabur memiliki kepentingan bermanfaat ke atas aset komoditi berserta keuntungannya, yang terbit daripada penjualan aset komoditi kepada BNM. Syarikat ini kekal dorman sejak 1 September 2015.	**100**	100

Keputusan dan aset bersih BNM Sukuk tidak disatukan kerana Kumpulan tidak mempunyai kuasa ke atas entiti tersebut. Kumpulan hanya bertindak sebagai pemudah cara bagi penerbitan SBI untuk membiayai pembelian kepentingan benefisial bagi tanah dan bangunan daripada BNM dan kemudian, menyewakan kembali hartanah dan bangunan tersebut kepada BNM, dan SBM berdasarkan prinsip-prinsip Shariah melalui penerbitan Sijil Amanah. Kumpulan tidak mempunyai kuasa untuk menentukan kegiatan entiti berkenaan dan tidak terdedah atau berhak ke atas pulangan hasil daripada penglibatannya dengan entiti tersebut. Kumpulan juga tidak mempunyai kuasa untuk memberi kesan kepada jumlah pulangan berkenaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
(SAMBUNGAN)

23 BON DAN NOTA PEMBAWA TIDAK BERCAGAR

		Kumpulan			
		2019		2018	
	Tahun matang	Jumlah belum tebus RM'000	Kadar faedah berkesan %	Jumlah belum tebus RM'000	Kadar faedah berkesan %
(a) Nota kadar terapung	2019	–	–	450,000	3.480-3.840
	2020	**100,000**	**3.460**	–	–
Tambah:					
Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan (RMD)

Memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. Ia adalah bebas daripada jabatan lain yang terlibat dalam aktiviti mengambil risiko dan melaporkan secara langsung kepada BRC.</td><td>Barisan Pertahanan Ketiga
Jabatan Audit Dalaman (IAD)

Bertanggungjawab untuk mengkaji secara bebas kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan terhadap dasar-dasar dalaman.</td></tr>
</table>

Nota: Juruaudit Luar menjalankan kajian bebas untuk mendapatkan jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan Kumpulan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

4.0 PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

4.3 Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP)

Secara umumnya, ICAAP melibatkan penilaian menyeluruh semua risiko penting yang terdedah kepada Cagamas, menilai kecukupan modal Cagamas berbanding dengan risikonya dan menetapkan sasaran modal yang sepadan dengan profil risiko serta persekitaran operasinya, dengan mengambil kira strategi perniagaan Cagamas dan tahap kesanggupannya menerima risiko. Berikut adalah komponen utama dalam ICAAP organisasi:

Tahap Kesanggupan Menerima Risiko

Tahap kesanggupan menerima risiko adalah tahap toleransi risiko yang boleh diterima bagi setiap kategori risiko penting dan parameter lain yang berkaitan dalam mencapai objektif perniagaan Cagamas. Ia tidak bertujuan untuk mencegah pengambilan risiko. Sebaliknya, ia memastikan risiko yang diambil oleh Cagamas adalah bersesuaian dengan strategi perniagaan yang dipilih.

Penilaian & Kuantifikasi Risiko Ketara

Komponen ini melibatkan analisis semua risiko yang dialami dalam aktiviti perniagaan dan mengiktiraf risiko yang Cagamas terdedah pada masa depan. Ini termasuk risiko yang boleh diukur dan tidak boleh diukur. Risiko dikumpulkan untuk menentukan risiko keseluruhan Cagamas di bawah ICAAP, termasuk penilaian kesan tekanan pada sasaran Nisbah Jumlah Modal dalaman.

Ujian Tekanan

Ujian tekanan yang rapi dan berpandangan ke hadapan merupakan sebahagian yang penting di dalam ICAAP, membolehkan Cagamas menilai kesan kepada kecukupan modal yang timbul daripada peristiwa buruk atau perubahan dalam keadaan pasaran. Ujian tekanan lanjut akan membolehkan Cagamas menilai kelemahan penyata kedudukan kewangan dan daya tahan rancangan kewangannya terhadap peristiwa tekanan melampau tetapi munasabah.

Bagi memastikan keberkesanan keputusan ujian tekanan, pelbagai senario diambil kira termasuk sekurang-kurangnya satu senario kelemahan ekonomi yang teruk tetapi munasabah, seperti kemelesetan ekonomi yang teruk dan/atau satu kejutan kecairan bagi keseluruhan sistem. Tekanan ini akan merangkumi seluruh syarikat yang meliputi semua bidang risiko yang berkaitan dan entiti penting. Keputusan ujian tekanan dibincangkan oleh MEC dan dilaporkan kepada BRC dan BOD.

Pengurusan Modal

Pengukuran modal sedia ada dan instrumen modal Cagamas diperincikan dalam Rangka Kerja Pengurusan Modal. Komponen yang dipertimbangkan dalam modal sedia ada dikaji semula atau dipertingkatkan apabila perlu bagi memastikan kesesuaian.

Kajian Bebas

Satu kajian ICAAP secara bebas akan dilakukan untuk mengkaji semula proses dan sistem untuk menilai pelbagai risiko yang terdedah oleh Cagamas dan untuk mengaitkan risiko-risiko dengan tahap modal. Skopnya termasuk kajian semula kesesuaian proses penilaian kecukupan modal dalaman, mengenal pasti risiko utama, kewajaran senario ujian tekanan, kewibawaan, kebolehupayaan mengesah dan kelengkapan input data dan andaian yang digunakan.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT

Risiko kredit boleh didefinisikan sebagai potensi kerugian kewangan berpunca daripada kegagalan pihak peminjam atau rakan niaga mematuhi komitmen kewangan atau kontrak. Risiko kredit dalam Cagamas timbul daripada perniagaan PWR dan PWOR, pelaburan dan aktiviti lindung nilai perbendaharaan. Cagamas berusaha mengambil risiko kredit yang menepati piawaian penaja jaminan dan memastikan risiko yang diambil setimpal dengan pulangan perniagaan.

Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Kredit

MEC adalah jawatankuasa pihak pengurusan yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan pendedahan risiko kredit Cagamas, dengan mengambil pandangan secara proaktif mengenai risiko-risiko bagi penempatan portfolio kredit. MEC yang dipengerusikan oleh CEO juga menyemak rangka kerja pengurusan risiko kredit, profil kredit bagi portfolio yang dianggap penting dan menyesuaikan pengurusan risiko kredit dengan strategi perniagaan.

Unit Perniagaan menjalankan penilaian kredit secara teliti sebelum dikemukakan kepada Bahagian Risiko Kredit di bawah RMD. Bahagian Risiko Kredit secara bebasnya akan membuat penilaian ke atas pihak rakan niaga dengan mengambil kira keteguhan kewangan dan profil perniagaan sebelum membuat cadangan kepada MEC. Bahagian Risiko Kredit bertanggungjawab untuk merangka dasar dan prosedur risiko kredit untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan melaporkan risiko kredit. Had kredit akan diluluskan oleh MEC dalam linkungan tahap kesanggupan menerima risiko seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Kebiasaannya, laporan risiko meliputi kualiti portfolio, perubahan penarafan dan tumpuan pendedahan risiko dikemukakan kepada BRC dan BOD bagi melaksanakan fungsi pengawasan.

Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit meliputi langkah merangka dasar risiko kredit dan manual tatacara di mana proses kredit, kawalan, kuasa memberi kelulusan, penarafan/permarkahan risiko dan proses semakan semula didokumenkan. Piawaian ini meliputi originasi kredit, mengukur dan mendokumentasi serta mengenal pasti masalah, klasifikasi dan langkah-langkah pemulihan.

Cagamas mengurus risiko kreditnya melalui penilaian yang menyeluruh ke atas pihak rakan niaga, mengenakan kriteria kelayakan secara berhemat dan melaksanakan usaha wajar ke atas pinjaman dan pembiayaan yang akan dibeli. Cagamas mempunyai sistem penarafan dalaman iaitu meletakkan had kredit maksimum yang dibenarkan bagi setiap kategori penarafan.

Had kredit akan disemak semula secara berkala dan akan ditentukan berdasarkan gabungan daripada penarafan luaran, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Aktiviti pembiayaan juga ditentukan oleh dasar kredit dalaman, manual tatacara dan Rangka Tahap Kesanggupan Menerima Risiko yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

Bidang Utama Pendedahan Kredit:

(a) Pembelian Dengan Rekursa (PWR)

Di bawah skim PWR, Cagamas mengambil risiko terhadap rakan niaga iaitu seperti risiko kredit di mana institusi yang membeli diberikan akur janji bagi pembelian semula atau menggantikan pinjaman yang tidak layak. Semakan semula terhadap rakan niaga dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam masa setahun disertai dengan maklumat terkini. Cagamas mengenakan had yang ketat terhadap pendedahan rakan niaga berasaskan kepada penarafan dan penilaian kredit dalaman. Di samping itu, tumpuan risiko di bawah PWR diurus dan dipantau melalui had tumpuan yang diwujud berasaskan kepada jenis rakan niaga dan jenis aset.

(b) Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR)

Bagi PWOR, Cagamas menanggung semua risiko kredit pinjaman dan pembiayaan yang dibeli di mana pembelian terhad kepada penjual dan aset yang diluluskan. Pembelian pinjaman ini diuruskan melalui pematuhan kepada kriteria kelayakan yang ketat dan pelaksanaan usaha wajar ke atas portfolio sebelum pembelian. Sebagai langkah mengawal risiko kredit seterusnya, pembelian PWOR mungkin meliputi ciri potongan gaji secara serta merta. Portfolio ini akan dipantau melalui had tumpuan berasaskan kepada jenis hartanah dan lokasi.

(c) Pelaburan dan Aktiviti Derivatif

Pengurusan risiko kredit yang berlaku daripada pelaburan lebihan dana Cagamas ini adalah dilaksanakan melalui penetapan had kredit rakan niaga. Had kredit ini diwujudkan berdasarkan penilaian ke atas kemantapan kredit niaga dan juga tertakluk pada polisi kredit dalam pelaburan yang menetapkan gred minima pelaburan untuk hutang sekuriti dan tempoh maksima. Polisi pelaburan ini tertakluk kepada semakan berkala. Pendedahan kredit juga dikawal melalui pemantauan secara bebas dan laporan lebihan dan pelanggaran had kelulusan dan ambang pengurangan risiko.

Pendedahan Syarikat ke atas Swap Kadar Faedah (IRS), Swap Kadar Keuntungan Islam (IPRS), Swap Mata Wang Bersilang (CCS) dan Swap Mata Wang Bersilang Islam (ICCS) adalah untuk tujuan perlindungan nilai perbendaharaan sahaja.

5.1 Kawalan Risiko Kredit

Secara umum, had kredit tidak diberi semata-mata berdasarkan kepada cagaran yang diberi kerana semua had kredit yang ditetapkan adalah berdasarkan kedudukan kredit rakan niaga, sumber bayaran balik dan keupayaan untuk membayar hutang.

Di bawah skim PWR, Cagamas menerima jaminan daripada syarikat induk korporat dan institusi rakan niaga bagi mengawal risiko kredit yang tertakluk kepada garis panduan dan dasar dalaman. Pendedahan kredit yang dilindungi oleh penjamin yang layak, adalah berasaskan kepada wajaran risiko yang sesuai kepada penjamin berkenaan. Menurut garis panduan RWCAF BNM, jaminan ini tidak akan dipertimbangkan sekali lagi untuk tujuan kawalan risiko kredit kerana penarafannya sudah mengambil kira jaminan yang diberi oleh syarikat induk rakan niaga tersebut.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.1 Kawalan Risiko Kredit (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan keperluan modal kawal selia minimum untuk risiko kredit:

	Jumlah pendedahan sebelum Kawalan Risiko Kredit RM'000	Jumlah pendedahan selepas Kawalan Risiko Kredit RM'000	Aset berwajaran risiko RM'000	Keperluan modal minimum pada 10.5% (2018: 8.0%) RM'000
2019				
Kelas Pendedahan Risiko Kredit				
Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:				
Kerajaan & Bank Pusat	**1,483,669**	**1,483,669**	**–**	**–**
Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & Pembangunan Pelbagai Hala Bank	**27,535,704**	**27,535,704**	**6,659,760**	**699,275**
Syarikat Korporat & Pemajakan	**1,329,689**	**1,329,689**	**371,083**	**38,963**
Aset gadai janji	**10,263,642**	**10,263,642**	**4,761,754**	**499,984**
Aset sewa beli	**101**	**101**	**46**	**5**
Aset-aset lain	**38,730**	**38,730**	**38,730**	**4,067**
Pendedahan ingkar	**83,135**	**83,135**	**329,910**	**34,641**
Jumlah	**40,734,670**	**40,734,670**	**12,161,283**	**1,276,935**
Pendedahan Luar Penyata Kewangan:				
Instrumen kewangan derivatif	**179,724**	**179,724**	**35,945**	**3,774**
Jumlah Pendedahan Kredit	**40,914,394**	**40,914,394**	**12,197,228**	**1,280,709**
2018				
Kelas Pendedahan Risiko Kredit				
Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:				
Kerajaan & Bank Pusat	1,384,619	1,384,619	–	–
Bank, Institusi Kewangan Pembangunan & Pembangunan Pelbagai Hala Bank	30,879,026	30,879,026	7,304,430	584,354
Syarikat Korporat & Pemajakan	1,197,322	1,197,322	315,687	25,255
Aset gadai janji	11,152,743	11,152,743	3,414,251	273,140
Aset sewa beli	728	728	201	16
Aset-aset lain	75,070	75,070	75,070	6,006
Pendedahan ingkar	107,548	107,548	428,795	34,304
Jumlah	44,797,056	44,797,056	11,538,434	923,075
Pendedahan Luar Penyata Kewangan:				
Instrumen kewangan derivatif	670,721	670,721	134,144	10,731
Jumlah Pendedahan Kredit	45,467,777	45,467,777	11,672,578	933,806

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit

Pihak rakan niaga utama Cagamas adalah Kerajaan Malaysia (GOM), institusi kewangan, institusi kewangan pembangunan dan syarikat korporat di Malaysia. Jadual berikut menunjukkan analisis pendedahan kredit aset kewangan sebelum kesan kawalan risiko kredit mengikut:

(a Analisis industri berasaskan pengagihan industri:

2019	Tunai dan dana jangka pendek RM'000	Instrumen kewangan derivatif RM'000	Aset kewangan FVOCI RM'000	Aset kewangan FVTPL RM'000	Jumlah terhutang daripada rakan niaga RM'000	Aset pembiayaan Islam RM'000	Aset gadai janji Konvensional RM'000	Aset gadai janji Islam RM'000	Aset sewa beli-Islam RM'000	Aset-aset lain RM'000	Jumlah RM'000
Badan kerajaan	–	–	1,069,398	–	–	–	–	–	–	469	1,069,867
Institusi kewangan:											
– Bank komersial	247,189	58,422	158,961	–	16,114,189	10,480,965	–	–	–	–	27,059,726
– Bank pelaburan	94,118	–	–	–	–	–	–	–	–	–	94,118
– Bank pembangunan	–	–	91,848	–	–	361,267	–	–	–	–	453,115
Komunikasi, elektrik, gas dan air	–	–	179,509	–	–	–	–	–	–	–	179,509
Pengangkutan	–	–	384,292	–	–	–	–	–	–	–	384,292
Pemajakan	–	–	–	–	542,965	–	–	–	–	–	542,965
Pengguna	–	–	–	–	–	–	4,836,313	5,510,428	136	–	10,346,877
Korporat	–	–	221,164	141,383	–	–	–	–	–	–	362,547
Pembinaan	–	–	35,615	–	–	–	–	–	–	–	35,615
Lain-lain	–	–	167,778	–	–	–	–	–	–	8,978	176,756
Jumlah	341,307	58,422	2,308,565	141,383	16,657,154	10,842,232	4,836,313	5,510,428	136	9,447	40,705,387

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(a) Analisis industri berasaskan pengagihan industrinya (sambungan):

2018	Tunai dan dana jangka pendek RM'000	Instrumen kewangan derivatif RM'000	Aset kewangan FVOCI RM'000	Jumlah terhutang daripada rakan niaga RM'000	Aset pembiayaan Islam RM'000	Aset gadai janji-Konvensional RM'000	Aset gadai janji-Islam RM'000	Aset sewa beli-Islam RM'000	Aset-aset lain RM'000	Jumlah RM'000
Badan kerajaan	–	–	952,666	–	–	–	–	–	773	953,439
Institusi kewangan:										
– Bank komersial	144,550	362,078	364,632	19,875,677	10,029,953	–	–	–	–	30,776,890
– Bank pelaburan	42,242	–	–	–	–	–	–	–	–	42,242
– Bank pembangunan	–	–	151,135	–	–	–	–	–	–	151,135
Komunikasi, elektrik, gas dan air	–	–	100,565	–	–	–	–	–	–	100,565
Pengangkutan	–	–	365,378	–	–	–	–	–	–	365,378
Pemajakan	–	–	–	529,247	–	–	–	–	–	529,247
Pengguna	–	–	–	–	–	5,344,710	5,915,527	781	–	11,261,018
Korporat	–	–	192,685	–	–	–	–	–	–	192,685
Pembinaan	–	–	76,090	–	–	–	–	–	–	76,090
Lain-lain	–	–	273,134	–	–	–	–	–	6,878	280,012
Jumlah	186,792	362,078	2,476,285	20,404,924	10,029,953	5,344,710	5,915,527	781	7,651	44,728,701

(b) Analisis berdasarkan lokasi geografi tidak diperlukan kerana kesemua pendedahan kredit melibatkan pendedahan domestik.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(c) Analisis kematangan berdasarkan baki kematangan kontrak

2019	Dalam satu tahun RM'000	Satu hingga tiga tahun RM'000	Tiga hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Tanpa faedah/ Tanpa untung RM'000	Jumlah RM'000
Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:						
Tunai dan dana jangka pendek	230,501	–	–	–	110,806	341,307[^1]
Aset kewangan FVOCI	587,652	538,057	500,125	682,859	(128)	2,308,565[^2]
Aset kewangan FVTPL	141,383	–	–	–	–	141,383
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	7,491,962	8,527,330	–	637,921	(59)	16,657,154[^3]
Aset pembiayaan Islam	2,513,118	5,823,131	2,506,636	–	(653)	10,842,232[^4]
Aset gadai janji:						
– Konvensional	879,063	1,114,449	933,455	2,527,182	(617,836)	4,836,313[^5]
– Islam	732,210	967,240	905,246	3,557,112	(651,380)	5,510,428[^6]
Aset sewa beli:						
– Konvensional	2	–	–	–	(2)	–[^7]
– Islam	147	–	–	–	(11)	136[^8]
Aset-aset lain	22,854	16,004	492	22,506	35,296	97,152
Jumlah pendedahan dalam penyata kewangan	12,598,892	16,986,211	4,845,954	7,427,580	(1,123,967)	40,734,670
Pendedahan Luar Penyata Kewangan:						
IRS/IPRS	4,860	29,165	3,300	44,725	–	82,050
CCS/ICCS	73,068	24,606	–	–	–	97,674
Jumlah Pendedahan Kredit	12,676,820	17,039,982	4,849,254	7,472,305	(1,123,967)	40,914,394

[^1] Termasuk kerugian penjejasan ke atas tunai dan dana jangka pendek RM105,036.
[^2] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset kewangan FVOCI RM127,815.
[^3] Termasuk kerugian penjejasan ke atas jumlah terhutang daripada rakan niaga RM59,047.
[^4] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset pembiayaan Islam RM653,198.
[^5] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji konvensional RM34,992,500.
[^6] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji Islam RM35,084,485.
[^7] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli konvensional RM2,059.
[^8] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli Islam RM12,461.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(c) Analisis kematangan berdasarkan baki kematangan kontrak

2018	Dalam satu tahun RM'000	Satu hingga tiga tahun RM'000	Tiga hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Tanpa faedah/ Tanpa untung RM'000	Jumlah RM'000
Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:						
Tunai dan dana jangka pendek	116,537	–	–	–	70,255	186,792
Aset kewangan FVOCI	518,227	475,208	676,771	806,079	–	2,476,285
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	6,004,319	8,420,632	5,345,008	635,032	(67)	20,404,924[^1]
Aset pembiayaan Islam	1,835,052	4,269,044	3,926,484	–	(627)	10,029,953[^2]
Aset gadai janji:						
– Konvensional	893,068	1,150,650	1,007,432	3,013,592	(720,032)	5,344,710[^3]
– Islam	732,631	986,926	944,979	3,979,811	(728,820)	5,915,527[^4]
Aset sewa beli:						
– Konvensional	2	–	–	–	(2)	–[^5]
– Islam	795	–	–	–	(14)	781[^6]
Aset-aset lain	356,716	1,699	795	6,900	71,974	438,084
Jumlah pendedahan dalam penyata kewangan	10,457,347	15,304,159	11,901,469	8,441,414	(1,307,333)	44,797,056
Pendedahan Luar Penyata Kewangan:						
IRS/IPRS	–	38,456	20,750	30,739	–	89,945
CCS/ICCS	375,388	205,388	–	–	–	580,776
Jumlah Pendedahan Kredit	10,832,735	15,548,003	11,922,219	8,472,153	(1,307,333)	45,467,777

[^1] Termasuk kerugian penjejasan ke atas jumlah terhutang daripada rakan niaga RM66,581.
[^2] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset pembiayaan Islam RM627,130.
[^3] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji konvensional RM28,210,459.
[^4] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset gadai janji Islam RM24,261,116.
[^5] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli konvensional RM2,059.
[^6] Termasuk kerugian penjejasan ke atas aset sewa beli Islam RM14,937.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.3 Pendedahan Luar Penyata Kewangan dan Risiko Kredit Rakan Niaga (CCR)

CCR ke atas instrumen kewangan derivatif adalah risiko rakan niaga Cagamas menghadapi keingkaran dalam pertukaran mata wang asing, kadar untung/faedah, komoditi, ekuiti, opsyen atau kontrak derivatif kredit sebelum tarikh matang kontrak berkenaan dan Cagamas, pada masa berkaitan, mempunyai tuntutan ke atas pihak rakan niaga tersebut. Instrumen kewangan derivatif adalah terhad kepada kontrak berkaitan kadar untung/faedah dan pertukaran mata wang asing yang dibuat hanya untuk tujuan lindung nilai.

Pendedahan Luar Penyata Kewangan	Jumlah Pokok RM'000	Nilai Saksama Positif Kontrak Derivatif RM'000	Jumlah Persamaan Kredit RM'000	Aset Berwajaran Risiko RM'000
2019				
Instrumen Kewangan Derivatif	**6,148,652**	**58,422**	**179,724**	**35,945**
IRS/IPRS				
– Kurang dari 1 tahun	**1,560,000**	**1,710**	**4,861**	**972**
– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	**1,755,000**	**7,265**	**32,465**	**6,493**
– 5 tahun dan ke atas	**160,000**	**20,725**	**44,725**	**8,945**
CCS/ICCS				
– Kurang dari 1 tahun	**2,399,965**	**20,537**	**73,067**	**14,614**
– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	**273,687**	**8,185**	**24,606**	**4,921**
2018				
Instrumen kewangan derivatif	7,873,652	362,078	670,721	134,144
IRS/IPRS				
– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	3,315,000	856	59,206	11,841
– 5 tahun dan ke atas	160,000	5,139	30,739	6,148
CCS/ICCS				
– Kurang dari 1 tahun	1,725,000	319,325	375,387	75,077
– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	2,673,652	36,758	205,389	41,078

5.4 Penarafan Kredit

5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian

Di bawah Pendekatan Piawaian, Cagamas menggunakan penarafan kredit yang ditetapkan oleh Agensi Penarafan Kredit untuk mengira aset berwajaran risiko kredit untuk PWR, Pelaburan, IRS dan CCS menurut RWCAF BNM. Agensi penarafan atau Institusi Penaksiran Kredit Luar (ECAI) yang diiktiraf oleh BNM adalah seperti berikut:

(i) Standard & Poor's Rating Services (S&P)

(ii) Moody's Investors Service (Moody's);

(iii) Fitch Ratings (Fitch);

(iv) RAM Rating Services Berhad (RAM);

(v) Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC); dan

(vi) Rating & Investment Information, Inc (R&I).

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian (sambungan)

Berdasarkan kepada RWCAF BNM, apabila penarafan pendedahan dilakukan oleh lebih daripada sebuah agensi penarafan luar, wajaran risiko akan ditentukan berasaskan kepada penarafan kedua tertinggi. Bagi Cagamas, jika pendedahan didenominasikan dalam mata wang tempatan dan apabila penarafan pendedahan dilakukan oleh lebih daripada sebuah agensi penarafan tempatan, wajaran risiko ditentukan berdasarkan penarafan tempatan kedua tertinggi. Rakan niaga dianggap tidak ditaraf apabila sesebuah pendedahan itu tidak ditaraf oleh agensi penarafan tersebut, manakala pendedahan yang dilindungi oleh jaminan nyata yang dikeluarkan oleh penjamin yang layak atau sudah ditaraf, penarafan serupa yang diberikan kepada penjamin itu akan digunakan. Bagi tujuan penarafan dalaman Cagamas, penarafan yang terendah akan diambil bagi situasi di mana rakan niaga ditaraf oleh lebih daripada sebuah agensi penarafan luar.

Jadual berikut menunjukkan pendedahan kredit Cagamas selepas kesan mitigasi risiko kredit mengikut wajaran risiko:

Wajaran Risiko	Kerajaan & Bank Pusat RM'000	FI & DFI* RM'000	Syarikat Korporat & Pemajakan RM'000	Aset-aset Lain RM'000	Jumlah Aset Berwajaran Risiko RM'000
2019					
0%	**1,483,669**	**–**	**–**	**1**	**–**
10%	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**
20%	**–**	**23,873,365**	**979,205**	**–**	**4,970,514**
50%	**–**	**3,842,063**	**350,484**	**–**	**2,096,275**
100%	**–**	**–**	**–**	**38,729**	**38,729**
Jumlah	**1,483,669**	**27,715,428**	**1,329,689**	**38,730**	**7,105,518**
Purata Wajaran Risiko	**0.0%**	**24.2%**	**27.9%**	**100.0%**	**23.2%**
2018					
0%	1,384,619	–	–	–	–
10%	–	–	–	–	–
20%	–	27,787,664	943,246	–	5,746,090
50%	–	3,762,083	254,076	–	2,008,171
100%	–	–	–	75,070	75,070
Jumlah	1,384,619	31,549,747	1,197,322	75,070	7,829,331
Purata Wajaran Risiko	0.0%	23.6%	26.4%	100.0%	22.9%

* FI – Institusi Kewangan DFI – Institusi Kewangan Pembangunan

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian (sambungan)

Jadual berikut adalah ringkasan petaan matrik berwajaran risiko dan pengagihan berwajaran risiko berdasarkan Pendekatan Piawaian:

Ditaraf Peringkat Pendedahan:	**Penarafan Rakan Niaga diluluskan oleh ECAI**				
Moody's	Aaa hingga Aa3	A1 hingga A3	Baa1 hingga Ba3	B1 hingga C	Tidak ditaraf
S&P	AAA hingga AA–	A+ hingga A–	BBB+ hingga BB–	B+ hingga D	Tidak ditaraf
Fitch	AAA hingga AA–	A+ hingga A–	BBB+ hingga BB–	B+ hingga D	Tidak ditaraf
RAM	AAA hingga AA3	A hingga A3	BBB1 hingga BB3	B1 hingga C	Tidak ditaraf
MARC	AAA hingga AA–	A+ hingga A–	BBB+ hingga BB–	B+ hingga D	Tidak ditaraf
R&I Inc	AAA hingga AA–	A+ hingga A–	BBB+ hingga BB–	B+ hingga D	Tidak ditaraf

Pendedahan di dalam dan di luar penyata kedudukan kewangan	**RM'000**	**RM'000**	**RM'000**	**RM'000**	**RM'000**
2019					
Kerajaan/Bank Pusat#	**1,483,669**	**–**	**–**	**–**	**–**
FI dan DFI	**23,873,365**	**3,842,063**	**–**	**–**	**–**
Syarikat Korporat dan Pemajakan	**979,205**	**350,484**	**–**	**–**	**–**
Aset-aset lain	**–**	**–**	**–**	**–**	**38,730**
Jumlah	**26,336,239**	**4,192,547**	**–**	**–**	**38,730**
2018					
Kerajaan/Bank Pusat#	1,384,619	–	–	–	–
FI dan DFI	27,787,664	3,762,083	–	–	–
Syarikat Korporat dan Pemajakan	943,246	254,076	–	–	–
Aset-aset lain	–	–	–	–	75,070
Jumlah	30,115,529	4,016,159	–	–	75,070

Di bawah RWCAF BNM, pendedahan kepada dan/atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia diberikan wajaran risiko kedaulatan keutamaan sebanyak 0%.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

5.4.2 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman Lanjutan (AIRB)

Cagamas mengambil pendekatan AIRB bagi pendedahan PWOR yang terdiri daripada pinjaman gadai janji dan pinjaman sewa beli dengan menggunakan 3 parameter utama iaitu Kemungkinan Berlaku Ingkar (PD), Kerugian Akibat Ingkar (LGD) dan Pendedahan Sewaktu Ingkar (EAD) bagi mengira risiko kredit

Anggaran risiko dirangka berasaskan kepada sejarah data dalaman di mana kajian ke atas sejarah perilaku portfolio telah membentuk dasar pengiraan PD dan LGD. EAD adalah pendedahan yang berlaku apabila berlakunya kelewatan pembayaran.

Laporan pendedahan mengikut julat PD:

	EAD RM'000	LGD %	Kadar Berwajaran RW %	RWA RM'000
2019				
Aset Gadai Janji				
Julat PD: sehingga 0.5%	**–**	**–**	**–**	**–**
>0.5% hingga 3%	**11,480,796**	**32.08%**	**40.95%**	**4,701,371**
>3% hingga <100%	**36,013**	**32.08%**	**167.67%**	**60,383**
100%	**83,097**	**32.08%**	**396.84%**	**329,759**
Aset Sewa Beli				
Julat PD: sehingga 0.5%	**–**	**–**	**–**	**–**
>0.5% hingga 3%	**112**	**32.08%**	**40.95%**	**46**
>3% hingga <100%	**–**	**–**	**–**	**–**
100%	**38**	**32.08%**	**396.84%**	**151**
Jumlah	**11,600,056**			**5,091,710**
2018				
Aset Gadai Janji				
Julat PD: sehingga 0.5%	–	–	–	–
>0.5% hingga 3%	12,601,597	32.08%	27.09%	3,414,251
>3% hingga <100%	–	–	–	–
100%	107,491	32.08%	398.71%	428,576
Aset Sewa Beli				
Julat PD: sehingga 0.5%	–	–	–	–
>0.5% hingga 3%	743	32.08%	27.09%	201
>3% hingga <100%	–	–	–	–
100%	55	32.08%	398.71%	219
Jumlah	12,709,886			3,843,247

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.5 Lampau Tempoh dan Pinjaman Terjejas

Sila rujuk kepada Nota 2 kepada penyata kewangan bagi dasar-dasar perakaunan dan andaian bagi penilaian penjejasan jumlah terhutang dan pembiayaan. Dasar perakaunan bagi penjejasan diterimapakai oleh Kumpulan.

(a) Jadual berikut adalah ringkasan bagi peruntukan penjejasan mengikut tujuan ekonomi:

	Tidak lampau tempoh melebihi 90 hari mahupun terjejas secara individu RM'000	Lampau tempoh melebihi 90 hari tetapi tidak terjejas secara individu RM'000	Jumlah RM'000	Peruntukan bagi kerugian penjejasan RM'000	Jumlah nilai bawahan RM'000
2019					
Pembelian aset gadai janji	**37,290,826**	**83,097**	**37,373,923**	**70,760**	**37,303,163**
Pembelian kenderaan bermotor/peralatan	**543,105**	**38**	**543,143**	**43**	**543,100**
	37,833,931	**83,135**	**37,917,066**	**70,803**	**37,846,263**
2018					
Pembelian aset gadai janji	41,092,628	107,491	41,200,119	53,142	41,146,977
Pembelian kenderaan bermotor/peralatan	530,011	57	530,068	40	530,028
Kegunaan persendirian	18,890	–	18,890	–	18,890
	41,641,529	107,548	41,749,077	53,182	41,695,895

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.5 Lampau Tempoh dan Pinjaman Terjejas (sambungan)

(b) Jadual berikut adalah rumusan peruntukkan penjejasan mengikut jenis produk:

	Tidak lampau tempoh melebihi 90 hari mahupun terjejas secara individu RM'000	Lampau tempoh melebihi 90 hari tetapi tidak terjejas secara individu RM'000	Jumlah RM'000	Peruntukan bagi kerugian penjejasan RM'000	Jumlah nilai bawahan RM'000
2019					
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	**16,657,213**	**–**	**16,657,213**	**59**	**16,657,154**
Aset pembiayaan Islam	**10,842,885**	**–**	**10,842,885**	**653**	**10,842,232**
Aset gadai janji					
– Konvensional	**4,826,374**	**44,932**	**4,871,306**	**34,993**	**4,836,313**
– Islam	**5,507,347**	**38,165**	**5,545,512**	**35,084**	**5,510,428**
Aset sewa beli					
– Konvensional	**–**	**2**	**2**	**2**	**–**
– Islam	**112**	**36**	**148**	**12**	**136**
	37,833,931	**83,135**	**37,917,066**	**70,803**	**37,846,263**
2018					
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	20,404,991	–	20,404,991	67	20,404,924
Aset pembiayaan Islam	10,030,580	–	10,030,580	627	10,029,953
Aset gadai janji					
– Konvensional	5,312,311	60,609	5,372,920	28,210	5,344,710
– Islam	5,892,906	46,882	5,939,788	24,261	5,915,527
Aset sewa beli					
– Konvensional	–	2	2	2	–
– Islam	741	55	796	15	781
	41,641,529	107,548	41,749,077	53,182	41,695,895

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

6.0 RISIKO PASARAN & KECAIRAN

Risiko pasaran adalah potensi kerugian yang berlaku daripada pergerakan harga pasaran dan kadar faedah. Pendedahan terhadap risiko pasaran adalah terhad kepada kadar faedah dan pertukaran mata wang asing memandangkan Cagamas tidak terlibat di dalam aktiviti ekuiti atau perdagangan komoditi. Cagamas tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dan pertukaran mata wang asing daripada aktiviti perdagangan yang dilakukan kerana aktiviti itu adalah dilarang.

Risiko kecairan berlaku apabila Cagamas tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan tanggungjawab kewangannya apabila ianya perlu dijelaskan.

Pengawasan dan Penyusunan Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan

ALCO adalah jawatankuasa pihak pengurusan yang bertanggungjawab dalam pengurusan aktiviti risiko pasaran dan kecairan termasuk menentukan had risiko. ALCO yang dipengerusikan oleh CEO menyemak dasar risiko pasaran dan kecairan Cagamas, strategi pembiayaan, menyelaraskan pengurusan risiko pasaran dan risiko kecairan dengan strategi perniagaan dan mengkaji semula prestasi portfolio pelaburan, kedudukan perlindungan nilai perbendaharaan dan juga had/pematuhan risiko dan keputusan ujian tekanan.

RMD menyokong ALCO di peringkat awal kerja dan merupakan unit kawalan risiko secara bebas yang bertanggungjawab dalam membangunkan dasar risiko pasaran dan kecairan bagi memastikan pengawasan kawalan risiko yang mencukupi.

Pendekatan Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan

Cagamas menguruskan risiko pasaran dan risiko kecairan dengan menetapkan ambang had yang diluluskan oleh pihak pengurusan dalam parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan hubungan pulangan risiko.

Di samping itu, Cagamas juga berpegang kepada dasar padanan pembiayaan yang ketat di mana semua pembelian aset dibiayai oleh bon yang dipadankan dengan saiz hampir sepadan serta tempoh dan mencukupi dari segi aliran tunai. Mekanisma kecairan masa depan telah tersedia untuk menggalakkan pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan dan pada masa yang sama mengelakkan tumpuan pembiayaan yang berlebihan.

Cagamas merancang aliran tunainya dan mengawasi dengan teliti setiap urus niaga perniagaan bagi memastikan dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Rizab kecairan yang meliputi sekuriti hutang boleh niaga juga disediakan untuk menghadapi kurangan aliran tunai di luar jangkaan atau keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan di pasaran kewangan.

Instrumen derivatif seperti swap kadar untung/faedah dan swap mata wang bersilang digunakan untuk mengurus dan melindung nilai pendedahan risiko pasaran daripada perubahan kadar faedah. Proses pengurusan kecairan melibatkan pemantauan berkala terhadap had risiko kecairan, dan mewujudkan pelan pembiayaan luar jangka. Proses-proses ini tertakluk kepada semakan berkala. Cagamas juga memantau kecairan berasaskan kepada nisbah liputan kecairan dan nisbah pembiayaan stabil bersih Basel III.

6.1 Pengurusan Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan

Risiko kadar faedah dalam buku perbankan dipantau secara bulanan dan pendedahannya adalah minimal kerana pendekatan pembiayaan padanan yang diterimapakai oleh Cagamas bagi aset dan liabilitinya. Kesan ke atas pendapatan faedah bersih telah disimulasikan dan jadual berikut meringkaskan kesan yang timbul dari peralihan selari 100 mata asas.

Jenis Mata Wang	Kesan pada Kedudukan Sekata 31 Disember 2019	
	(–100 mata asas) Anjakan Selari	(+100 mata asas) Anjakan Selari
	Penurunan dalam Pendapatan Faedah Bersih RM'000	Peningkatan dalam Pendapatan Faedah Bersih RM'000
MYR	**(5,398)**	**5,404**

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

6.0 RISIKO PASARAN & KECAIRAN (SAMBUANGAN)

6.1 Pengurusan Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan (sambungan)

Jenis Mata Wang	Kesan pada Kedudukan Sekata 31 Disember 2018	
	(–100 mata asas) Anjakan Selari	**(+100 mata asas) Anjakan Selari**
	Penurunan dalam Pendapatan Faedah Bersih RM'000	Peningkatan dalam Pendapatan Faedah Bersih RM'000
MYR	(3,685)	3,691

6.2 Pengurusan Bukan Dagangan Risiko Pertukaran Asing

Cagamas terdedah kepada risiko pertukaran asing daripada aktiviti pembiayaan perbendaharaan di mana nilai mata wang fungsian bukan dalam Ringgit Malaysia. Risiko mata wang asing diuruskan/dilindung nilai dengan membuat CCS/ICCS dengan pihak yang dipilih pada peringkat awal dan serentak dengan penerbitan bon dan pembelian aset untuk memastikan bahawa tidak ada ketidakpadanan masa di antara aliran tunai daripada aset, liabiliti ke atas bon mata wang asing serta instrumen lindung nilai.

7.0 RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah kerugian berpotensi akibat kelemahan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau akibat daripada peristiwa luaran. Ia termasuk risiko reputasi yang berkaitan dengan amalan perniagaan Cagamas atau pengendalian pasaran. Ia juga termasuk risiko gagal untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang digunapakai.

Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Operasi

MEC mentadbir risiko operasi dalam Cagamas. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap suku tahun dan membincangkan isu-isu berkaitan risiko operasi.

RMD telah menggariskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi Syarikat (ORM) yang menjelaskan pendekatan Cagamas terhadap pengurusan risiko operasi yang merangkumi Penilaian Kendiri Risiko & Kawalan Syarikat/Piawaian dan Polisi Risiko Operasi. Bahagian risiko operasi RMD menyediakan pengawasan bebas daripada pemantauan dan kawalan risiko operasi. Risiko perundangan diuruskan oleh Jabatan Undang-undang dan jika perlu, khidmat nasihat perundangan dari luar akan diambil.

Pendekatan Pengurusan Risiko Operasi

Dasar Pengurusan Risiko Operasi menetapkan prinsip teras pentadbiran bagi pengurusan risiko operasi dan menyediakan rangka kerja tambah nilai yang konsisten untuk menilai, menyampaikan secara komunikasi risiko operasi dan keberkesanan keseluruhan persekitaran kawalan dalaman.

Unit Perniagaan/Sokongan merupakan satu bahagian penting dalam rangka kerja pengurusan risiko operasi dan mempunyai tanggungjawab utama terhadap pengurusan risiko operasi harian. Unit-unit ini bertanggungjawab untuk mewujudkan dan mengekalkan manual operasi masing-masing dan memastikan aktiviti yang dilakukan mematuhi rangka kerja pengurusan risiko operasi Kumpulan. Setiap unit perniagaan/sokongan menjalankan penilaian kendiri persekitaran risiko dan kawalan persekitaran untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko operasinya. Kerugian dan kejadian risiko operasi dilaporkan kepada pihak pengurusan dan BRC melalui RMD yang melaksanakan penilaian secara bebas.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3
(SAMBUNGAN)

7.0 RISIKO OPERASI (SAMBUNGAN)

Pendekatan Pengurusan Risiko Operasi (sambungan)

Pengurusan meletakkan nilai yang sangat tinggi untuk mengekalkan persekitaran kawalan yang berkesan untuk mengurangkan risiko operasi. Oleh itu, beberapa alat telah disediakan untuk mengurangkan risiko ini. Alat ini terdiri daripada:

- Penilaian Kendiri Risiko & Kawalan ("RCSA") merupakan satu proses penilaian berterusan bagi risiko dan kawalan operasi yang wujud untuk mengenal pasti jurang kawalan dan untuk membangunkan pelan tindakan bagi menutup jurang tersebut. Ia adalah alat memprofil risiko yang membantu pengurusan risiko operasi yang berkesan dalam organisasi. RCSA ditandatangani oleh pihak pengurusan jabatan masing-masing;
- Petunjuk risiko utama sebagai isyarat amaran awal peningkatan risiko dan/atau kegagalan kawalan dengan memaparkan kekerapan kejadian sebagai mekanisma untuk penilaian/pemantauan risiko secara berterusan;
- Pengurusan kejadian yang merupakan satu proses dan sistem berstruktur untuk mengenal pasti dan menumpukan perhatian kepada bidang operasi bermasalah dan membantu mengurangkan kesan risiko; dan
- Laporan kerugian operasi melibatkan proses mengumpul, menilai, memantau dan melaporkan kerugian risiko operasi, termasuk hampir berlaku, data yang menyediakan metrik penting dalam pengukuran risiko operasi utama.

Penambahbaikan kawalan dan perlindungan terhadap ancaman keselamatan siber dan risiko teknologi untuk melindungi kerahsiaan, integriti dan ketersediaan aset maklumat penting dan sistem kritikal syarikat. RMD bekerja rapat dengan unit perniagaan dan ini adalah usaha berterusan. Bagi memastikan perkhidmatan tanpa gangguan dan perlindungan aset dan wargakerja Cagamas semasa bencana, Cagamas telah menyediakan sebuah Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) yang rapi bagi pelbagai fungsi kritikal. BCM merangkumi Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) dan Pemulihan Bencana (DR), sekiranya berlaku gangguan perniagaan/bencana dan pelaksanaan BCP. Daya tahan rancangan-rancangan ini di bawah senario yang berbeza telah diuji secara berterusan melalui latihan DR secara kerap.

Syarikat menggunakan pendekatan Petunjuk Asas untuk mengira Modal Risiko Operasi.

8.0 PENDEDAHAN TADBIR URUS SYARIAH

Syarikat berunding dan mendapatkan pengesahan/kelulusan daripada Penasihat Syariah bebas bagi semua produk dan transaksi Islam bagi memastikan pematuhan kepada keperluan Syariah. Di samping itu, Cagamas juga mendapat kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan/atau Suruhanjaya Sekuriti untuk produk Islamnya, sekiranya perlu.

Semakan/audit Syariah secara berkala dijalankan untuk mengesahkan bahawa produk dan operasi Islam Syarikat adalah selaras dengan keputusan yang disahkan oleh Penasihat Syariah bebas dan Penasihat Syariah Bersama bagi mana-mana program sukuk. Sebarang insiden yang tidak mematuhi keperluan Syariah akan dilaporkan kepada Penasihat Syariah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan, BRC dan Lembaga Pengarah. Tindakan pemulihan akan disahkan oleh Penasihat Syariah bebas dan untuk pemberitahuan kepada BRC dan Lembaga Pengarah.

Sepanjang tempoh kewangan ini, tidak ada peristiwa tidak mematuhi keperluan Syariah yang dilaporkan.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Cagamas Holdings

Bilangan Syer

BORANG PROKSI

Saya/Kami _____
(NAMA PENUH DALAM HURUF BESAR)

dari _____
(ALAMAT PENUH)

sebagai ahli/ahli-ahli CAGAMAS HOLDINGS BERHAD, dengan ini melantik:

Nama	Jawatan	Nisbah Pemegangan Syer (%)

dan/atau (potong mengikut kesesuaian)

Nama	Jawatan	Nisbah Pemegangan Syer (%)

atau sekiranya beliau tidak dapat hadir, Pengerusi bagi mesyuarat, sebagai proksi/proksi-proksi saya/kami untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Ketigabelas (ke-13) Syarikat, yang akan diadakan di Bilik Lembaga Pengarah, Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur pada hari Rabu, 3 Jun 2020 pada jam 11.00 pagi dan pada sebarang penangguhannya.

Proksi saya/kami akan mengundi sama ada dengan mengangkat tangan atau dengan membuang undi dengan menandakan "X" seperti di bawah:

NO.	RESOLUSI		SETUJU	BANGKANG
1.	Pembayaran Yuran Pengarah dari AGM ke-13 hingga AGM ke-14	(Resolusi Biasa No. 1)		
2.	Pembayaran Manfaat kepada Pengarah termasuk elaun mesyuarat dari AGM ke-13 hingga AGM ke-14	(Resolusi Biasa No. 2)		
3.	Pelantikan Semula Wan Hanisah binti Wan Ibrahim di bawah Artikel-artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat	(Resolusi Biasa No. 3)		
4.	Pelantikan Semula Datuk Siti Zauyah binti Md Desa di bawah Artikel 23.2 Perlembagaan Syarikat	(Resolusi Biasa No. 4)		
5.	Pelantikan Semula Chong Kin Leong dibawah Artikel 23.2 Perlembagaan Syarikat	(Resolusi Biasa No. 5)		
6.	Pelantikan Juruaudit	(Resolusi Biasa No. 6)		

Bertarikh _____ haribulan _____ 2020

_____
Tandatangan Ahli

Nota

1. Seorang ahli yang berhak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat adalah berhak melantik sehingga dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak beliau. Seorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
2. Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada satu (1) orang proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah kecuali beliau menyatakan nisbah pemegangan syer beliau yang akan diwakili oleh setiap proksi.
3. Suratcara pelantikan proksi tersebut hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil beliau yang telah diberi kuasa secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah badan korporat, sama ada di bawah meterai atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang telah diberi kuasa.
4. Kesemua Borang Proksi mestilah sempurna diisi dan diserahkan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat berkenaan atau untuk mesyuarat yang ditangguhkan mengikut keadaan yang berkenaan.

Dilipat

SETEM

Setiausaha Syarikat
CAGAMAS HOLDINGS BERHAD
Aras 32, The Gardens North Tower
Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Dilipat

www.cagamas.com.my

Cagamas Holdings Berhad
No. Pendaftaran 200701004048 (762047-P)
Aras 32, The Gardens North Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

TEL : +603-2262 1800
FAKS : +603-2282 9125
E-MEL : info@cagamas.com.my